


Jilid 1  
Bil. 63



Hari Rabu  
20hb Jun, 1979

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 6793]

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) [Ruangan 6841]**

**Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) [Ruangan 6844]**

**Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) [Ruangan 6874]**

**UCAPAN PENANGGUHAN [Ruangan 6898]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL**,  
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN**, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON**, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM**, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH**, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI**, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE**, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF**, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI**, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD**, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM**, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS**, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD**, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT**, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- .. TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- .. TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- .. TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- .. TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- .. TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- .. DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- .. TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- .. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSIAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT. K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 20hb Jun, 1979

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PEGUAM-PEGUAM ASING DI  
MALAYSIA

1. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada di kalangan peguam-peguam asing di negara ini yang tidak sebenarnya berkhidmat untuk negara dan tidak mematuhi prinsip-prinsip Rukunegara sebaliknya berkhidmat untuk kepentingan mereka sendiri. Sila nyatakan bilangan peguam-peguam asing di Malaysia semenjak tahun 1957 hingga hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahagian kedua daripada soalan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang menyatakan jumlah sahaja, tidak payahlah dari setahun ke setahun, kerana itu panjang sangat, kalau itu nanti berkehendakkan jawapan bertulis. Sila.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Dato Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa ada di kalangan peguam-peguam asing di negara ini yang tidak sebenarnya berkhidmat untuk negara dan tidak mematuhi prinsip-prinsip Rukunegara tetapi sebaliknya berkhidmat untuk kepentingan mereka sendiri.

Bilangan peguam-peguam asing semenjak tahun 1957 adalah seperti berikut:

Tuan Yang di-Pertua, saya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jumlah sahaja, kalau tidak, 22 tahun panjang sangat.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Saya tidak jumlahkan semua sekali dari setahun ke setahun. Jadi tidak banyak, cuma sekejap sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** 22 tahun itu Yang Berhormat, semenjak tahun 1957. Tak usahlah sebab Ahli Yang Berhormat dari Parit tidak minta dari setahun ke setahun, cuma jumlah sahaja.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Ini boleh diberi kemudian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Belum campurkan jumlahnya?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** 22 tahun panjang sangat, mengambil masa.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, Ordinan Peguambela dan Peguamcara 1947 telah dipinda mulai 16hb April, 1970 untuk memberhentikan orang-orang bukan warganegara dan pema-stautin-pemastautin tidak tetap dari menjalankan amalan sebagai Peguambela dan Peguamcara. Akibat dari pindaan ini bilangan Peguambela dan Peguamcara bukan warganegara tetapi pemastautin tetap dalam tahun 1971 telah menurun sebanyak 66.23% jika dibandingkan dengan tahun 1970 dan bilangan Peguambela dan Peguamcara itu tidak pernah melebihi 4 semenjak tahun 1971.

Oleh yang demikian, bilangan Peguambela dan Peguamcara asing di negara ini boleh dikatakan sebagai sungguh kecil dan dengan itu ianya tidak perlu dibimbangkan sangat.

RUKUN TETANGGA

2. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan:

(i) adakah beliau sedar bahawa beberapa Sektor-sektor Rukun Tetangga di beberapa bahagian Wilayah Persekutuan

tidak aktif lagi oleh kerana kurang minat yang ditunjukkan oleh orang ramai di dalam sekim Rukun Tetangga, jika ya, apakah sebab-sebab kemerosotan minat orang ramai ini;

- (ii) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menghidupkan semula semua sektor-sektor Rukun Tetangga yang telah "tidak bernyawa" ini; dan
- (iii) apakah langkah-langkah positif yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menarik minat orang ramai di dalam tugas-tugas Rukun Tetangga.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat itu,

- (i) Sepanjang yang saya ketahui penerimaan dan sambutan yang diberi oleh penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan sejak sekim Rukun Tetangga ini dilancarkan, adalah sangat menggalakkan. Walau bagaimanapun memang terdapat beberapa sektor Rukun Tetangga ini dilancarkan, adalah sangat menggalakkan. Walau bagaimanapun memang terdapat beberapa sektor Rukun Tetangga yang tidak aktif dan pentadbirannya tidak memuaskan yang telah digantung perjalanannya oleh pihak Urusetia Rukun Tetangga. Ini ialah disebabkan Jawatankuasa-jawatankuasa di sektor berkenaan kurang berdedikasi dan berkemampuan dalam memikul tanggungjawab yang diserahkan kepada mereka. Bagi sektor-sektor tersebut usaha-usaha untuk memulihkannya sedang giat dijalankan.
- (ii) Beberapa langkah telah diambil oleh pihak Urusetia Rukun Tetangga dan di antaranya ialah seperti berikut:
  - (a) Urusan Pendaftaran Semula penduduk-penduduk di dalam sektor tersebut telah diadakan untuk mengemaskinikan senarai penduduk-penduduk.
  - (b) Mengadakan pemulihan Ahli-ahli Jawatankuasa dan lain-lain jawatan yang penting seperti Ketua Peronda, Ketua Pengawal, Ketua

Tetangga dan lain-lain di antara penduduk-penduduk yang tinggal di sektor tersebut yang difikirkan sesuai dan berkemampuan untuk memikul tanggungjawab bagi menjalankan Sekim Rukun Tetangga di dalam sektor tersebut.

- (c) Memberi kursus kepada mereka mereka yang berkenaan yang telah dipilih, termasuklah urusan menyediakan roster, kawalan dan rondaan di sektor.
- (iii) Kerajaan ada menyediakan beberapa rancangan untuk menarik lagi minat orang ramai terhadap Sekim Rukun Tetangga. Antaranya Kerajaan akan mengadakan kempen-kempen dan projek-projek yang akan menggunakan dengan lebih luas lagi alat-alat sebaran am dan juga mendapatkan kerjasama dari ajensi-ajensi Kerajaan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu siapakah yang telah dikecualikan dari menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu Dewan ini sesiapa yang telah dikecualikan dari menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengikut Peraturan Mesyuarat, perkara-perkara yang boleh didapati daripada risalah-risalah dan dokumen tidak payah ditanya dalam Dewan ini. Saya percaya pengecualian kepada pihak-pihak yang tertentu sudah ada di dalam satu dokumen. Tetapi kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawab, sila.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Dalam masalah ini, saya tidak berapa pasti, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat sungguh berkehendakkan, saya minta notis.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan Rukun Tetangga ini baharu-baharu ini diadakan satu perbincaraan mengenai orang-orang yang tidak mendaftarkan diri dengan Rukun Tetangga dan dalam perbincaraan itu hakimnya telah membuat satu comment terhadap Skim Rukun Tetangga yang telah

dijalankan. Antara lain, dalam ingatan saya beliau mengatakan orang ramai kurang mendapat maklumat yang detail tentang fungsi (function) Rukun Tetangga ini dan banyak lagi perkara-perkara dan maklumat yang patut diberitahu kepada orang ramai yang tidak diambil langkah-langkah ini oleh pihak yang berkenaan. Pertanyaan saya ialah apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil oleh pihak berkuasa Rukun Tetangga dalam hal ini bersabit dengan comment yang telah dibuat oleh hakim tersebut.

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak Parlimen ini meluluskan Undang-undang (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat 1979, Urusetia Rukun Tetangga sedang giat menjalankan kursus-kursus kepada ahli-ahli Jawatankuasa untuk menerangkan detail tugas-tugas berkenaan dengan Rukuntetangga dan ini telahpun dijalankan.

**Tuan Hashim bin Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan kurang sambutan sektor Rukun Tetangga wujud oleh sebab tidak ada usaha yang lebih baik daripada jawatankuasa. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah Yang Berhormat Menteri sedar kemerosotan sambutan sektor Rukun Tetangga ini oleh sebab pernah ada seorang peguam daripada Pulau Pinang mengatakan wujudnya sektor Rukun Tetangga ini tidak sah dari segi undang-undang.

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya di bawah Undang-undang (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat yang telah disahkan oleh Parlimen baharu-baharu ini untuk memberi penjelasan kepada rakyat negeri ini supaya mereka benar-benar bertanggungjawab dalam masalah Rukun Tetangga.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Soalan tambahan. Mengikut yang dibangkitkan oleh wakil dari Kuala Lumpur Bandar mengatakan kurang minatnya orang terhadap skim Rukun Tetangga ini, apakah campur tangan Pembangkang dan issue-issue yang menimbulkan semangat perkauman ini juga merupakan satu masalah dan merumitkan lagi dalam melaksanakan skim Rukun Tetangga ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini jauh daripada soalan asal.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di antara sebab yang menyebabkan orang ramai tidak begitu minat terhadap skim Rukun Tetangga ialah bahawa apabila mereka yang tercedera dalam masa duty, mereka tidak dapat satu gantirugi yang memuaskan sungguhpun di bawah peraturan-peraturan yang tertentu ada peruntukan untuk pembayaran gantirugi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa perkara semacam ini akan diambil perhatian yang berat?

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini Rukun Tetangga telah mengambil tindakan atau langkah-langkah untuk mengadakan insurans bagi ahli-ahli Rukun Tetangga yang keluar menjaga dan bila dapat kemalangan mereka akan dibayar compensation.

**Tuan Au How Cheong:** Soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada Kerajaan akan menimbangkan supaya memberi bantuan kewangan kepada rancangan ini kerana buat sementara ini rancangan ini dijalankan secara sukarela sahaja.

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, Rukun Tetangga ini adalah satu institusi sukarela.

**Tuan Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baharu-baharu ini ada seruan dibuat oleh pihak yang berkuasa Rukun Tetangga iaitu mereka yang berumur 15 tahun di suruh mendaftar. Jadi apakah tujuan pendaftaran kepada mereka yang berumur 15 tahun dengan Rukun Tetangga ini. Adakah ini bertujuan sebagai satu langkah ke arah mewajibkan mereka yang berumur 15 tahun ini mengambil bahagian di dalam Rukun Tetangga atau ada tujuan-tujuan lain.

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran itu dijalankan semata-mata hendak mengetahui berapa bilangan pemuda-pemuda yang berumur 15 tahun untuk satu langkah yang akan diambil oleh Rukun Tetangga itu.

**Tuan Lee Lam Thye:** Ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah beliau sedar bahawa salah satu sebab orang ramai tidak berminat dalam tugas Rukun Tetangga ialah oleh kerana mereka berpendapat ada berlakunya diskriminasi dalam pelaksanaan tugas Rukun Tetangga iaitu ia satu golongan kecil telah diberi pengecualian, misalnya Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Ingin saya bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri akan menarik balik pengecualian yang telah diberi kepada Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dalam menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi tadi sudah tahulah siapa yang dikecualikan. Jadi, mengapa bertanya tadi?

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Sebenarnya dalam Rukun Tetangga tidak ada diskriminasi.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada benar bahawa kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam program Rukun Tetangga ini ialah kerana adanya campur tangan daripada parti-parti pembangkang discourage atau tidak menggalakkan orang ramai menyertai skim ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tidak perlu dijawab. (*Ketawa*) Ini terkeluar daripada tajuk asal.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa salah satu daripada sebab-sebab kerana kemerosotan minat orang ramai dalam skim Rukun Tetangga adalah timbul daripada majikan-majikan yang enggan memberi cuti bergaji selepas pekerja-pekerja mereka menjalankan tugas meronda. Yang kedua, sama ada Kerajaan atau pihak Yang Berhormat Menteri mempunyai apa-apa cadangan atau langkah-langkah bagaimana hendak memastikan bahawa majikan itu sebenar-benarnya memberi cuti bergaji kepada pekerja-pekerja ini yang menjalankan tugas Rukun Tetangga.

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi

bahawa khidmat atau tugas Rukun Tetangga ini adalah voluntary dan urusetia sedang atau mengambil langkah-langkah membuat perundingan dengan pihak majikan supaya Rukun Tetangga ini dapat berjalan dengan lancar dan baik dan diterangkan juga dengan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen ini.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang timbul oleh Wakil Kuala Lumpur Bandar ini ialah berhubung dengan kelemahan ataupun kurangnya aktif ahli-ahli Rukun Tetangga di Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan. Jadi soalan saya, dapatkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu adakah ini juga berlaku di kawasan-kawasan lain atau negeri-negeri lain selain daripada Wilayah Persekutuan.

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, adakah juga berlaku sedikit sebanyak tetapi walau bagaimanapun usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengatasi segala masalah-masalah yang berlaku sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanjung Karang.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa perkhidmatan Rukun Tetangga itu merupakan satu tanggungjawab rakyat dan rakyat yang tidak minat kepada perkhidmatan Rukun Tetangga ini boleh dianggap sebagai rakyat yang tidak mahu bertanggungjawab kepada negara?

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Ya.

### SENJATAPAI BAGI PENDUDUK RASCOM

3. **Tuan Sibat Miyut anak Tagong** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilakah penduduk-penduduk di kawasan RASCOM, Sibu, dibenarkan membeli senjata-pai untuk menjaga ladang-ladang mereka.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Syed Ahmad Shahbuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, keadaan keselamatan di negeri Sarawak terutamanya di kawasan RASCOM masih lagi membimbangkan

sungguhpun ianya adalah terkawal. Oleh yang demikian pada masa ini Kerajaan tidaklah dapat memberi kebenaran kepada penduduk-penduduk itu membeli senjata-pisang sehingga keadaan benar-benar mengizinkan kelak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan sama ada pendirian ini adalah pendirian Kerajaan yang lama sebelum satu ulang-kaji dibuat oleh kerana adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah mengatakan beliau akan bincangkan masalah ini dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sudahkah perkara ini dibincang dan dikaji semula?

**Tan Sri Syed Ahmad Shahbuddin:** Tuan Yang di-Pertua, belumlah lagi perkara ini dibawa kepada perhatian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

#### PEPERIKSAAN SPM/MCE

**4. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) mengapakah terdapat ramai penuntut-penuntut gagal dalam peperiksaan Tingkatan 5 tahun lepas (1978); dan
- (b) sama ada Kementerian beliau telah menjalankan sebarang penyiasatan untuk mencari punca kegagalan penuntut-penuntut tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Speaker, daripada perangkaan peperiksaan MCE yang diproseskan didapati bahawa peratus kelulusan dalam tahun 1978 adalah lebih baik daripada keputusan tahun sebelumnya, iaitu 68.4% berbanding dengan 66.7%. Selain daripada itu peratus yang mendapat Pangkat I juga telah meningkat, daripada 15.4% tahun 1977 kepada 17.7% tahun 1978.

Bagi peperiksaan SPM pula peratus kelulusan tahun 1978 tidak banyak berbeza daripada peratus kelulusan tahun 1977, iaitu daripada 47.6% kepada 47.3% dan peratus calon yang mendapat Pangkat A telah meningkat daripada 1.9% tahun 1977 kepada 2.2% tahun 1978.

Dengan hal yang demikian, keadaan pembelajaran dan pengajaran di peringkat tersebut bolehlah dikatakan terkawal.

**Tuan P. Patto:** Dari angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran terdapat bahawa lebih 30% daripada pelajar-pelajar dalam Tingkatan V gagal dalam peperiksaan MCE dan hampir 53% daripada pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan SPM juga gagal. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah sebabnya begitu ramai sekali pelajar-pelajar gagal di dalam SPM bagi tahun 1978 dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meninggikan kadar kelulusan di kalangan penuntut-penuntut SPM.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada banyak sebab-sebabnya, jadi saya minta notis.

#### TALIPINGGANG KELEDAR

**5. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian ini akan mengecualikan pemandu dan penumpang hadapan kenderaan daripada memakai talipinggang keledar dalam lingkungan bandar dan sepanjang jalan dalam lingkungan had laju 30 baru sejam dan ke bawah.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, tidak.

**Tuan Lee Lam Thye:** Untuk makluman Dewan ini mengenai pemasangan talipinggang keledar, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada pihaknya telah menerima satu memorandum dari pihak Persatuan Teksi Bandaraya supaya mereka dikecualikan, dan jika ada, apakah keputusan yang telah diambil oleh pihak Kementerian yang berkenaan?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mendapat syor-syor daripada beberapa pihak yang berkenaan mengenai dengan pelaksanaan talipinggang keledar ini. Walau bagaimanapun, Kementerian berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini baru diluluskan dan dilaksanakan dan buat sementara tidak bercadang meminda Rang Undang-undang itu.

#### PENDAFTAR KESATUAN SEKERJA— PEMBATALAN PENDAFTARAN

**6. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan beberapa kalikah Pendaftar Kesatuan-kesatuan Sekerja telah memerintah dibatalkan nama ahli-ahli

kesatuan sekerja dari buku pendaftaran kesatuan sekerja dengan memberikan dalam setiap kes nama kesatuan sekerja yang terlibat serta jumlah ahli-ahli yang terlibat, tarikh dan sebab-sebab mengapa perintah tersebut dikeluarkan dan hasil muktamad rayuan-rayuan tersebut; dan nyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperkenalkan pindaan-pindaan untuk menyekat kuasa Pendaftaran Kesatuan-kesatuan Sekerja untuk memerintah pembatalan pendaftaran ahli-ahli kesatuan sekerja tanpa mematuhi peraturan-peraturan "natural justice".

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini juga saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menjawab dengan seberapa ringkas, kerana dalam soalan ini ada lima bahagian dan satu daripada bahagian mengandungi tiga pecahan kecil. Jadi boleh buat thesis kalau hendak jawab panjang-panjang. Masa yang akan datang, kalau selepas saya mengatakan ini jawapan bertulis, saya akan arahkan Setiausaha taruh di bawah sekali bagi hari itu supaya tidak sampai (*Ketawa*).

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya mengikut seksyen 26 (3) Ordinan Kesatuan Sekerja, keahlian seseorang ahli dalam mana-mana Kesatuan Sekerja adalah terlucut dengan sendirinya apabila ahli itu terlibat dalam tindakan perusahaan yang menyalahi undang-undang. Dengan demikian ahli itu hendaklah dipotong namanya dari daftar keahlian Kesatuan itu. Tindakan Pendaftar Kesatuan Sekerja dalam perkara ini hanya merupakan satu pengawasan pentadbiran (administrative supervision) di bawah seksyen 26 (3) Ordinan itu.

Sepatutnya Kesatuan Sekerja yang berkenaan itu harus sendiri menyingkirkan keahlian ahli apabila terdapat kesalahan ahli-ahli itu seperti tidak mematuhi peraturan-peraturan Kesatuannya sendiri yang memerlukan persetujuan Majlis Jawatankuasa dan undi sulit dijalankan terlebih dahulu sebelum tindakan perusahaan diambil. Tindakan seperti ini telah dijalankan sebanyak 13 kali dan melibatkan 6 buah Kesatuan Sekerja.

Jumlah ahli-ahli yang terlibat adalah seramai 2,371 orang. Sebab-sebab tindakan ini

diambil adalah sama bagi semua kes iaitu mereka telah menjalankan tindakan perusahaan secara haram. Pendaftar Kesatuan Sekerja telah menerima rayuan mengenai 6 golongan ahli-ahli yang terlibat dan beliau telah membenarkan semua keahlian mereka dikembalikan ke dalam Kesatuan Sekerja masing-masing.

Dalam kes mengenai Kesatuan Pekerja-pekerja Syarikat Penerbangan (AEU) hanya seorang sahaja daripada 874 yang terlibat dalam membuat rayuan telah membuat rayuan dan ianya telah juga diberi kebenaran oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja. Dalam dua kes yang lain pula, Kesatuan atau pekerja-pekerja yang berkenaan telah mencabar keputusan-keputusan yang diambil oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja di Mahkamah Tinggi dan keputusan Mahkamah masih ditunggu.

Dalam satu lagi kes Pendaftar telah menarik balik perintahnya. Mengikut arahan daripada Tuan Yang di-Pertua sendiri saya akan memberi butir-butir yang lengkap dan detil mengenai kes-kes tertentu kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu untuk mengelakkan masa Dewan ini dibazirkan.

Mengenai bahagian kedua dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya telah memberi keterangan yang penuh pada masa berucap di atas usul mengemukakan Rang Undang-undang Ahli Persendirian mengenai perkara ini pada 11hb Jun dalam Dewan ini dan saya tidak berhajat hendak membuat apa-apa tambahan kepada penjelasan yang diberi itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa enam golongan ahli-ahli yang melibatkan 360 orang yang ada merayu dan telah dibenarkan dikembalikan taraf mereka di dalam Kesatuan-kesatuan Sekerja. Adakah ini dibuat kerana tindakan Pendaftar tidak berasas untuk memotong nama mereka daripada senarai-senarai kesatuan-kesatuan.

**Tuan K. Pathmanaban** Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Tindakan Pendaftar Kesatuan Sekerja mengembalikan keahlian seseorang itu adalah tertakluk kepada keterangan yang diberi oleh seorang ahli dalam rayuannya kepada Tuan Pendaftar Kesatuan Sekerja dan keputusan adalah diambil di atas merit kes-kes tersebut.

## AKTA PENANAMAN PADI— PENGUATKUASAAN

**7. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) semenjak penguatkuasaan Akta Penanaman Padi berapa orang tuannya tanah telah membuat perjanjian dengan penanam-penanam padi di Kedah, Kelantan, Perak, Selangor, Perlis, Trengganu dan Pulau Pinang; dan
- (b) berapa kes-kes pelanggaran undang-undang tersebut dan berapa orang yang terlibat telah dihukum di negeri-negeri tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan Akta Penanaman Padi adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Butir-butir yang diperlukan hanya boleh didapati daripada Kerajaan Negeri-negeri yang berkenaan itu.

### PENDATANG HARAM VIETNAM

**8. Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah berlakunya rompak bersenjata yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram baharu-baharu ini, merupakan tanda-tanda awal bahawa keganasan yang lebih serius akan dilakukan oleh mereka, dan apakah langkah tegas Kementerian ini dalam mengatasi masalah seperti ini di masa yang akan datang.

**Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di Pertua, rompak bersenjata yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Vietnam baru-baru ini adalah tidak merupakan tanda-tanda awal keganasan yang lebih serius akan berlaku oleh mereka. Buktinya selama ini hanya rompak di Trengganu pada 6hb Mei, 1979 sahaja yang jadi. Rompak itu adalah kejadian yang luar daripada kebiasaan yang pernah dilakukan oleh pendatang-pendatang haram tersebut.

Walau bagaimanapun langkah-langkah ataupun dijalankan bagi mengatasi masalah ini iaitu dengan mempertingkatkan lagi kawalan-kawalan dan rondaan di laut dan di samping itu nelayan-nelayan adalah dinasihatkan supaya jangan cuba merapati atau

membantu pendatang-pendatang haram yang dijumpai di laut itu. Tetapi sebaliknya mereka hendaklah menghubungi peronda-peronda laut, pasukan keselamatan atau melaporkan kepada balai-balai polis yang berhampiran.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kementerian bermaksud untuk memberi senjata kepada nelayan-nelayan pada masa yang akan datang untuk menghadapi kemungkinan perompakan seperti ini di masa depan.

**Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini adalah didapati tidak lagi perlu diberi senapang-senapang atau senjatapi kepada nelayan-nelayan.

### BADAN-BADAN BERKANUN

**9. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa badan-badan berkanun dan separuh swasta seperti LPN, Pernas dan lain-lain yang menjalankan perniagaan tetapi tidak dapat menyaingi syarikat-syarikat swasta dan salah satu daripada sebab-sebabnya ialah pegawai-pegawai badan-badan berkanun ini mempunyai sikap makan gaji dan apa juga kerugian yang dialami oleh badan-badan berkanun ini ditanggung oleh Kerajaan dan ada antara badan-badan berkanun ini yang tidak menyediakan lapuran kerugian dan keuntungannya dan jika ya, sama ada terdapat sebarang usaha yang sesuai untuk dijalankan supaya pegawai-pegawai ini akan mengubah sikap mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, sama ada semua badan-badan berkanun yang menjalankan perniagaan dapat menyaingi syarikat swasta adalah bergantung kepada pendapat masing-masing.

Saya suka menerangkan bahawa badan-badan berkanun telah ditubuhkan melalui Akta Parlimen dengan tugas-tugas dan matlamat yang tertentu dan bukan untuk berniaga. Dan untuk menjalankan perniagaan, syarikat-syarikat ditubuh mengikut Akta Syarikat-syarikat dan mereka-mereka tentu sekali boleh menyaingi pihak swasta.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum pegawai-pegawai dipilih untuk bertugas di badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan itu adalah dipilih mengikut kelayakan mereka. Pegawai ini juga dikehendaki mematuhi disiplin dan dedikasi kepada tugas-tugas mereka mengikut kehendak-kehendak peraturan-peraturan kerja dan juga Buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang dalam badan berkanun. Walau bagaimanapun jika pegawai-pegawai tersebut didapati tidak sesuai dan tidak dapat menghasilkan kerja-kerja yang baik dan sempurna, Kerajaan tidak ragu-ragu mengambil tindakan tegas untuk menghentikan pegawai-pegawai itu dari jawatannya.

Semua badan berkanun menyediakan laporan mengikut kehendak Akta masing-masing yang dibentangkan di Parlimen. Bagi syarikat pula laporan untung rugi memang ada disediakan tiap-tiap tahun menurut yang dikehendaki oleh Akta-akta Syarikat.

### BEKALAN MINYAK

**10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah rumusan atau maksud yang terbit dari memorandum pihak empat syarikat pengusaha minyak terbesar di negara ini (Shell, Caltex, Mobil dan Esso) yang telah disampaikan kepada Kerajaan baru-baru ini. Sejauh manakah tindakan Kerajaan dalam masalah ini bagi memastikan bekalan minyak yang cukup, pengedarannya cekap dan harga yang berpatutan kepada orang ramai.

**18. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian adakah beliau sedar bahawa minyak disel yang digunakan untuk kenderaan-kenderaan bermotor tidak dapat diperolehi dari kebanyakan setesyen minyak mulai 26hb April hingga 30hb April 1979. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan sebab-sebab berlakunya keadaan ini. Benarkah timbulnya keadaan ini disebabkan agen-agen minyak melakukan penyorokan.

**25. Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kenyataannya yang lalu berkenaan dengan harga minyak telah membangkitkan kekeliruan antara

orangramai; dan sama ada Kerajaan boleh menyatakan dengan tegas bahawa harga minyak tempatan tidak dinaikkan; dan nyatakan apakah langkah-langkah yang Kerajaan boleh ambil untuk menghalang kenaikan harga minyak tempatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 18 daripada Ahli Yang Berhormat dari Damansara dan soalan No. 25 daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Jawapannya adalah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun menjawab soalan yang serupa semasa beliau menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar pada 11 Jun, 1979 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan. Walaupun Timbalan Menteri sudah menjawab tetapi sampai hari ini seluruh Johor terutama Kluang tidak dapat diesel.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat pakai motokar apa?

**Tuan Lee Kaw:** Diesel.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diesel dibeli dari mana?

**Tuan Lee Kaw:** Dari Kuala Lumpur (*Ketawa*)

**Tuan Ismail bin Said:** Soalan tambahan. Sungguhpun harga minyak diesel sudahpun dinaikkan baru-baru ini tetapi kekurangan minyak diesel masih lagi berlaku di mana-mana. Soalan saya, adakah ini merupakan tanda-tanda langkah awal bagi syarikat-syarikat minyak menaikkan lagi harga minyak diesel?

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara yang diagak atau hypothetical di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (*h*) tidak boleh bertanya.

### MUTU MATA PELAJARAN BAHASA INGGERIS

**11. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian beliau untuk menjamin mutu

matapelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah tidak merosot seperti sudah mulai nampak tanda-tanda kemerosotan pada hari ini.

**Dato Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, Kementerian Pelajaran sedar akan tanda-tanda yang menunjukkan kemerosotan pembelajaran bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah di negara ini. Penukaran Bahasa Pengantar di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris dari bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia sedikit sebanyak telah menjejaskan taraf pencapaian bahasa Inggeris di kalangan murid-murid. Kelemahan mempelajari bahasa Inggeris ini memang sedia wujud di kalangan murid-murid dari sekolah menengah kebangsaan terutama dari kawasan-kawasan luarbandar.

Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian saya untuk mengatasi masalah tersebut ialah:

(a) Kementerian sedang berusaha untuk mendapatkan seramai 200 orang guru kontrek dari United Kingdom yang mempunyai pengalaman mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua sebagai satu langkah jangka pendek. Guru-guru ini dikehendaki mengajar di sekolah-sekolah menengah rendah di luarbandar dan di sekolah-sekolah di mana terdapat keadaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris amat lemah.

(b) Kementerian saya juga sedang giat memberi latihan dalam perkhidmatan kepada guru-guru bahasa Inggeris yang berikut:

(i) Guru-guru siswazah sekolah menengah atas yang tidak mempunyai latihan di dalam pengkaedahan pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua diberi latihan di dalam bidang ini di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Kursus ini berjalan selama 10 minggu dan akan diteruskan selama 5 tahun. Adalah dijangkakan pada akhir tahun kelima seramai 200 orang guru akan dapat mengikuti kursus ini.

(ii) Guru-guru sekolah rendah dan menengah rendah diberi kursus TESL (Teaching of English as Second Language) yang dikelola oleh Pusat Bahasa Universiti Malaya. Sekurang-kurangnya 40-60 orang guru bahasa dapat dilatih pada tiap-tiap tahun.

(iii) Kursus jangka pendek di dalam bidang pengajaran bahasa Inggeris diadakan juga di Maktab Perguruan Bahasa. Adalah dijangkakan maktab ini dapat melatih semula lebih kurang 300 orang guru setahun.

(c) Kementerian saya juga telah menjalankan beberapa projek bacaan tambahan seperti "New Zealand Readers", Programme bacaan untuk sekolah-sekolah menengah dan "Projek buku-buku bacaan tambahan". Semua buku-buku bacaan untuk projek bacaan ini digredkan mengikut taraf keupayaan bahasa Inggeris murid-murid di satu-satu peringkat. Dengan cara ini diharapkan murid-murid akan mendapat pendedahan yang lebih di dalam bahasa Inggeris.

(d) Kementerian juga sedang menyediakan satu projek yang dipanggil "Resouce Kit". Projek ini bersirikan bahan-bahan tempatan sama ada dari bandar atau luar bandar di mana diharapkan akan dapat mencetuskan minat untuk murid-murid menggunakan bahasa Inggeris di dalam konteks tempatan sekurang-kurangnya di peringkat bahasa Inggeris yang boleh difahami.

Adalah diharapkan dengan bekalan guru-guru bahasa Inggeris dari United Kingdom dan guru-guru bahasa Inggeris tempatan yang dilatih semula serta rancangan bacaan tadi dan juga baru-baru ini dengan satu perlancaran kempen oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita untuk memberikan keinsafan dan juga kesedaran kepada ibubapa dan murid-murid sekalian, kita berharap taraf pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di negara ini dapat ditingkatkan lagi.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya tadi ada menyebut bahawa usaha untuk meningkatkan pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah ialah dengan membawa guru-guru daripada United Kingdom mengajar di negara ini. Saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian bercadang juga hendak membawa guru-guru daripada Amerika untuk mengajar bahasa Inggeris di sini oleh sebab setakat yang saya tahu ada dua jenis bahasa Inggeris. Yang pertama ialah British English dan yang kedua ialah American English. Dari segi kemudahan, saya kira ada baiknya kita memperkenalkan American English; bukan British English dalam sekolah-sekolah kita oleh kerana American English ini lebih simplified daripada British English.

**Tuan Yang di-Pertua:** British English ini apa—orang Welsh or Scotch macam mana? (Ketawa) Baiklah, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran boleh selesaikan perkara ini.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir di dalam Dewan ini semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya iaitu kita sedikit sebanyak dapat pelajaran kita daripada British English, jadi untuk sementara waktu kita mengikut British English.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan bahawa di negara kita pada hari ini sejumlah besar pelajar-pelajar kita yang berada di universiti-universiti terdiri daripada mereka yang datang dari luar bandar di mana untuk mendapat tuition bahasa Inggeris ini adalah satu kesukaran yang besar. Jadi adakah pihak Kementerian akan memberikan satu pandangan yang serius ataupun keutamaan untuk menghantar guru-guru ini ke kawasan luar bandar.

**Dato' Chan Siang Sun:** Ya.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya, tadi kita telah mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah menerangkan iaitu guru-guru yang boleh

mengajar bahasa Inggeris akan dibawa ke dalam negara ini dan juga guru-guru di sini akan diberi latihan di peringkat Universiti Malaya. Tidakkah pihak Kementerian bercadang supaya guru-guru yang ada dalam negara kita ini diberi latihan di luar negeri dan apabila mereka balik dapat mengajar dan mengetahui latarbelakang keadaan murid-murid di sini dan tidak banyak kita membawa orang-orang Inggeris masuk ke dalam negara kita.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh dipertimbangkan.

(Soalan No. 12 ditarik balik.)

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali.

**Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik balik soalan ini kerana penjelasan telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini.

#### KEKURANGAN BAHAN BINAAN

13. **Tuan P. Patto** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa apakah sebab-sebab dan faktor-faktor yang sebenar yang mengakibatkan kekurangan bahan-bahan binaan (seperti besi dan simen), disel, minyak tanah, kain putih dan lain-lain lagi barang-barang keperluan (sungguhpun beliau selalu menegaskan bahawa barang-barang ini adalah barang-barang kawalan dan langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi, tapi rakyat masih menghadapi situasi yang sama seperti dahulunya), dan juga apakah sebabnya Kementerian beliau selalu menunjukkan ketidakcekapan dan kelemahan dalam menghadapi tekanan dan cabaran dari syarikat-syarikat monopoli barangan tersebut, umpamanya masalah kekurangan disel yang berlanjutan selama 1½ tahun masih belum dapat diatasi, dan juga apakah sebabnya didapati bercanggah kenyataan di antara beliau dan Menteri Kewangan tentang kenaikan harga minyak di mana beliau berkata harga minyak mungkin dinaikkan, tapi bagi pihak Menteri Kewangan katanya Kerajaan tidak akan mengizinkan kenaikan harga minyak kerana keuntungan berlebihan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat minyak.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan bahan-bahan binaan seperti batang-batang besi berlaku disebabkan kawalan impot untuk melindungi perusahaan tempatan dan harga yang rendah yang dibenarkan untuk mengurangkan kos binaan bangunan. Apabila pengeluaran tempatan tidak mencukupi kerana pembangunan yang lebih dari yang dijangka, impot dibenarkan untuk menambah bekalan. Malangnya, harga impot lebih tinggi dari harga keluaran tempatan. Ini menyebabkan pengimpot tidak sanggup mengimpot dan kekurangan pun berlaku. Jika Ahli Yang Berhormat tidak akan mengkritik, kekurangan boleh diatasi dengan membenarkan harga dinaikkan dan inflasi berlaku. Untuk mengelakkan inflasi, keluaran tempatan akan dijual kepada pengusaha dengan harga yang murah dan Kerajaan membeli dengan harga yang tinggi untuk kegunaannya.

Berhubung dengan bekalan simen pula, sukalah saya memaklumkan iaitu pengeluaran simen adalah mencukupi untuk menampung keperluan dalam negeri. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa baru-baru ini terdapat kekurangan bekalan simen terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan dan ini disebabkan oleh masalah pengangkutan yang dialami oleh pembekal-pembekal bahan tersebut. Untuk mengatasi masalah tersebut, Kementerian saya telah meminta kerjasama Keretapi Tanah Melayu supaya memberi bekalan gerabak-gerabak yang cukup kepada pengedar-pengedar untuk membawa simen ke negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung.

Berhubung dengan kekurangan minyak diesel dan minyak tanah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya telahpun menjawab soalan mengenai perkara ini apabila saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar pada 11.6.1979 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

Mengenai kekurangan bekalan kain putih, sukalah saya memaklumkan iaitu bahan tersebut adalah dibekalkan oleh pengeluaran tempatan dan juga diimpot dari luar negeri. Pada awal tahun ini telah terdapat kekurangan

bekalan kapas di pasaran dunia dan faktor ini dengan sendirinya telah menyebabkan kekurangan dan seterusnya kenaikan harga kain putih. Oleh kerana harga kain putih keluaran tempatan adalah setanding dengan kain yang diimpot dari luar negeri, permintaan berlebihan telah berlaku ke atas kain putih keluaran tempatan dan demikian telah mewujudkan keadaan di mana terdapat kekurangan bekalan kain-kain putih di pasaran tempatan.

Perlulah saya menjelaskan di sini bahawa permintaan terhadap kain-kain putih keluaran tempatan adalah berubah-ubah dan bergantung kepada harga kain putih di pasaran dunia.

Jikalau kekurangan bahan binaan menunjuk ketidakcekapan Kementerian saya, ia juga menunjukkan ketidakcekapan negara-negara yang lebih besar dan kaya yang bukan sahaja tidak cukup bekalan tetapi tidak nampak jalan keluar bagi mereka.

Berkenaan dengan soalan percanggahan kenyataan di antara Menteri-menteri bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri sukalah saya menyatakan bahawa perbezaan pendapat di antara Menteri kadang-kadang berlaku kerana jika semua Menteri mempunyai pendapat yang sama sepanjang masa tidak perlu kita ada Mesyuarat Jemaah Menteri (*Ketawa*).

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kita mengalami kekurangan bahan-bahan binaan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang hendak menjadikan bahan-bahan binaan ini sebagai barang-barang kawalan.

**Dato Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak fikir berbuat demikian.

#### PENYALAHGUNAAN DADAH

**14. Tuan Hashim bin Endut** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa masalah dan penyalahgunaan dadah semakin bertambah dan Malaysia sekarang ini menjadi terkenal dengan tangkapan ramai penagih-penagih dadah oleh pihak yang berkuasa tetapi terlalu kurang bilangan pengedar-pengedar dadah yang didedahkan atau dikesan. Memandangkan

kawalan keselamatan yang ketat dengan adanya pagar kawat duri di sempadan, pengawasan oleh Yunit Mencegah Penyeludupan, Yunit Anjing Narkotik dan sebagainya, menyatakan mengapakah jumlah dadah yang banyak telah dapat dibawa masuk ke dalam negeri ini; jika ya, nyatakan adakah wujudnya amalan-amalan salah di kalangan kakitangan ini dan apa tindakan yang beliau bercadang hendak ambil.

**Tan Sri Syed Ahmad Shahbuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa masalah dan penyalahgunaan dadah adalah semakin bertambah di negara ini. Walau bagaimanapun, adalah tidak benar kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat mengenai kurangnya bilangan pengedar-pengedar dadah yang dapat dikesan. Tangkapan-tangkapan kepada pengedar-pengedar yang dibuat di bawah Undang-undang Dadah Berbahaya 30/52 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1976 .. .. .	206 orang
1977 .. .. .	385 "
1978 .. .. .	659 "
1979 hingga bulan April	.. 153 "

Selain daripada itu tangkapan-tangkapan kepada pengedar-pengedar juga dibuat di bawah Ordinan Dharurat 5/69 dengan perangkaan seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1976 .. .. .	119 orang
1977 .. .. .	255 "
1978 .. .. .	281 "
1979 hingga bulan April	.. 49 "

Sejak hukuman mati atau penjara seumur hidup diperkenalkan, seramai 39 orang telah dikenakan hukuman penjara seumur hidup dan 3 orang dihukum mati. Walaupun bertambah tangkapan-tangkapan ini dibuat, pengedaran dadah ialah merupakan satu kegiatan haram yang menguntungkan tambahan pula meningkatnya kemahuan-kemahuan untuk mendapatkan dadah maka dadah masih lagi diseludupkan ke negara ini untuk kegunaan tempatan mahupun bagi pengedar-pengedar antarabangsa.

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian saya telahpun mengatur strategi yang menyeluruh yang berkisar antara dua aspek, iaitu:

- (a) membasmi kemahuan kepada dan kegunaan dadah melalui pendidikan dan penerangan; dan
- (b) membasmi pengedaran dadah melalui penguatkuasaan dan juga perundangan.

Kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh agensi-agensi kuatkuasaan seperti di atas telah menyebabkan berkurangnya dadah diedar di negara yang mana selanjutnya meningkatkan harga dadah dengan tingginya. Maka pada hemat saya ini bukanlah mencerminkan wujudnya amalan-amalan salah di kalangan kakitangan kuatkuasa.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menerangkan tentang langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk memerangi masalah penyalahgunaan dadah di negara kita tetapi adakah beliau sedar bahawa sungguhpun langkah-langkah itu telah diambil tetapi masalah penyalahgunaan dadah semakin bertambah dan juga semakin buruk. Adakah beliau sedar bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan setakat ini mengenai perkara memerangi masalah penyalahgunaan dadah adalah tidak berkesan ataupun tidak efektif. Jikalau beliau sedar, sama ada Kerajaan akan bercadang untuk mengambil satu pendekatan (approach) yang lebih efektif dengan melancarkan satu kempen anti dadah kebangsaan yang lebih intensif untuk memerangi masalah penyalahgunaan dadah di negara kita.

**Tan Sri Syed Ahmad Shahbuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menyatakan tadi langkah-langkah yang telahpun diambil tentang menguatkuasakan ini telahpun memberi kesan-kesan yang memuaskan dan selanjutnya segala usaha-usaha sedang dijalankan dan diadakan lagi untuk membasmi penyalahgunaan dadah dalam negara kita ini sepertimana yang saya telah terangkan dan Kementerian saya sekarang ini sedang mengatur satu strategi baru yang menyeluruh semoga dapat membasmi kemahuan daripada penggunaan dadah

melalui berbagai-bagai cara dan tindakan dan syor-syor Ahli Yang Berhormat itu akan dapat diambil timbang di dalam tindakan-tindakan yang akan dijalankan oleh Kerajaan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut kenyataan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri bahawa 380,000 rakyat Malaysia adalah dipercayai sedang terlibat dengan amalan penyalahgunaan dadah. Apakah pengedar-pengedar ataupun pengimpot dan pengeksport dadah ini ada tanda-tandanya datang melalui pelancung-pelancung luar negeri ke negara kita atau orang-orang kita keluar negeri dan apakah langkah kerjasama antarabangsa yang dilakukan untuk menghapuskan kegiatan pengedaran dadah ini secara menyeluruh.

**Tan Sri Syed Ahmad Shahbuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, pengedaran dadah dengan secara yang menyeluruh ini adalah dilakukan oleh agensi-agensi ataupun pihak-pihak yang tertentu. Walaupun demikian, tidaklah kita nafikan bahawa pengedaran ini ada juga dijalankan oleh pelancung-pelancung sama ada daripada luar negeri ataupun daripada dalam negeri ini. Sepertimana yang telahpun termaklum bahawa langkah-langkah antarabangsa sedang diambil untuk memperkuatkan lagi tentang tindakan-tindakan bagi membasmi penyalahgunaan dadah ini, bukan sahaja dalam negeri ini bahkan di antara semua negara-negara yang terlibat.

**Tuan Hishamuddin bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar di Ibu Pejabat UMNO ada suatu badan sukarela yang menjalankan peperangan anti dadah dan organisasi ini juga mempunyai beberapa orang yang bekerja secara sukarela tetapi setakat yang saya ketahui badan ini sentiasa menghadapi masalah kewangan. Kalau pihak Kerajaan betul-betul bercadang untuk menghapuskan penyalahgunaan dadah ini, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa banyakkah bantuan yang diberi kepada badan ini di dalam tahun 1978. Jikalau tidak dapat angkanya, adakah bantuan diberi secara kewangan kepada badan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Barangkali angka itu berkehendakkan notis tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab?

**Tan Sri Syed Ahmad Shahbuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidaklah sedar bahawa apa-apa bantuan berupa kewangan sama ada diberi atau tidak kepada badan yang diadakan oleh Ibu Pejabat UMNO ini tetapi sebaliknya sememangnya pihak Kerajaan dan Kementerian saya sendiri memberi segala galakan kepada mana-mana badan yang berusaha untuk membasmi penyalahgunaan dadah ini dan segala kerjasama dan bantuan akan diberi kepada badan-badan, terutama sekali kepada badan yang diwujudkan oleh Ibu Pejabat UMNO sebagai satu badan atau parti yang menganggotai Kerajaan kita sekarang ini.

**Tuan Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya tangkapan makin meningkat daripada satu tahun ke satu tahun dan kalau kita ingat dalam dua tiga hari yang lepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada merasmikan satu seminar yang bersangkutan-paut dengan kegiatan dadah dan di dalam ucapan beliau, beliau ada mengatakan: "Boleh jadi 350,000 orang yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan memandang daripada tindakan-tindakan yang begitu tegas diambil oleh Kerajaan hendak menyekat kemasukan dadah maka saya yakin dan percaya tidak ada dadah boleh masuk". Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan tidak ada pegawai-pegawai yang menyeleweng di dalam menjalankan tugas yang mana saya masih berpendapat masih ada pegawai-pegawai yang menyeleweng di dalam menjalankan tugas menyekat dadah masuk dan kalaulah ada . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya apa, belum sampai soalan tambahan lagi?

**Tuan Hashim bin Endut:** Sudah hendak mari (*Ketawa*). Soalan tambahannya adakah kemungkinan bagi pihak Kementerian menempatkan pegawai-pegawai yang bertugas berkenaan dadah ini di sempadan-sempadan ini tidak lebih daripada satu tahun sebab kalau lebih daripada satu tahun pengedar dadah secara giat ini akan berkawan baik, maka dengan itulah caranya dadah boleh masuk. Soalan tambahannya adakah Pegawai-pegawai ini akan ditukarkan setahun sekali?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada ekoran tambahan pula lagi (*Ketawa*).

**Tan Sri Syed Ahmad Shahbuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, ini akan diambil perhatian oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Matang.

**Tuan Hashim bin Ghazali:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, mengikut penerangan-penerangan dan berita-berita akhbar telah menyatakan daripada pihak Kerajaan bahawa penagih dadah ini telah meningkat kepada satu angka yang besar iaitu 380,000 orang dan jika dibandingkan seramai ini dengan orang-orang yang sakit di seluruh negara mungkin penagih dadah ini lebih ramai daripada pesakit-pesakit yang ada di hospital. Oleh sebab itu, penagih dadah ialah satu penyakit yang terbesar di dalam negara kita. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam keadaan pada masa ini Kerajaan hanya mengubati mereka yang menjadi penagih dadah di hospital dan sebahagian daripada mereka di Pusat-pusat Pemulihan Dadah. Oleh kerana terlalu ramai dengan keadaan begini, adakah pihak Kerajaan bercadang hendak mengadakan rumah sakit khas kepada penagih-penagih dadah?

**Tan Sri Syed Ahmad Shahbuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, tidaklah Kerajaan bercadang hendak mengadakan rumah sakit khas kepada penagih-penagih dadah ini tetapi seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum memang telah ada beberapa tempat-tempat atau Pusat-pusat Pemulihan Dadah ini di negara kita dan akan ditambah lagi dengan beberapa tempat lagi dalam tahun ini dan tahun akan datang, maka tempat-tempat pemulihan ini adalah menjadi rumah-rumah sakit kepada penagih-penagih dadah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan iaitu perkara masalah penyalahgunaan dadah ini terbahagi kepada dua kategori. Satu, penagih-penagih dadah yang mana telah dibincangkan.

Yang kedua, pengedar dadah. Yang saya hendak bertanya ialah masalah tindakan pihak Kerajaan terhadap pengedar-pengedar dadah. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan daripada tahun 1976 sehingga tahun 1978 lebih daripada 500 orang pengedar-pengedar dadah telah dapat ditangkap tetapi perjalanan penguatkuasa undang-undang yang telah dapat dihukum cuma tidak sampai 60 orang. Jadi, saya hendak bertanya, adakah bakinya beratus-ratus orang yang telah ditangkap itu belum lagi menjalani hukuman ataupun telah dilepaskan begitu sahaja. Apa terjadi kepada mereka ini?

**Tan Sri Syed Ahmad Shahbuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, orang-orang ini dihadapkan ke mahkamah dan dihukum sekiranya didapati salah dan sebahagian daripadanya masih lagi dalam penyiasatan dan sebahagian daripadanya juga adalah ditahan di pusat-pusat yang tertentu di bawah kuasa undang-undang yang tertentu. Inilah langkah-langkah, tindakan-tindakan yang telah diambil kepada pengedar-pengedar dadah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah memberitahu bahawa salah satu dua cara yang dibuat untuk mengatasi soal penagih dadah ini ialah melalui pendidikan dan penerangan. Saya ingin tahu, adakah pihak Biro Narkotik ataupun Kementerian beliau telah meminta kerjasama daripada pemimpin-pemimpin ugama di negara ini, dan kalau ada, apakah bentuk-bentuk kerjasama yang telah didapati.

**Tan Sri Syed Ahmad Shahbuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak Kementerian telahpun meminta kerjasama daripada pemimpin-pemimpin ugama dari segi memberi nasihat-nasihat dan penerangan yang berlatar belakangkan ugama kepada pihak-pihak yang terlibat supaya mereka itu dan juga masyarakat sekalian menyedari tentang merbahayanya penyalahgunaan dadah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.

15—17; 19—24; dan 26—35 adalah diberi di bawah ini)

### MALAYSIA DI LUAR NEGERI— MEMPERKENALKAN

**15. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa pendapat ramai bahawa rakyat asing sama ada yang terpelajar atau tidak, kecuali segelintir businessmen yang peratusnya sangat kecil, tidak tahu di mana Malaysia dan mereka lebih mengetahui Singapura dan Indonesia, apakah caranya yang berkesan yang dapat memperkenalkan Malaysia di luar negeri, sama ada Kedutaan Malaysia dapat mempergiatkan publicitynya dengan lebih luas lagi, menarik pelancung-pelancung mengadakan pertukaran penuntut-penuntut, mengundang wartawan-wartawan akhbar/radio/TV, pertukaran kebudayaan, supaya dapat menyampaikan gambaran yang lebih dekat mengenai Malaysia, Jika tidak, mengapa.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Pendapat yang mengatakan bahawa orang-orang asing tidak mengetahui di mana letaknya Malaysia dan bahawa mereka lebih kenal dengan Singapura dan Indonesia adalah terlalu umum. Adalah menjadi polisi Kerajaan kita untuk memperkenalkan Malaysia dengan lebih berkesan lagi di luar negeri. Publisiti melalui perwakilan kita di luar negeri terus berjalan dan setiap tahun langkah baru dirancang dan dilaksanakan untuk memperkenalkan Malaysia dengan lebih efektif lagi di luar negeri. Sebaliknya kita tidak mengharap agar setiap orang asing mengetahui secara mendalam akan keadaan Malaysia. Dengan wujudnya lebih dari 150 buah negara di dalam dunia ini dan kebanyakan daripada negara-negara itu baru saja muncul di dalam dunia, sudah barang tentu tidak mungkin setiap orang awam di dalam dunia ini akan dapat mengetahui dan mengenal negara-negara asing.

Malaysia terpaksa berlumba-lumba dengan negeri-negeri luar bagi mendapat perhatian di dalam dunia yang sedang mengalami apa yang dinamakan "Information explosion". Ini bukanlah bererti yang kita tidak berusaha serta menjalankan aktiviti-aktiviti bagi memperkenalkan Malaysia di luar negeri yang

akan melahirkan persefahaman tentang dasar negara Malaysia, cita-cita pemerintah sesuai dengan tindakan-tindakan yang dijalankan. Kita harus menumpukan perhatian kita kepada kumpulan-kumpulan orang seperti wartawan-wartawan, pegawai-pegawai perkhidmatan awam, ahli-ahli politik, guru-guru, pelajar-pelajar dan juga businessmen supaya mereka itu dapat memahami lebih dekat akan dasar Kerajaan kita.

Bagi mencapai matlamat tersebut sebahagian daripada kegiatan-kegiatan bahagian penerangan luar negeri di Wisma Putra bertujuan:

- (a) menyebarkan penerangan seluas-luasnya mengenai Malaysia, menerangkan dan juga mempertahankan dasar-dasar kita serta rancangan-rancangan di dalam dan di luar negeri;
- (b) **membetulkan serta menghindarkan salah faham mengenai negara kita dan kita juga memaparkan serta menyebarkan penerangan-penerangan yang sebenarnya menurut dasar Kerajaan kita;**
- (c) bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan di dalam negeri untuk memberi penerangan yang lengkap ke luar negeri khususnya dalam bidang perdagangan, penanaman modal, kegiatan pelancungan serta mempereratkan hubungan kebudayaan dengan negara-negara asing.

Bagi menjalankan tugas-tugas tersebut berbagai-bagai cara digunakan antaranya:

- (a) Menerbitkan beberapa buah penerbitan seperti kalender pada tiap-tiap tahun, risalah-risalah dan semuanya ini dititikberatkan dan pengertian akan negara Malaysia supaya orang-orang asing dapat memahami akan negara kita dengan lebih teliti, mengenal penduduk-penduduk kita, structure ekonomi serta perbendaharaan kebudayaan dan juga menunjukkan daya penarik untuk menanam modal, menarik pelancungan dan juga bagi mengadakan perdagangan umumnya;
- (b) Sungguhpun ada rancangan bagi menerbitkan filem-filemnya sendiri

Wisma Putra juga mengadakan hubungan yang rapat dengan ajensi-ajensi lain bagi membekalkan filem-filem yang sedia ada kepada perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri. Penggunaan filem adalah satu-satu langkah yang sangat efektif bagi membuat publisiti mengenai negara kita;

- (c) Wisma Putra sentiasa mengawasi akan liputan-liputan yang dibuat oleh surat-surat khabar yang dimuatkan di luar negeri mengenai Malaysia. Tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil terus menerus bagi menghindar serta membetulkan segala artikel-artikel yang sengaja diputar belitkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri juga terus menerus menjalinkan hubungan yang rapat dengan suratkhbar-suratkhbar tempatan dengan membekalkan segala bahan-bahan penerangan mengenai Malaysia supaya dapat memahami akan negara kita secara dekat. Sekiranya kedudukan kewangan mengizinkan dan juga jika dipandang perlu kesempatan telah dibuat bagi menaja kunjungan ke Malaysia dari semasa ke semasa tokoh-tokoh tempatan atau wartawan-wartawan yang terkenal agar mereka terdedah dengan lingkungan alam di Malaysia dan apabila mereka kembali di negeri masing-masing sudah barang tentu mereka akan dapat mengerti akan negara kita secara mendalam.

(d) Pamiran-pamiran serta pertunjukan-pertunjukan tempatan yang kita adakan di luar negeri dari semasa ke semasa adalah salah satu alat yang berguna bagi publisiti. Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri dibekalkan dengan berbagai-bagai bahan untuk pamiran. Rombongan-rombongan kebudayaan juga dihantar ke luar negeri dan ini adalah bergantung kepada kedudukan kewangan dan biasanya tidak dapat dibuat seringkali.

Wisma Putra juga menggalakkan pementasan derama-derama Malaysia di luar negeri, mempertunjukkan akan bakat seni lukis kita serta seni tari yang menjadi media yang berkesan dalam memperkenalkan Malaysia di luar negeri. Pamiran-pamiran

seni lukis Malaysia telah diadakan di berbagai-bagai pusat di luar negeri, sungguhpun kita mendapat sambutan yang baik tetapi oleh kerana perbelanjaannya terlalu besar kebanyakan daripada aktiviti-aktiviti tersebut bergantung kepada institusi di Malaysia serta badan-badan Kerajaan atas kemampuan masing-masing yang memberi kerjasama dengan Kementerian Luar Negeri untuk menjayakan aktiviti-aktiviti tersebut di luar negeri.

Sungguhpun sebagaimana yang diterangkan banyak kegiatan-kegiatan yang dijalankan. Wisma Putra sentiasa mencari saluran-saluran serta langkah-langkah yang lebih efektif bagi memperkenalkan Malaysia di luar negeri. Misalnya pada tahun ini satu langkah baru telah diambil oleh Kementerian Luar negeri bagi menempatkan satu agensi untuk membuat sebuah filem yang "Up-to date" mengenai Malaysia khususnya untuk ditunjukkan di luar negeri.

Sebagaimana saya katakan tadi salah satu media yang sangat efektif untuk mengadakan publisiti bagi Malaysia ialah melalui pamiran-pamiran kesenian yang harus dibuat dari masa ke semasa. Wisma Putra juga mendapat kerjasama daripada Kementerian berkenaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi mengadakan pamiran-pamiran itu yang dapat mencerminkan penerangan dari segi kebudayaan, sosial, ekonomi serta latarbelakang kaum yang menjadi penduduk di negeri ini.

Kementerian Luar Negeri juga telah mengambil langkah bagi mempertingkatkan lagi mutu penerbitan-penerbitannya untuk disebar di luar negeri dan juga bagi menerbitkan di dalam Bahasa Tempatan selain daripada Bahasa Inggeris supaya Malaysia dapat diperkenalkan dengan lebih dekat di negara-negara tersebut.

Kementerian juga sedang mengkaji bagi mengadakan penerbitan-penerbitan baru khususnya ditujukan kepada beberapa buah negeri saja supaya rakyat di negara-negara tersebut dapat memahami dan mengerti akan dasar luar negeri kita seperti di negeri-negeri yang kita baru saja membuka perwakilan-perwakilan kita. Selain daripada itu Wisma Putra juga sedang menyusun bahan-bahan yang mengandungi gambar-gambar berwarna

yang akan dikirimkan kepada Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri untuk dipamerkan secara tetap. Pertunjukan gambar-gambar tersebut dicadangkan bagi memperkenalkan Malaysia dari berbagai-bagai aspek yang akan menjadi daya penarik di ruangan-ruangan Kedutaan Besar Malaysia dengan menggunakan "lighting effect". Gambar-gambar ini akan ditambah dari semasa ke semasa. Semuanya ini sedang dijalankan tetapi sebagaimana saya telah nyatakan terdahulu tadi kita tidaklah dapat mengharap orang-orang awam seperti "man-in-the-street" saja dapat mengenal Malaysia. Di samping itu selain daripada apa yang kita lakukan bagi membuat liputan yang seluas-luasnya mengenai Malaysia, sekali lagi saya ulangi matlamat yang kita tujukan ialah supaya penerangan itu sampai kepada "the influential few" dan melalui merekalah kepada khalayak ramai.

### HOSPITAL DAERAH

**16. Tuan Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah menjadi dasar Kementerian untuk mendirikan sebuah hospital daerah di tiap-tiap daerah di luar bandar khususnya di Sarawak dan apakah langkah yang sedang diambil untuk menentukan supaya bilangan doktor-doktor mencukupi untuk ditugaskan di hospital-hospital tersebut.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Dasar Kementerian ini adalah untuk mendirikan sebuah hospital di tiap-tiap daerah akan tetapi hospital-hospital tersebut tidaklah akan didirikan serentak pada sesuatu masa, tetapi akan didirikan dalam tempoh Rancangan Lima Tahun berturut-turut mengikut keutamaan.

Di Sarawak pula terdapat 25 buah daerah dan 13 daripadanya telah mempunyai hospital, dan 2 buah daerah lagi iaitu Saratok dan Kanowit akan mendapat hospital dalam tempoh masa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Ini bermakna hanya 10 daerah lagi sahaja yang belum mempunyai hospital. Keperluan kemudahan hospital di daerah-daerah ini akan dikaji semula di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Walaupun demikian kawasan-kawasan itu telah juga diberikan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

Kementerian ini mempunyai rancangan latihan bagi menyediakan kakitangan perubatan dan para perubatan untuk menjalankan perkhidmatan hospital-hospital di seluruh negara. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum pada masa ini hanya Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan memberi latihan kedokteran perubatan di negara kita. Universiti Malaya dapat mengadakan lebihkurang 128 tempat dan saya difahamkan bilangan ini akan ditingkatkan lagi kepada lebihkurang 160 tempat pada masa akan datang, manakala Universiti Kebangsaan pula pada masa ini hanya mempunyai lebihkurang 42 tempat bagi penuntut-penuntut perubatan dan saya difahamkan juga bilangan ini akan beransur-ansur ditingkatkan dari tahun ke tahun sehingga ke bilangan lebih kurang 160 tempat.

Pada tahun ini seramai 154 orang doktor-doktor baru telah lulus dari universiti-universiti tempatan dan sekarang ini sedang menjalani latihan 'housemanship' di hospital-hospital negara kita.

Kerajaan pada masa sekarang sedang berusaha menubuhkan satu lagi fakulti perubatan yang ketiga bagi menambahkan lagi bilangan doktor-doktor yang dapat dilatih di negara kita. Sementara itu Kerajaan sedang berusaha mengambil doktor-doktor dari luar negeri secara kontrak bagi menampung keperluan perkhidmatan perubatan dan kesihatan negara kita.

### LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG

**17. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kerajara dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan berkaitan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang:

- (a) oleh kerana landasan lapangan terbang tersebut dilaporkan telah terbenam nyatakan sama ada "sinking" itu "qualified" dalam perjanjian dengan kontraktor kerana adalah dipercayai berlaku dalam tempoh "Defect Liability Period";
- (b) jumlah perbelanjaan yang dijangka terlibat untuk memperbaiki landasan tersebut;

(c) sama ada perbelanjaan ini dibuat dari wang rakyat atau ditanggung oleh kontraktor itu sendiri; berapakah anggaran kos projek tersebut; sama ada kos memperbaiki melebihi kos membina dan jika ya, berapa banyak; dan

(d) sama ada benar bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah di "blacklisted"kan oleh kalangan penerbangan, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

#### **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon):**

Bagi menjawab soalan (a), saya ingin menjelaskan bahawa istilah "sinking" yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu adalah tidak tepat. Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum bahawa landasan lapangan terbang itu dibina di atas tanah paya yang lembut. Di setengah tempat tanah lembut itu sampai 24 kaki dalamnya. Dalam merancang pembinaan landasan itu, Jurutera Perunding telah mengesyorkan dua cara pembinaan. Pertama, dengan menggali dan membuang semua tanah yang lembut dan menggantikannya dengan tanah baru. Kedua, dengan menimbun tanah sahaja bagi landasan itu. Cara yang pertama memerlukan belanja yang lebih tinggi dan masa yang lebih lama membinanya daripada cara kedua. Cara kedua memerlukan pembaikan dibuat kepada landasan itu akibat "differential settlement". Kerajaan telah memilih cara kedua bagi membina landasan itu dan oleh itu "differential settlement" yang berlaku adalah sememangnya dijangka. Mengikut laporan perunding "settlement" itu akan terus berlaku di antara 13" hingga 32" dalam tempoh 9 hingga 30 tahun dan kerja-kerja "corrective overlay" hendaklah dibuat dalam tempoh 5 tahun dari tarikh siapnya landasan itu. Oleh itu, "differential settlement" yang berlaku itu bukanlah disebabkan oleh kekurangan mutu kerja pemborong tetapi adalah satu perkara yang biasa berlaku ke atas tapak-tapak yang mengandungi tanah lembut yang dalam.

Mengenai soalan (b), jumlah perbelanjaan yang dijangka terlibat untuk memperbaiki landasan tersebut ialah \$1.67 juta.

Bagi menjawab soalan (c), perbelanjaan memperbaiki akan ditanggung oleh Kerajaan. Kos pembinaan landasan tersebut ialah \$34.5 juta dan oleh itu kos memperbaiki adalah tidak melebihi kos pembinaan.

Mengenai soalan (d) pula, sepanjang pengetahuan saya lapangan terbang tersebut tidak di "blacklisted" oleh kalangan penerbangan. Walau bagaimanapun adalah disyorkan kepada Ahli Yang Berhormat untuk menghubungi Kementerian Pengangkutan untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai perkara itu.

#### **DASAR EKONOMI BARU**

**19. Tuan Lim Cho Hock** minta Perdana Menteri menyatakan semua pejabat-pejabat, organisasi-organisasi, agensi-agensi, institusi-institusi Kerajaan dan lain-lain yang mana penyusunan semula belum dilancarkan dengan tekun supaya dapat mencapai matlamat kedua Dasar Ekonomi Baru (DEB) ialah "menyusun semula masyarakat Malaysia untuk melahirkan penyertaan dan perkongsian penuh antara kaum dalam usaha-usaha pembangunan sosio-ekonomi negara selaras dengan corak penduduk berbilang kaum, menjelang tahun 1990". Nyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan tidak mengambil apa-apa tindakan.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Soalan yang dikemukakan adalah mengelirukan. Adalah perlu dijelaskan bahawa matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang kedua seperti yang dinyatakan di perenggan 29 dan 30 Rancangan Malaysia Ketiga menjelaskan bahawa Kerajaan akan memberi bantuan yang perlu kepada semua kaum di negara ini mengikut sekadar yang perlu untuk mendapat pekerjaan, penyertaan, hak milik dan penguasaan dalam berbagai sektor ekonomi negara. Penyusunan semula masyarakat menumpukan kepada aspek kegiatan ekonomi. Dalam hubungan ini terdapat berbagai organisasi, agensi dan institusi ditubuhkan untuk menjadi sebagai "pemegang amanah" kepada kaum bumiputra supaya apabila sampai masanya kegiatan organisasi, agensi dan institusi itu diambalalih oleh kaum bumiputra yang berkelayakan. Oleh itu penubuhan agensi-agensi tersebut adalah bagi mencapai matlamat kedua DEB

itu sendiri. Dengan demikian tidaklah timbul persoalan bagi menyusun semula organisasi dan agensi-agensi tersebut.

Seperkara yang harus diingat ialah imbuhan yang ditujukan bukan sahaja melibatkan sesebuah agensi tetapi adalah untuk keseluruhan aktiviti dalam negara. Agensi-agensi Kerajaan mempunyai nisbah kaum yang sedemikian sebagai mengimbangi keadaan yang terdapat dalam seluruh alam ekonomi Malaysia yang mana begitu ramai perniagaan dan perusahaan yang menghadkan kakitangannya kepada satu kaum sahaja. Selagi restructuring dalam bidang swasta tidak menyeluruh, selama itulah Kerajaan dan agensi Kerajaan terpaksa digunakan untuk mencapai secara umum matlamat DEB. Penyusunan semula agensi Kerajaan akan dibuat apabila statistik menunjuk bahawa tidak lagi wujud diskriminasi dalam mana-mana sudut kegiatan di seluruh negara.

### PEKILANG-PEKILANG PLASTIK

**20. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada tindakan segera telah diambil untuk membantu pekilang-pekilang plastik bagi mendapatkan bahan-bahan mentah sebelum perusahaan tersebut 'mengulung tikar' oleh kerana perusahaan plastik kita sekarang sedang menghadapi krisis akibat kekurangan bahan-bahan mentah yang diperlukan bagi pengeluaran barang-barang plastik.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Sri Dr Mahathir bin Mohamad):** Kementerian saya telahpun mengambil tindakan yang segera bagi membantu pekilang-pekilang plastik mendapat bekalan bahan-bahan mentah untuk perusahaan mereka. Saya sukalah menjelaskan bahawa kekurangan bahan mentah tersebut yang berlaku tidak berapa lama dahulu adalah berkaitan dengan kekurangan yang dialami di seluruh dunia. Bahan-bahan mentah plastik adalah berunsur daripada petroliaam dan dengan itu bekalan bahan ini bergantung banyak kepada kestabilan perusahaan minyak di dunia. Kekurangan bahan mentah ini telah berpunca daripada pergolakan di Iran serta tindakan menyekat pengeluaran minyak oleh negara-negara pengeluar minyak yang lain.

Masalah yang dihadapi oleh pekilang-pekilang plastik di Malaysia ialah tertumpu kepada bahan-bahan mentah plastik yang tidak dikeluarkan di negara ini. Pekilang-pekilang plastik di Malaysia mengimpot bekalan bahan-bahan mentah mereka terutamanya daripada Jepun. Oleh kerana Jepun juga menghadapi masalah yang sama, pekilang-pekilang Malaysia telah tidak dibekalkan bahan-bahan mentah tersebut seperti lazimnya.

Untuk mengatasi masaalah ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengadakan rundingan-rundingan dengan Persekutuan Pekilang-pekilang Plastik Malaysia dan juga dengan syarikat-syarikat yang membekalkan bahan-bahan tersebut di negara ini. Hasil daripada rundingan-rundingan tersebut, syarikat-syarikat pembekal yang mendapatkan bekalan mereka daripada Amerika Syarikat telah memberi jaminan bahawa pihaknya akan menambah lagi pengimpotan bahan-bahan ini daripada Amerika Syarikat.

Kementerian saya juga telah mengarahkan pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di seberang laut untuk mencari punca-punca baru bagi mendapat bekalan bahan ini. Semua maklumat yang diterima hasil daripada langkah itu telahpun disampaikan kepada Persekutuan Pekilang-pekilang Plastik.

Saya juga suka menjelaskan bahawa daripada laporan terbaru yang diterima daripada Persekutuan Pekilang-pekilang Plastik, kedudukan bekalan bahan-bahan plastik telah bertambah baik dan tidaklah menjadi masalah yang besar kepada mereka.

### PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT

**21. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar yang mendapatkan pelajaran tinggi di seberang laut yang menerima biasiswa-biasiswa, pemberian-pemberian atau subsidi-subsidi Kerajaan, sila beri pecahan angka mengikut kaum dan juga nyatakan dari jumlah ini, bilangan pelajar-pelajar bumiputra yang menerima biasiswa-biasiswa atau pemberian-pemberian Kerajaan yang

mengikuti kursus dalam bidang perubatan dan kejuruteraan masing-masing.

**Dato' Chan Siang Sun:** Soalan ini tidak begitu jelas kerana tidak menyebut tempoh masanya. Kalau dimaksudkan dengan akhir tahun 1978 maka dari seramai 36,000 orang pelajar Malaysia yang dianggarkan belajar di seberang laut, terdapat seramai 7,194 orang pelajar yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan yang mana 6,770 adalah Bumiputra, 282 Cina, 89 India dan 53 lain-lain.

Dari sejumlah 7,194 orang pelajar ini pula terdapat seramai 297 orang Bumiputra yang mengikuti bidang perubatan dan 912 dalam bidang kejuruteraan.

### PENGAMBILAN KAKITANGAN DALAM PERKHIDMATAN/AWAM

**22. Tuan V. David** bertanya kepada Perdana Menteri adakah beliau akan menimbang pengambiln kakitangan perkhidmatan sivil berdasarkan kecemerlangan sebagai kriteria sambil mengeneipkan lain-lain faktor untuk membantu suatu perkhidmatan sivil yang berintegriti dan berdisiplin.

**Perdana Menteri:** Adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa pengambiln kakitangan Perkhidmatan Awam didasarkan kepada kebolehan dan prestasi mereka di samping syarat-syarat lain seperti kelayakan dan kesesuaian calon-calon tersebut bagi sesuatu jawatan itu. Walau bagaimanapun kece-merlangan sahaja tidak memadai sebagai satu kriteria dan boleh menjamin perkhidmatan sivil yang berintegriti dan berdisiplin. Ini adal-ah kerana kecemerlangan sangat sukar hendak ditentukan dengan setepat-tepatnya.

### LESEN TEKSI

**23. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bilangan individu yang telah diberi lebih daripada satu lesen teksi;
- (b) bilangan permohonan baru telah diterima daripada orang perseorangan untuk mendapat lesen teksi dalam tempoh 12 bulan yang lalu; apakah bilangan yang (i) telah berjaya, (ii) yang gagal dan (iii) yang masih menunggu keputusan.

(c) memandangkan pengumuman baru-baru ini yang memerlukan tuan punya lesen memandu teksi sendiri, apakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka (i) yang memajak lesen teksi mereka dan (ii) yang diberi lebih daripada satu lesen teksi. Apakah Kerajaan bercadang supaya mengambil alih lesen-lesen itu dan memberinya kepada mereka yang benar-benar memandu teksi sendiri sebagai mata pencarian.

**Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman):**

- (a) Sejumlah 12,729 buah lesen teksi telah dikeluarkan sehingga 31hb Mei 1979. Dari jumlah ini sebanyak 6,278 buah lesen teksi dimiliki oleh orang-orang perseorangan. Langkah-langkah mengemaskinikan rekod sedang dijalankan untuk memastikan individu yang memiliki lebih dari satu lesen teksi.
- (b) Jumlah permohonan yang diterima daripada orang perseorangan untuk mendapat lesen teksi dalam tempoh 12 bulan yang lepas ialah sebanyak 12,444. Jumlah permohonan yang diluluskan dalam tempoh yang sama ialah sebanyak 598, yang gagal sebanyak 5,500 dan masih menunggu keputusan setakat ini ialah 13,471 permohonan.
- (c) (i) Pemilik-pemilik Lesen Teksi yang memajak lesen-lesen mereka adalah melakukan satu kesalahan di bawah Undang-undang Lalulintas Tahun 1958. Jika ada bukti-bukti yang sah pihak Lembaga akan mengambil tindakan membatalkan Lesen-lesen tersebut.
- (ii) Bagi pemilik-pemilik yang memiliki lesen teksi lebih daripada satu, Kementerian saya juga akan membatalkan permit-permit tersebut apabila tarikhnya luput.

Telah menjadi dasar Kementerian saya sekarang, permit-permit hanya diberi kepada mereka yang benar-benar memandu teksi sebagai mata pencarian mereka.

### SEKOLAH MENENGAH RENDAH— DI KLUANG

**24. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar dua buah lagi sekolah menengah akan dibina di bandar Kluang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, jika ya;

- (a) di mana sekolah tersebut akan ditempatkan;
- (b) jumlah perbelanjaan yang dianggarkan;
- (c) bilakah pembinaan sekolah-sekolah tersebut akan dimulakan dan dijangka siap; dan
- (d) bilangan bilik darjah yang akan disediakan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Adalah benar cadangan dua buah lagi sekolah menengah rendah akan dibina di bandar Kluang di bawah Pinjaman Bank Dunia Kelima:

- (a) Sekolah Menengah Rendah Kluang I ditempatkan di Jalan Batu Pahat dan Sekolah Menengah Rendah Kluang II ditempatkan di Jalan Mengkibol;
- (b) Jumlah perbelanjaan yang dianggarkan ialah \$990,000 bagi sesebuah sekolah;
- (c) Pembinaan sekolah-sekolah akan dimulakan pada awal tahun 1980 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1982. Pengambilan tanah bagi sekolah-sekolah tersebut akan diselesaikan pada akhir tahun ini.
- (d) SMR Kluang, Jalan Batu Pahat— 18 bilik darjah.  
SMR Kluang, Jalan Mengkibol—18 bilik darjah.

### PEMAJU PERUMAHAN

**26. Tuan P. Patto** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah lesen-lesen pemaaju yang dikeluarkan oleh Kementerianya setakat ini;
- (b) nama persatuan-persatuan Koperasi yang terlibat di dalam perusahaan perumahan; dan
- (c) cara pengawalan dan penyeliaan yang ada di Kementerianya ke atas persatuan-persatuan Koperasi yang terlibat

di dalam perusahaan perumahan terutama sekali cara mana syarikat-syarikat Koperasi memerangkap orang ramai membayar wang pertaruhan untuk rumah-rumah sungguh-sungguh orang ramai tidak tahu akan harga sebenar rumah-rumah tersebut.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Michael Chen Wing Sum):** Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Tuan P. Patto, di bawah ini adalah jawapannya:

- (a) Kementerian saya sehingga tarikh ini sudah mengeluarkan sebanyak 1,344 lesen;
- (b) Kementerian saya tiada senarai nama-nama Koperasi yang terlibat dalam Kementerian Perumahan oleh kerana Kementerian saya bukanlah kuasa yang meluluskan Koperasi-koperasi yang menjalankan usaha ini; dan
- (c) Kementerian saya tidak melesenkan Koperasi-koperasi yang menjalan perusahaan perumahan oleh kerana Kementerian tidak membuat pengawalan dan penyeliaan ke atas mereka. Oleh kerana Koperasi ini ditubuhkan dengan peraturan-peraturan tertentu, pengawalan mengenai perjalanan mereka dibuat oleh pegawai-pegawai Koperasi mengikut undang-undang Koperasi.

### BANDUAN-BANDUAN LARI DARI TAHANAN

**27. Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah banduan-banduan yang dapat melepaskan diri dari tahanan dalam tahun 1975, 1976, 1977, 1978 dan 1979, Berapa ramaikah yang dapat ditangkap semula dan jarak masa mereka ini ditangkap. Apakah tindakan yang diambil terhadap mereka ini. Nyatakan sebab-sebab mengapa mereka ini dapat melepaskan diri.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Sejak tahun 1975 hingga 31.5.1979 seramai 15 orang telah melepaskan diri dari penjara-penjara. Dari jumlah tersebut seramai 11 orang telah dapat ditangkap semula. Jarak masa kelarian dengan tangkapan semula

adalah antara 10 minit hingga setahun 8 bulan dan 13 hari. Mereka yang telah dapat ditangkap semula ini telah dikenakan tindakan sama ada oleh pihak Mahkamah atau tindakan menurut Ordinan Penjara. Selain dari kealpaan pihak yang mengawal mereka, kejadian seumpama itu boleh berlaku kerana adanya banduan-banduan yang berani bertindak nekad tanpa memikirkan akibat-akibat masa hadapan yang akan dihadapinya.

### SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL BINTULU

**28. Tuan Ting Ling Kiew** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk mendirikan sekolah kemahiran dan pertukangan di Bintulu untuk melatih belia-belia tempatan bagi berbagai-bagai jawatan yang wujud akibat perlaksanaan berbagai-bagai projek bernilai berjuta-juta ringgit di Bintulu (Sarawak).

**Dato' Chan Siang Sun:** Ya, Kementerian saya ada mempunyai rancangan untuk mendirikan sebuah Sekolah Menengah Vokasional di Bintulu.

### KEMALANGAN JALANRAYA DI BUKIT BERAPIT—JAMBATAN ISKANDAR

**29. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kemalangan yang berlaku di jalanraya antara Bukit Berapit dengan Jambatan Iskandar di Bandar Kuala Kangsar sejak tahun 1977 hingga sekarang dan nyatakan juga nyawa yang terkorban dalam tempoh tersebut dan sebab-sebab utama yang menyebabkan kemalangan tersebut.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Perangkaan kemalangan yang berlaku di jalanraya di antara Bukit Berapit dan Jambatan Iskandar, Kuala Kangsar adalah seperti berikut:

			<i>Kemalangan</i>	<i>Mati</i>	<i>Cedera Parah</i>	<i>Cedera Ringan</i>
1977	..	..	190	20	86	81
1978	..	..	183	12	46	127

Kawasan yang sering berlaku kemalangan ialah:

- Kampong Padang Asam Ipoh/Taiping.
- Double Corner di Batu 34½ Jalan Ipoh/Taiping.
- Selekoh merbahaya di batu 40¼.
- Simpang Jalan Taiping/Hospital Kuala Kangsar di batu 31¼.
- Selekoh tajam berhampiran stesyen keretapi Kuala Kangsar.
- Selekoh tajam Simpang Penaga di batu 30½.

Faktor-faktor yang sering menyebabkan kemalangan adalah:

- Keadaan jalan yang bengkok-bengkok di kawasan yang berbukit.
- Pemandu-pemandu memandu laju tidak menghirau keadaan jalanraya yang sempit dan bengkok-bengkok.

- Pemandu-pemandu kenderaan memotong kenderaan-kenderaan lain di tempat-tempat yang merbahaya.

### UJIAN MEMANDU—SISTEM BARU

**30. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pelaksanaan sistem baru ujian memandu bertujuan untuk mencegah rasuah, dan sama ada beliau sedar bahawa sistem ini tidak diterima oleh semua sekolah-sekolah latihan memandu dan bahawa akibat dari diadakan sistem ini telah mengakibatkan 45% pengajar memandu dibuang kerja.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Sistem ujian yang baru bertujuan mengetatkan kelayakan untuk mendapat lesen memandu supaya meninggikan taraf kecekapan dan kebolehan bakal-bakal pemandu di samping meningkatkan lagi keselamatan jalanraya di negara ini. Ia juga bertujuan mengurangkan kesempatan-kesempatan rasuah.

Persatuan Sekolah-sekolah Memandu Semenanjung Malaysia dengan secara terbuka telah menyokong sistem baru ini. Walau bagaimanapun, ahli-ahli Persatuan tersebut pernah membangkitkan masalah-masalah yang timbul dalam pelaksanaan sistem ini.

Kementerian saya telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan ahli-ahli Persatuan, baikpun peringkat negeri mahupun peringkat kebangsaan. Kebanyakan masalah-masalah yang dibangkitkan telah diselesaikan. Walau bagaimanapun, dialog Kementerian dengan Sekolah-sekolah Memandu akan diteruskan.

Saya tidak sedar bahawa sistem ini telah mengakibatkan 45% pengajar memandu dibuang kerja.

### **ROMBONGAN PELABURAN KE EROPAH/ENGLAND**

**31. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa dalam lawatan menggalakkan pelaburan ke Eropah dan England baru-baru ini wakil dari Sabah dan Sarawak tidak termasuk dalam rombongan tersebut; mengapa kedua-dua negeri ini diberi layanan tidak sama dan bagaimana anggota-anggota perwakilan beliau dapat menjawab dengan detail kepada soalan-soalan yang ditanya oleh pelabur-pelabur asing mengenai potensi pelaburan di Sabah dan Sarawak dan sama ada beliau boleh memberi jaminan bahawa dalam semua perwakilan menggalakkan pelaburan di masa yang akan datang akan termasuk wakil-wakil dari Sabah dan Sarawak.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Adalah tidak benar kenyataan Ahli Yang Berhormat itu bahawa tidak ada wakil-wakil dari Negeri Sabah dan Sarawak yang turut menyertai Rombongan Galakan Pelaburan ke Eropah baru-baru ini. Dari jumlah 63 orang peserta-peserta sektor swasta dalam Rombongan tersebut, 4 orang daripada mereka adalah dari Negeri Sabah, iaitu Pengarah Yunit Penyertaan Bumiputra, Jabatan Ketua Menteri Sabah; 2 orang wakil dari Dewan Perniagaan Melayu Sabah; dan Pengarah Pengurusan serta Pengarah Eksekutif Bena Holdings Sdn. Bhd. Negeri Sarawak pula telah diwakili oleh Pengerusi Hock Hua Bank Bhd.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa dalam pengelolaan Rombongan Pelaburan ke luar negeri, pihak Kerajaan tidak membuat perbezaan di antara peserta-peserta sektor swasta dari Semenanjung Malaysia ataupun Sabah dan Sarawak.

Selain daripada peserta-peserta sendiri, soalan-soalan yang ditanya oleh pelabur-pelabur asing mengenai potensi pelaburan di Sabah dan Sarawak boleh juga dijawab oleh Pegawai-Pegawai Kerajaan yang mengikuti Rombongan, terutama dari MIDA. Ini adalah disebabkan MIDA mengetahui tentang potensi pelaburan bagi seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua rombongan-rombongan pelaburan adalah dikelolakan oleh MIDA. Rombongan-rombongan ini diberi publisiti yang luas menerusi akhbar-akhbar tempatan dengan tujuan untuk menarik minat para ahli perniagaan, bank, kewangan dan pekilang-pakilang di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, untuk menyertai rombongan-rombongan tersebut. Tambahan pula, MIDA juga telah membuat jemputan secara terus kepada sektor swasta di seluruh Malaysia. Ini meliputi pengusahaan-pengusahaan awam, Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian, Persatuan-persatuan Pekilang, Bank-bank Perdagangan, Bank-bank Saudagar, Syarikat-syarikat Pinjaman, Firma-firma Pakar Perunding Pengurusan dan Syarikat-syarikat Perkilangan termasuk Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sabah, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Sabah dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Sarawak.

Oleh kerana tindakbalas dari sektor swasta sungguh menggalakkan, Kerajaan akan terus mengalu-alukan penyertaan sektor swasta Malaysia dalam rombongan-rombongan pelaburan ke luar negeri pada masa akan datang.

### **MAS KE SEOUL—PENERBANGAN**

**32. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa pihak MAS telah melancarkan penerbangan dari Kuala Lumpur ke Seoul sedangkan perbincangan-perbincangan dan perundingan-perundingan

masih belum tamat yang telah menimbulkan keadaan yang malu di lapangan terbang di Seoul, jatuh air muka serta menunjukkan ketidakcekapan pihak pengurusan MAS dan menyatakan keadaan perkara tersebut sekarang dan juga keadaan penerbangan-penerbangan masa akan datang ke Republik Korea.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Pertanyaan mulut ini yang hampir-hampir sama maksudnya telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar pada 15hb Jun yang lalu. Saya telahpun menjawabnya beserta soalan-soalan tambahan berikutnya pada tarikh tersebut di Dewan yang mulia ini.

### BEKALAN AIR DI BUKIT MERTAJAM

33. **Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar tentang sistem perairan dan pembangunan air yang tidak sempurna di Bukit Mertajam terutama sekali di Mukim 4, 2, 5, dan 8 termasuk kawasan-kawasan tertentu di Butterworth di Mukim 11 di mana adalah sukar untuk membekalkan air kepada satu kawasan seluas lebih kurang 500 ekar walau kawasan tersebut terletak di dalam kawasan perairan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Abdul Rahman):** Kementerian saya memang sedar bahawa kemudahan-kemudahan pengairan dan saluran di kawasan-kawasan tersebut tidak begitu sempurna kerana kemudahan-kemudahan yang sedia ada telah disediakan lebih dari 20 tahun dahulu. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengambil tindakan yang wajar untuk memperbaiki keadaan di kawasan-kawasan ini. Dalam hubungan ini sebuah empangjajar sedang dibina di Sungai Perai. Empangjajar ini akan memberi kemudahan saluran yang lebih sempurna apabila siap dalam tahun 1981. Sementara itu Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mengadakan sistem pengairan yang sempurna di bawah Rancangan Pembangunan Pertanian Yang Disatukan di Seberang Prai dan Pulau Pinang dengan tujuan untuk memperbaiki kemudahan-pengairan di kawasan-kawasan yang tersebut tadi.

### PELABURAN SWASTA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

34. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kewangan memberi sebab-sebab mengapa pelaburan oleh sektor swasta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga diturunkan sebanyak \$6 bilion tatkala matlamat ini diulang-kaji sepertimana diumumkan di dalam Kajian Pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa adalah tidak benar anggaran pelaburan swasta di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga diturunkan sebanyak \$6 ribu juta. Sebaliknya, pelaburan swasta dijangka meningkat lebih tinggi daripada matlamat asal Rancangan Malaysia Ketiga. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, perbelanjaan pelaburan swasta dalam harga semasa dianggarkan sebanyak \$26.8 ribu juta. Paras pelaburan swasta di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga telah dipinda kepada \$27.1 ribu juta, dan merupakan tambahan dalam perbelanjaan pelaburan sebanyak \$282 juta berbanding dengan matlamat asal Rancangan Malaysia Ketiga. Anggaran pelaburan swasta yang lebih besar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga itu adalah disebabkan oleh terutamanya pertambahan yang besar sebanyak \$2,371 juta dalam pelaburan oleh perusahaan petroleum berikutan dengan perjanjian pengeluaran bersama petroleum dengan syarikat-syarikat minyak. Adalah untuk tujuan pembentangan sahaja bahawa pelaburan minyak telah diasingkan daripada jumlah pelaburan swasta dalam Laporan Kajian Separuh Penggal dan dengan itu menunjukkan anggaran pelaburan swasta sebanyak \$24.7 ribu juta yang mana jika dibandingkan dengan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$26.8 ribu juta menunjukkan seolah-olah pelaburan swasta diturunkan sebanyak \$2.1 ribu juta dan bukannya \$6 ribu juta sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedar, Kerajaan Barisan Nasional telah mengadakan beberapa rombongan pelaburan

ke luar negeri bagi menarik kemasukan pelaburan asing yang lebih besar. Di samping itu, Ahli-ahli Yang Berhormat juga tentu sedar bahawa beberapa pindaan telah dibuat kepada Akta-akta Parlimen, dan juga Peraturan-peraturan untuk memperbaiki iklim pelaburan tempatan yang telah terjejas oleh kemerosotan ekonomi dunia dan ketidak tentuan perniagaan. Kerajaan Barisan Nasional akan terus meneliti aliran dalam pelaburan swasta bagi memastikan bahawa ia dapat memenuhi peranan yang dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan jika perlu akan mengambil langkah-langkah lanjut termasuk pemberian galakan cukai untuk menentukan pelaburan swasta berkembang. Oleh itu Kerajaan yakin bahawa pelaburan swasta dalam tahun 1979 dan 1980 akan bertambah dengan kukuh seperti yang dirancangkan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

#### AHLI SUKAN NEGARA

**35. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam memberi penghargaan kepada ahli-ahli sukan negara, mereka diberi pekerjaan dan kebendaan supaya mereka tidak terhalang daripada menunjukkan mutu sukan yang tinggi apabila mereka mewakili negara di masa hadapan, dan jika ya apakah tindakan yang akan diambil untuk memberikan ahli-ahli sukan negara ini dengan kemudahan-kemudahan seperti cuti dan lain-lain apabila mereka menghadiri latihan pusat.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Kementerian saya telah dan akan terus memberi kemudahan kepada setiap ahli sukan menurut kemampuan yang ada.

#### RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN)

##### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah: "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (19hb Jun, 1979)

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyambung ucapannya.

3.36 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, sewaktu Dewan yang mulia ini ditangguhkan semalam, saya telah menerangkan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengenai komplek-komplek atau aduan-aduan yang telah diterima mengenai ejen-ejen tidak memberi perkhidmatan yang baik selepas menjual polisi-polisi insuran kepada pengguna-pengguna. Saya telah katakan bahawa ini disebabkan di masa-masa yang lepas oleh kerana perlantikan ejen-ejen tidak dibuat dengan sempurna oleh Syarikat-syarikat Insuran. Maka adalah diharapkan dengan adanya pindaan-pindaan kepada Akta Insuran, 1963 ini maka pihak-pihak Syarikat Insuran akan melantik ejen-ejennya dengan lebih teliti, kerana ejen-ejen yang sah dilantik ini akan mendatangkan tanggungjawab secara langsung kepada Syarikat-syarikat Insuran atas apa juga tindakan mereka terhadap pembeli-pembeli insuran.

Adalah diharap juga Syarikat-syarikat Insuran akan memastikan di masa akan datang bahawa bukan sahaja pemilihan atau perlantikan ejen dibuat dengan teliti, tetapi juga peningkatan mutu perkhidmatan ejen dijamin dan juga ada peningkatan dalam pengetahuan ejen-ejen itu terhadap selok-belok insuran.

Tentang apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengenai syor supaya tarif premium insuran dikenakan mengikut harga kereta, sukacitalah saya memaklumkan bahawa sekarang ini tidaklah mengikut nilai harga kereta, tetapi mengikut c.c. atau mengikut kekuatan cubic capacity sesebuah kereta dan memang ada kadar tarif-tarif yang tertentu.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan soal kawalan ke atas Syarikat-syarikat Insuran, sukacitalah saya memaklumkan bahawa di Bahagian Insuran, Kementerian Kewangan telah ditubuhkan satu yunit pemeriksaan (Inspection Unit) yang mempunyai tugas untuk memeriksa

Syarikat-syarikat Insuran untuk memastikan supaya mereka mematuhi peruntukan undang-undang dan juga mereka mematuhi segala peraturan-peraturan yang telah dikenakan ke atas perjalanan Syarikat-syarikat Insuran di negeri ini.

Akhirnya ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal mengenai fatwa ataupun apa yang dikatakan fatwa yang telah keluar di akhbar-akhbar tempoh hari dan juga ada yang meminta supaya Kerajaan memberikan pendirian terhadap perkara ini. Saya tidaklah bertujuan untuk mengatakan sama ada Insuran Nyawa itu haram atau halal ataupun memberi pendirian tertentu pihak Kerajaan atau pihak Kementerian. Sukacitalah saya memaklumkan iaitu seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum sebelum sesuatu itu menjadi fatwa sama ada di peringkat Negeri atau di peringkat Kebangsaan di negara kita ini, ianya mestilah menjalani satu procedure ataupun satu tatacara procedure yang khusus. Misalnya, kalau di peringkat Negeri sesuatu itu hanya akan menjadi fatwa atau dianggap fatwa jikalau ianya telahpun menjalani procedure di mana ianya telah dirujuk dan dipersetujui di peringkat Majlis Hal Ehwal Negeri, kemudian dirujuk kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan, kemudian diwartakan. Maka setelah menjalani semua proses ini, dipersetujui di semua peringkat, baharulah dianggap fatwa di negeri itu.

Di peringkat Kebangsaannya terutama di mana melibatkan Wilayah Persekutuan, maka ianya perlulah diputuskan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Kebangsaan, kemudian dirujuk kepada Majlis Raja-raja dan seterusnya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kemudian mendapat persetujuan dan seterusnya digazetkan. Procedure ini mesti berjalan sebelum perkara ini menjadi fatwa.

Jadi setakat ini apa yang ada ialah pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh pihak-pihak tertentu, sungguhpun pihak-pihak ini memang ada kuasa ataupun ada tempatnya di dalam struktur agama, misalnya sebagai Mufti, tetapi apa yang dikeluarkannya itu tidak boleh dari segi negara kita ini dianggap sebagai fatwa secara resmi. Dan setakat hari ini dan setakat yang saya tahu belum ada lagi procedure ini

berjalan untuk menentukan fatwa Insuran Nyawa itu haram atau tidak. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapatlah memahami hakikat sebenarnya sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja komen-komen saya, mana-mana perkara lain yang tidak saya sentuh akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian Kewangan khususnya oleh Bahagian Insuran dan akan diteliti supaya dapat diperbaiki lagi pelaksanaan Akta Insuran, 1963 itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*3.40 ptg.*

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengusulkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta Hakcipta 1969 dibacakan pada kali yang kedua.

Akta Hakcipta 1969 diadakan untuk memberi perlindungan kepada karya-karya seni, intelektual dan perindustrian yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia dan orang-orang yang menetap di negara ini atau karya-karya yang berasal dari negara ini. Seperti juga di negara-negara yang sedang membangun di mana perkembangan kebudayaan, pelajaran dan sains masih lagi di peringkat permulaan terdapat juga peruntukan di bawah Akta ini

bagi mengecualikan daripada perlindungan hakcipta apabila karya-karya itu digunakan dalam kajian dan pelajaran. Walaupun Akta Hakcipta 1969 sejak diluluskan telah berjalan dengan memuaskan, beberapa pelanggaran hakcipta masih juga berlaku. Oleh yang demikian Akta Hakcipta 1969 perlu dipinda untuk menghalang berleluasanya kegiatan pelanggaran hakcipta.

Pada masa ini denda yang dikenakan di bawah Akta ini adalah dianggap masih rendah untuk menghalang kegiatan pelanggaran hakcipta. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya denda bagi tiap-tiap satu kesalahan pelanggaran dinaikkan daripada \$2,000 kepada \$10,000 dan tempoh maksima penjara ditambah dari satu tahun kepada lima tahun.

Pindaan yang dicadangkan juga memperuntukkan hukuman denda tidak lebih daripada \$20,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada 10 tahun atau keduanya penjara dan denda bagi kesalahan memiliki tiap-tiap satu rekaan. Akta ini juga dipinda untuk membolehkan mahkamah yang membicarakan kesalahan di bawah Akta ini membuat perintah bersesuaian mengenai apa yang perlu diperlakukan terhadap rekaan yang boleh digunakan bagi tujuan membuat salinan pelanggar. Pada masa sekarang Akta ini memperuntukkan apa yang digunakan atau kepada perekaan yang digunakan atau dicadangkan untuk digunakan bagi membuat salinan-salinan pelanggar.

Pindaan ini memperluaskan pemakaian perkataan perekaan kepada atau yang digunakan bagi maksud membuat salinan pelanggar.

Akhirnya, Akta ini dipinda untuk mengadakan peruntukan baru yang memberi kuasa penuh kepada Mahkamah Sesyen di Semenanjung Malaysia atau Mahkamah Majistret Kelas Pertama di Sabah dan Sarawak bagi membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini dan menjatuhkan hukuman-hukuman mengikut peruntukan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Hakcipta 1969 dibaca kali kedua dan sekarang terbuka untuk dibahaskan. Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

*3.45 ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan. Saya berpendapat dengan terlaksananya Undang-undang ini maka dapatlah pencipta, pengukur dan penggubah lagu yang mana datang daripada seniman akan menambah pendapatannya. Saya juga berharap sangat segala apa yang diciptakan oleh penggubah-penggubah yang saya maksudkan tadi dengan adanya Rang Undang-undang ini tidak akan dicuri oleh sesiapa pun dengan adanya denda-denda yang telah ditetapkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai manusia tentulah tak semua mengetahui dari segi apa sekalipun, baik dari segi lagu, ukiran dan lain-lain, sebagaimana yang saya maksudkan tadi tentulah ada manusia-manusia yang ulung mencipta satu-satu perkara atau satu-satu benda sebagai satu lagu, saya misalkan tentu ada penciptanya. Maka dengan sebab itulah Rang Undang-undang ini diadakan untuk mengawal hakcipta atau hak penggubah yang mana kita tahu orang yang hendak meniru itu amatlah senang tetapi hendak mereka ataupun kita kata hendak mencipta dahulu, itu amatlah payah. Sebab itulah dari segi ugama kita hendak meniru dengan buta tuli tak boleh sama sekali. Jadi dengan sebab itu, saya berpendapat kadar denda daripada \$2,000 dinaikkan \$10,000 sahaja tidak berat tetapi kalau didapati perlu patut dirampas hakmilik yang dirompak itu. Kadang-kadang manusia ini kalau dia fikir satu benda, katalah, dia rompak ciptaan yang asal dibuat oleh satu orang dia akan mendapat keuntungan \$30,000, apa salahnya bagi dia kalau bayar denda \$10,000 bererti \$20,000 masih ada kepada dia lagi. Saya berpendapat kalau perlu hakcipta yang dirompak tadi bukan kadar denda, tetapi patut dibatalkan kerana kalau kadar didenda bagi orang berniaga itu tak menjadi halangan sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat pada hari ini kita sama-sama tahu banyak penggubah-penggubah lagu, sebagai Allahyarham P. Ramlee, berkebetulan pula semalam hampir pukul 11.00 malam saya dengar siaran dalam radio yang menceritakan bagaimana penggubah-penggubah lagu dan sebagainya. Kalau tak silap saya P. Ramlee telah menggubah lagu dengan irama, lagu dan senikatanya sendiri tak kurang daripada seribu lagu, kalau tak silap saya, pada malam semalam saya sendiri mendengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Waktu itu Ahli Yang Berhormat tengah mentelaah Rang Undang-undang ini?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, sambil tengok sambil dengar radio. Jadi, bila kita fikirkan di sini saya dapati seniman atau penggubah lagu yang lagu-lagu mereka telah direkodkan menjadi lagu dalam piring hitam sebagaimana di negeri Barat dan sebagainya mereka telah menjadi jutawan.

Jadi tidak tahulah saya barangkali kerana di sana lagu-lagu barat itu telah menjadi popular di seluruh dunia, barangkali haruslah ciptaan lagu Melayu kita ini yang lakunya ialah di dua buah negara sahaja, boleh dikatakan di Malaysia ataupun di Indonesia, tetapi saya percaya, kalaulah gubahan-gubahan ini tidak dicuri, tidak dirompak, boleh jadi pencipta-pencipta yang saya sebutkan tadi seperti Allahyarham P. Ramlee, Ahmad Nawab yang menggubah banyak lagu seperti Sharifah Aini, Saloma dan sebagainya yang mana lagu-lagu mereka amat lemak merdu saya percaya mereka ini tidak kaya. Tetapi kalau hendak dibandingkan dengan seniman-seniman daripada negeri barat yang telah menjadi jutawan, dengan gelaran golden voice, tetapi bagi saya, saya lebih suka dengan lagu-lagu Melayu asli.

Saya dapat tahu seniman-seniman daripada barat dengan gubahan-gubahannya mereka sudah jadi kaya raya. Satu sahaja gubahannya membawa mereka menjadi jutawan tetapi mengapa negara kita sendiri, seniman daripada negara kita sendiri, sebagaimana saya sebutkan tadi Allahyarham P. Ramlee, Ahmad Nawab dan sebagainya bukan satu dan bukan banyak lagu yang telah digubah tetapi

mereka tidak kaya. Buktinya, saya masih ingat lagi di satu ketika, kalau tidak silap saya balu Allahyarham P. Ramlee telah jatuh sakit dan dia terpaksa meminta bantuan daripada kawan-kawannya. Kalaulah kita fikir dengan Allahyarham P. Ramlee sebagai seorang bekas seniman di masa Allahyarham hidup yang banyak dikata orang sebagai 4P—Pengaruh, Penggubah, Pelakun, Pelawak dan sebagainya, saya fikir lebih lagi daripada jutawan tetapi mengapa ia tidak. Sesudah lagu-lagunya ditape dalam piring hitam, dibuat dengan seribu lagu misalnya, tetapi dirompak oleh orang lain pula untuk menjual lagu-lagu itu tadi. Ini yang berlaku dalam negara Malaysia. Maka dengan sebab itu atas Rang Undang-undang yang dikemukakan ini, saya amatlah bersetuju dan saya harap Kerajaan bukan sahaja menggubal Rang Undang-undang ini, melaksana dan memutuskan dalam Dewan yang mulia ini bahkan mengambil tindakan kepada siapa yang merompak atas ciptaan-ciptaan yang telah dilakukan oleh penggubah-penggubah yang saya maksudkan tadi.

Bukan sekadar itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati dan saya dengar, ada orang mengatakan, misalnya mencipta tafsir Al-Quran, salah satu badan perniagaan bumiputra yang ada di dalam Kuala Lumpur telah mendapat hak cipta tafsiran Al-Quran, tetapi malangnya telah dicuri dan dirompak oleh negara lain yang setahu saya negara itu pula bukan beragama Islam.

Dua masalah yang timbul dari segi ini, Tuan Yang di-Pertua. Masalah pertama, seorang yang mencipta dengan berlesen tadi dia akan rugi kerana ada orang lain yang tidak berlesen merompak ciptaannya, tetapi malangnya dapat dirompak oleh orang lain. Pertama rugi bagi dirinya sendiri dan juga rugi kepada Kerajaan, kerana yang merompak ini mereka tidak akan membayar cukai. Misalnya, lagu-lagu asli, lagu yang ditape daripada awal, hak yang benar, harus terpaksa dijual dengan harga yang mahal tetapi tape yang dirompak boleh dijual dengan setengah harga daripada yang patut, kerana mereka tidak membayar cukai, mereka merompak dan rompakan daripada yang digubah, rompak pula daripada cukai yang patut dibayar kepada Kerajaan, sepertimana yang saya katakan tafsir Al-Quran tadi. Ini ada berbangkit tiga perkara.

Perkara pertama, kerana dia tidak dapat kebenaran, tiba-tiba dirompak hak cipta untuk tafsir.

Yang kedua, dia tidak mahu membayar cukai.

Yang ketiga, saya bimbang dan saya takut di samping dia rompak, dia ubahsuaikan dengan mentafsir. Inilah yang akan membawa propaganda dalam negara Malaysia kita ini.

Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita pandang dari segi mentafsir Al-Quran, isi-isi dalam Quran, kalau diterjemahkan dengan betul, agama Islam adalah agama yang membawa perpaduan kepada manusia seluruhnya walau apa bangsa sekali pun, itulah hakikatnya agama Islam. Agama Islam bukan agama pecah-belah, tetapi mengapa hari ini ada pecah kuil dan sebagainya, ada kalanya tidak mahu keduniaan, saya hairan. Saya takut seperti saya katakan tadi jangan-jangan pula ada tafsir di samping rompak yang maknanya disalah ertikan daripada negeri yang tidak bertanggungjawab, boleh jadi untuk merosakkan negara kita sendiri yang pengikut-pengikutnya agama Islam dan akan merosakkan pengikut-pengikut lain yang bukan beragama Islam dengan sebab salah tafsir, Quran yang maha suci. Maka dengan sebab itu, masalah curi, rompak, banyak yang rugi, dari segi penciptanya daripada awal, rugi bagaimana penat lelah seseorang hamba Allah, memikir, merenung mencari ilham untuk mencipta satu-satu lagu misalnya, untuk membuat satu-satu irama lagu dan sebagainya tetapi bila sahaja boleh direkodkan kepada piring hitam, orang lain ambil rompak, curi—itu satu daripada perkara yang tidak patut.

Yang kedua, cukai.

Yang ketiga, apatah lagi kalau bersangkutan dengan agama tadi ini amatlah bahaya kepada negara dan kepada masyarakat. Dengan sebab itu dari segi ini bukanlah dari segi rompak benda; sekali gus dia rompak, dia boleh ambil, boleh jadi masa akan datang boleh dicari tetapi rompak hak fikiran, rompak merosakkan masyarakat, ini rompak yang amat merbahaya kepada negara.

Begitu juga dari segi lain bangsa bumiputra atau bangsa apa pun, mereka ada ciptaan

masing-masing. Begitu juga sebelum saya bawa ciptaan benda yang tertentu, saya bawa juga dalam segi bacaan Quran. Saya dapat tahu macam Ismail Hashim, Rogayah Sulong dan sebagainya, lagunya amat merdu, tetapi mereka tidak kaya raya, sedangkan lagu mereka cukup banyak dijual. Piring hitam, rekod lagu-lagu mereka, cara yang dibacakan oleh Ismail Hashim yang diagong-agongkan oleh dunia, kalau tidak silap saya oleh negara-negara Arab sendiri pada satu ketika di kala menjadi johan bacaan Quran, Ismail Hashim telah melawat ke Timur Tengah dengan mendapat gelaran, suara yang cukup enak, begitulah gelarannya kepada Ismail Hashim. Banyak penggubah-penggubah lagu, pembacaan-pembacaan Quraan yang macam ini menjadi kaya raya, tetapi setahu saya, Ismail Hashim selain daripada johan, dia juga dengan saya boleh dikatakan kawan, walaupun dia di Kedah, saya di Perlis, saya selalu jemput beliau ke Perlis khususnya ke rumah saya kalau ada satu-satu majlis. Dia tidak kata dia miskin, tetapi dari pandangan saya, dia bukanlah kaya, banyak rekodnya telah dijual.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada yang direkod oleh Ismail Hashim, ada pula pencuri, misalnya dalam pertandingan di Stadium Merdeka di kala mana, Yang di-Pertua sendiri menjadi Pengerusi Pertandingan Membaca Quran ada orang curi apa yang dibaca oleh Ismail Hashim dan qari-qari yang lain. Ini juga saya harap diambil perhatian. Boleh jadi Ismail Hashim baca dengan penat lelah, betullah dia akan dapat pahala daripada Tuhan dengan memakan berbagai-bagai asam dan sebagainya untuk menaikkan suaranya yang lemah merdu yang boleh menerima hadiah kalau dalam pertandingan agak saya tak sampai \$3,000 ataupun kalau jadi johan kali kedua, kalau tidak silap saya hampir \$4,000. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Salah. \$5,000 bagi pemenang yang pertama.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana, Tuan Yang di-Pertua mengingatkan saya, yang kebetulan pula menjadi Pengerusi Pertandingan. Saya ucapkan berbanyak terima kasih. Kalaulah dia juga menjadi johan kebangsaan dan antarabangsa akan mendapat \$5,000. Tetapi kepada perompak-perompak

yang mengambil bacaan Quran Ismail Hashim tadi boleh mendapat sampai \$15,000 atau \$20,000. Ini telah berlaku. Dengan sebab itu, saya berharap sangat-sangat kepada Menteri yang berkenaan mengambil tindakan yang sewajarnya. Undang-undang kita ini semua Ahli-ahli Dewan akan sokong tidak seorang yang mengatakan tidak. Tuan Yang di-Pertua akan berkata: siapa setuju kata "ya", semua kata "ya". Ada yang tidak kata "ya" pun dia senyap hendak kata tidak, tiada langsung, tidak ada di dalam Dewan ini, bersetuju 100%, tiada masalah kecuali hendak melaksanakan.

Begitu juga di segi kesenian yang lain, misalnya di Perlis gendang seruling, walaupun barangkali ada setengah negeri lain tidak tahu dengan cara gendang seruling tetapi Perlis amatlah penting khasnya waktu Raja beradu, di masa pengantin-pengantin, orang yang berada sedikit gendang seruling tidak dilepas dalam majlis bahkan telah diminati ramai. Maka dengan sebab diminati ramai telah dijadikan rekod-rekod dan sebagainya.

Tetapi sayang seribu kali sayang, manusia yang meniup serunai tadi dengan suaranya yang bukan main teruk menahan nafas untuk menjadikan lagu yang sedap, maka manusia yang menepuk gendang tadi dengan penuh reka tangannya supaya tepuk jangan deras dan jangan perlahan supaya suasana gendang dan serunai tadi seimbang tetapi malangnya tidak ada mereka yang dapat, kalau boleh pun agak dapat minum air tidak lebih daripada \$1 atau \$2. Tetapi kepada mereka yang memetikkan lagu mereka dengan tidak diberitahu tadi telah membuat keuntungan yang begitu banyak. Inilah yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, dengan rompak ciptaan seni dan sebagainya dalam masyarakat kita yang ada pada hari ini baik di segi ugama, baik di segi hiburan, selalu berlaku. Dengan sebab itu saya berharap sangat-sangat supaya dengan adanya Rang Undang-undang ini perkara ini tidak akan berlaku dan kalau berlaku pun akan beransur-ansur habis.

Begitu juga di segi lain, di segi cari makan banyak hakcipta. Ciptaan rekaan sebatang kayu yang dibuat sebagai ukiran-ukiran, yang dibuat daripada tembaga dan dibuat daripada berbagai-bagai lagi dijadikan cop atau sebagainya, banyak apatah lagi di Pantai Timur yang diukir daripada tembaga, kayu

dan sebagainya, setengahnya apabila dijadikan hak industri-industri yang besar-besar mereka telah mengatakan: kalaulah rekaan kami ini akan ditiru oleh mana-mana jabatan oleh mana-mana industri, kami akan saman dan kami akan bawa ke mahkamah dan sebagainya. Itu kalau mengenai industri-industri yang besar-besar tetapi kalau yang direka oleh pak-pak tani, oleh orang-orang luar bandar yang begitu cantik dirompak ciptaan dengan membuat cop yang lain akhirnya ia mendapat keuntungan beribu-ribu akhirnya orang-orang luar bandar dan pak tani tadi menjadi mangsa. Kalau hendak dikatakan tiada ciptaan, banyak, banyak ciptaan yang telah dibuat indah dan sebagainya untuk dipamerkan dan dibubuh cop perniagaan dan sebagainya tetapi bila hak mereka, mereka saman kalau siapa rompak mereka saman. Tetapi kalau hak cipta oleh pak tani, oleh orang kampung atau oleh orang luar bandar maka hakcipta itu diambil dengan begitu sahaja.

Dengan sebab itu saya berharap sangat-sangat dengan lulusnya Rang Undang-undang ini akan menjadikan rompak ini tidak akan berlaku lagi dan saya yakin seperti saya katakan tadi kalaulah lagu-lagu Allahyarham P. Ramlee, Penggubah Ahmad Nawab dan sebagainya tidak dirompak mereka ini harus kaya dan kita bersyukur kepada Tuhan kalau mereka ini kaya walaupun dengan hiburan. Kerana kita tahu sebagai manusia, kita hendakkan hiburan. Hiburan ini dia tidak akan jadi seronok jika rekaannya tidak kena; kalau ciptaan tidak kena, bukan semua orang boleh cipta lagu. Lagu ini hendak sedap kena ada senikatanya yang disusun baharu boleh dikatakan sedap. Kemudian iramanya pun ada tinggi rendah. Jadi ini tidak sedihkan kita, macam saya katakan tadi, saya ulang sekali lagi sebagai Saloma atau Sharifah Aini yang melagukan lagu bukan main sedap, agak mereka akan jual 10,000 ataupun 1,000 sahaja pun akhirnya lusa atau tulat akan dirompak, dibubuh di tempat lain dan dijual dengan harga murah. Akhirnya pihak company yang menjanjikan mereka tadi tidak laku dan tidak habis. Ini selalu berlaku walhal kalau hendak bandingkan rekaan lagu mereka baik gubahan dan seniman kita amatlah disanjung kerana kita sebagai manusia di samping kita ingin mencari makan ingin kepada kebaikan, hiburan juga tidak lepas daripada manusia dan begitu juga perkara-perkara lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri, sekali lagi saya tegaskan kita akan bersetuju Rang Undang-undang ini tidak akan berlawanan, macam Tuan Yang di-Pertua kata ada pihak yang tidak bersetuju, tidak ada. Semuanya bersetuju, tidak ada yang tidak bersetuju. Laksanakanlah Rang Undang-undang ini, dengan perlaksanaannya maka rompak, satu jenis daripada rompak kerana manusia bukan sahaja mencuri harta benda segala-galanya manusia ini kadang-kadang dia hendak curi asalkan boleh. Ini tabiat manusia. Jadi dengan lulusnya Rang Undang-undang ini akan menambahkan satu mata pencarian kepada orang yang mencipta, penggubah dan sebagainya dan akan bertambah banyak lagi penggubah-penggubah kita yang ingin mencipta berbagai lagu dan sebelum itu saya suka mengesyorkan kalau boleh tidak silap saya Kerajaan biasanya ada, tetapi kalau boleh utamakanlah lagi mengadakan pertandingan berbagai ciptaan baik ciptaan secara hiburan, baik lagu dan berbagai ciptaan yang membawa kebaikan yang difikirkan baik kepada negara.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

4.05 ptg.

**Tuan Awang bin Jabar (Dungun):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama memberi sokongan kepada satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Hakcipta 1969 yang baharu sekejap dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan yang telah menggubal Rang Undang-undang ini dengan begitu rupa dengan tujuan-tujuan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tujuan-tujuan ataupun motif daripada penggubalan Rang Undang-undang ini baik adalah berasaskan kepada perkembangan, kemajuan di negara kita sekarang ini. Negara kita adalah salah sebuah daripada negara yang sedang membangun di mana setiap jentera yang ada hendaklah kita salurkan ke arah pembangunan sama ada pembangunan material dan rohaninya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu-satu pembangunan ini, nilai sikap rakyat adalah amat perlu diberi priority untuk perubahan kerana walau bagaimanapun kita rancangan

rancangan-rancangan pembangunan tetapi sikap dan nilai (mentality) rakyat tidak berganjak, tidak berubah masih di takuk lama maka rancangan-rancangan yang kita rancangan itu untuk membangunkan negara kita ini mungkin tidak akan sampai ke mana-mana, kalau berjaya pun tidak sampai kepada matlamat yang kita kehendaki. Jadi satu cara untuk mengubah nilai sikap rakyat ini ialah melalui pembacaan, melalui pengkajian dan kajian-kajian ini adalah menerusi buku-buku yang dicipta oleh pencipta-pencipta ataupun buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kaum-kaum penulis, pencipta-pencipta, karyawan-karyawan adalah satu golongan yang memainkan peranan penting di dalam pembangunan sesebuah negara.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, para karyawan, golongan-golongan penulis mestilah diberi perhatian, diberi perlindungan yang sewajarnya sama ada oleh kuatkuasa undang-undang ataupun lain-lain pihak yang tertentu. Jadi dengan adanya Akta pindaan ini dan dengan tujuan untuk memberi perlindungan kepada bukan sahaja karya-karya yang dicipta tetapi juga saya rasa adalah untuk pencipta-pencipta ataupun penulis-penulis itu sendiri. Kerana selama ini, Tuan Yang di-Pertua, pencipta-pencipta; maksud saya golongan-golongan penulis, sering dianiayai oleh keadaan-keadaan yang tertentu. Umpamanya berlaku rompak cetak. Ini adalah satu penganiayaan yang secara langsung kepada penulis-penulis di tahanan kita ini dan hal inilah yang menyebabkan para penulis merasakan rendah minat mereka ataupun tidak ada minat yang besar untuk menulis. Sebab umpamanya kita buat misalan kepada buku-buku yang lahir umpamanya buku-buku teks ataupun buku-buku yang dijadikan buku teks oleh Kementerian Pelajaran, apabila buku ini dijadikan buku teks pihak penerbit kadang-kadang tidak sempat untuk hendak menerbitkan buku dengan secukupnya, pihak-pihak yang tertentu mengambil peluang ini, mengeksploitasi peluang ini dengan merompak percetakan ataupun mencetak secara rompak, secara haram sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri.

Jadi perkara ini berlaku adalah merupakan satu penganiayaan kepada penulis-penulis, kepada pencipta-pencipta buku-buku tadi kerana berlakunya rompak secara haram ini

maka royalti kepada penulis-penulis itu tidak dapat dibayar kerana penerbitan buku itu tidak dapat dikesan. Jadi ini satu perkara penganiayaan kepada penulis-penulis. Maka dengan adanya Akta pindaan ini akan memberi perlindungan yang sebaik-baiknya kepada golongan ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai penulis-penulis ini ialah mengenai bayaran royalti kerana bayaran royalti ini walaupun dibuat oleh pihak-pihak penerbit semasa membuat perjanjian (agreement) di antara penulis dengan penerbit, walaupun ditetapkan oleh pihak penerbit tetapi supaya tidak berlaku penganiayaan kepada penulis-penulis, pihak Kementerian yang berkenaan ataupun Akta ini hendaklah juga memberi provision ataupun memberi peruntukan di mana had minima bayaran royalti kepada penulis-penulis mestilah ditetapkan. Manakala had maksimumnya itu terpulanglah kepada budi bicara penerbit dan penulis-penulis itu sendiri. Kerana, kadang-kadang terdapat sesebuah buku yang ditulis oleh seseorang penulis dan diterbitkan oleh sesuatu dengan ikatan janji bayaran royaltinya yang begitu rendah tiba-tiba buku itu ditakdirkan jadi buku teks ataupun dijadikan sebuah buku yang akan dipergunakan oleh orang ramai. Maka pihak penerbit akan mendapat keuntungan yang begitu banyak daripada jualan buku yang begitu banyak manakala pihak penulis-penulis tadi dengan bayaran royaltinya yang sedikit itu akan teraniaya.

Oleh sebab itu, saya mengesyorkan supaya Kementerian ini juga memberi keadilan ataupun perlindungan yang sebaik-baiknya kepada golongan-golongan penulis di tanahair kita ini atau peruntukan ataupun pertimbangan bayaran minima yang agak bersesuaian kepada penulis-penulis di negara ini. Dengan itu, saya rasa minat penulis-penulis, minat pencipta-pencipta akan lebih tinggi lagi dan apabila minat ini tinggi, maka banyaklah buku-buku, karya-karya yang akan dihasilkan oleh para karyawan ini yang akan memberi faedah kepada negara kita, yang akan memberi sumbangan kepada rakyat negara ini dalam mengubah sikap dan nilai mereka. Apabila perubahan ini berlaku, maka pembangunan yang kita sedang rancangkan ini akan dapat sampai kepada matlamat yang kita cita-citakan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

*4.16 ptg.*

**Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1979.

Di dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya ingin menyampaikan bagi pihak rakan-rakan saya penulis, pengarang khususnya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak Kementerian ini yang telah mengemukakan Rang Undang-undang Pindaan ini, iaitu suatu perkara yang sudah lama ditunggu-tunggu oleh pihak penulis, para sastrawan, pengarang dan juga oleh entertainer iaitu penyanyi-penyanyi, pengubah lagu dan pemuzik-pemuzik serta juga bagi pihak pengeluar buku-buku dan pengeluar pita-pita rakaman serta piring-piring hitam.

Saya difahamkan bahawa lahirnya Rang Undang-undang Pindaan ini adalah daripada hasil beberapa siri pertemuan antara pegawai-pegawai dengan pihak penulis, penyanyi dan sebagainya dan juga pertemuan antara pihak-pihak yang berkenaan tadi dengan Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan sendiri. Lahirnya Rang Undang-undang ini menunjukkan bahawa pihak Kementerian ini adalah sentiasa sensitif kepada fikiran-fikiran, cadangan-cadangan daripada rakyat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya Rang Undang-undang ini memberi tenaga tambahan ataupun apa yang kita panggil additional funds kepada untuk membentaras, memerangi perbuatan plagiarism, rompak cetak yang sedang berlaku dengan berleluasa di negara ini baik di bidang pengeluaran buku-buku dan terutamanya di dalam bidang pengeluaran pita rakaman lagu-lagu dan piring hitam. Dalam bidang penerbitan buku-buku adalah menjadi rahsia umum. Sebaik sahaja buku-buku yang popular diterbitkan selagi buku-buku itu seperti yang disebutkan tadi menjadi teks di sekolah-sekolah maka tidak lama selepas itu adalah nanti keluar naskah-naskah buku haram.

Saya mendapat tahu buku-buku Dewan Bahasa yang menjadi buku-buku teks pun diplagiatkan, dicetak di Hong Kong dan dibawa masuk ke Malaysia melalui Singapura.

Begitu juga perbuatan merompak cetak pita rakaman lagu-lagu ini berlaku secara berleluasan di seluruh negara kita, lagu-lagu yang popular di salin semula dalam bentuk tape, keset dan di dalam bentuk cartridge dan dijual di kedai-kedai yang established atau di kaki-kaki lima dengan harga jauh lebih murah daripada harga asal. Keadaan yang berlaku dalam kedua-dua bidang ini — pengeluaran buku dan pengeluaran pita rakaman lagu-lagu samalah seperti keadaan yang berlaku di Western America waktu zaman tamadun cowboy dulu iaitu siapa yang berani dan siapa yang banyak duit maka dia boleh senang-senang merompak cetak karya orang lain dengan tidak ada segan silu lagi. Sementara pencetak-pencetak buku yang halal terpaksa membayar royalti kepada pengarang, pencetak-pencetak haram atau pencuri-pencuri ini tidak perlu membayar royalti apa-apa, mereka hanya dikenakan membayar upah cetak dan komisyen pengedaran sementara pengeluar-pengeluar pita rakaman yang sah terpaksa membayar royalti untuk penyanyi, untuk penggubah lagu, untuk pancaragam dan sebagainya. Pengusaha-pengusaha haram hanya terpaksa membayar harga tape, harga keset dan cartridge dan mereka pula on the top of it tidak payah membayar cukai.

Nyatalah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Undang-undang Hak Cipta 1969 telah tidak begitu berkesan untuk mengawal mengurangkan perbuatan cetak rompak ini apa lagi mencegah menghapuskan perbuatan itu sama sekali. Sekarang Rang Undang-undang Pindaan ini dikemukakan kepada kita mengandungi peruntukan-peruntukan untuk menambah hukuman penjara bagi kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini dari satu tahun penjara kepada 5 tahun penjara dan selaras dengan itu dendanya juga telah ditambah daripada \$2,000 kepada \$10,000 bagi tiap-tiap copy yang dicetak rompak ataupun \$100,000 mengikut yang mana kurang.

Peruntukan juga telah diadakan untuk mengenakan denda yang lebih berat bagi orang-orang yang mengusahakan perbuatan

cetak rompak ini iaitu di bawah peruntukan seksyen 15 (1) (g) yang berbunyi:

15 (1) (g) “membuat atau ada dalam miliknya apa-apa perekaan yang boleh digunakan bagi maksud membuat salinan-salinan pelanggar,”.

Saya percaya dengan perubahan-perubahan baru ini dan denda yang besar ini akan dapat menakutkan sedikit pirate di dalam bidang-bidang pengeluaran buku dan pengeluaran pita rakaman. Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit reservation kepada seksyen 15 (1) (d). Seksyen 15 (1) (d) menyebutkan:

“15. (1) Jika tatkala hakcipta mengenai sesuatu karya wujud menurut kuasa Akta ini, seseorang—

(a) xx xx xx xx xx xx

(b) xx xx xx xx xx xx

(c) xx xx xx xx xx xx

(d) memiliki, bagi apa-apa jua kegunaan melainkan bagi kegunaan per-sendirian dan rumahtangganya, apa-apa salinan pelanggar;.....”

Ceraian ini, Tuan Yang di-Pertua, mungkin ditujukan kepada perbuatan menyalin rakaman lagu-lagu di rumah-rumah oleh orang perseorangan. Namun demikian oleh kerana ceraian ini agak umum, dan tidak disebut pita rakaman tadi, maka ceraian (d) ini mungkin boleh disalahgunakan dalam usaha mencetak rompak buku-buku.

Seperti yang kita ketahui, sekarang ini perbuatan memphotostat buku-buku teks sedang berlaku secara agak berleluasan oleh penuntut-penuntut universiti dan kolej-kolej. Mungkin kerana mereka tidak mampu membeli buku-buku tersebut, mungkin kerana buku-buku tersebut tidak didapati di dalam pasaran saya tidak tahu sebabnya tetapi kes-kes seperti ini berlaku di universiti-universiti kita.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada orang mahu mempertahankan perbuatan ini oleh kerana kasihan penuntut-penuntut kita, mereka mahu belajar dan mahu mengurangkan kos pengajian mereka patutlah kita benarkan mereka berbuat demikian.

Namun satu hal sudah pasti bahawa bilangan penuntut-penuntut di institusi pengajian tinggi kita sekarang ini terlalu besar dan kalau katakan 10% daripada mereka membuat kerja seperti ini maka jumlah bilangan yang diphotostat itu sudah barangkali melebihi angka pencetakan buku-buku yang berkenaan itu sendiri. Begitu juga perbuatan ini tidak berlaku hanya pada satu ketika tetapi akan berlaku terus menerus, student baru masuk mereka juga akan buat begini, tahun depan student lain pula akan buat. Jadi tiap-tiap tahun perbuatan menyalin secara photostat buku yang tersebut ini akan dilakukan oleh kerana ada kekaburan kepada Seksyen 15 (1) (d) yang saya sebutkan tadi.

Oleh yang demikian, saya sungguh-sungguh berharap pihak Kementerian ini akan cuba mencari jalan supaya kepentingan pengarang-pengarang buku dapat dipertahankan, dilindungi walaupun dengan adanya ceraihan yang saya sebutkan tadi.

Suatu ciri yang menarik dalam Rang Undang-undang pindaan ini iaitu pindaan kepada seksyen 15 dalam Rang Undang-undang tahun 1969 dengan memasukkan satu Ceraihan baru 15A, iaitu dengan memberi kebenaran kepada Mahkamah-mahkamah Sesyen dan dalam hal Sabah dan Sarawak pada Mahkamah Majistret Kelas Pertama membicarakan kes-kes kesalahan di bawah Akta ini. Saya difahamkan sebelum ini hanya Mahkamah Tinggi yang boleh membicarakan kes-kes seperti ini dan oleh kerana itu banyak kes-kes telah terlambat dan tidak dapat dibereskan dalam waktu ini. Dengan adanya pindaan ini atau tambahan ini maka dapatlah disegerakan kes-kes pelanggaran di bawah Akta ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, suatu perkara bagaimanapun missing di dalam Rang Undang-undang ini, iaitu satu issue telah timbul dalam seksyen 5 (2) di dalam Undang-undang tahun 1959 mengenai perkara hakcipta seseorang pengarang itu selepas ia meninggal dunia. Dalam Akta tahun 1969 ada disebutkan bahawa hakcipta seseorang pengarang akan terluput selepas 25 tahun ia meninggal dunia. Saya diberitahu bahawa beberapa siri perundingan telah diadakan dengan pihak pegawai-pegawai yang berkenaan untuk mengubah seksyen 5 (2) ini supaya dipanjangkan tempoh 25 tahun itu

kepada 50 tahun dengan maksud supaya waris-waris simati akan dapat menikmati hasil karya bapa mereka misalnya lebih lama dan tidaklah hanya setakat 25 tahun sahaja. Dan seksyen itu juga telah menjelaskan di bawah Undang-undang tahun 1969 tidak menjelaskan bagaimana kedudukannya kalau karya itu dicetak semua selepas orang itu meninggal dunia. Jadi saya difahamkan bahawa pihak pegawai-pegawai yang berkenaan telahpun bersetuju untuk memasukkan atau meminda seksyen 5 (2) di dalam Undang-undang tahun 1969 itu dengan mengadakan satu provision baru yang menyebut bahawa hakcipta itu akan terus berlaku selepas si pengarang meninggal dunia 50 tahun atau daripada tarikh bukunya diterbitkan menurut mana satu yang lebih kemudian. Malangnya cadangan ini, perkara ini telah nyata tidak direflect di dalam pindaan yang dikemukakan kepada Dewan pada hari ini. Saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan akan mengkaji semula perkara ini supaya hakcipta itu terus menjadi dilindungi oleh undang-undang selepas 50 tahun seorang pengarang itu meninggal dunia, untuk memberi kesempatan kepada warisnya menikmati hasil royalty yang lebih lama.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya meninjau juga soal apa yang berlaku kepada hakcipta itu selepas 25 tahun pencipta itu meninggal dunia, apa yang berlaku kepada ciptaan itu, haknya itu terpulang kepada siapa? Kepada Arkib Negara ataupun kepada Kerajaan atau agensi Kerajaan yang lain. Saya menyebutkan hal ini oleh kerana pada masa ini kita tahu buku-buku hikayat lama misalnya Hikayat Munshi Abdullah dan sebagainya atau lain-lain buku oleh pengarang-pengarang lama kita dicetak dengan cara sewenang-wenangnya oleh sesiapa juga yang mahu mencetak yang ada kemampuan untuk mencetak, dengan tidak payah minta kebenaran daripada Kerajaan dan sebagainya.

Saya cadangkan supaya ditubuhkan satu Trust Fund untuk menjaga hak para pencipta selepas ia meninggal dunia 25 tahun dan sesiapa juga yang hendak mencetak baik buku mahupun hendak merakamkan semula lagu, patutlah meminta izin daripada Trust Fund ini dan sebahagian daripada royaltynya patutlah dibayarkan kepada Trust Fund atau wang yang didapati atau diperolehi

daripada kutipan royalty itu tadi patutlah digunakan untuk memupuk usaha-usaha seniman dan karyawan.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini adalah suatu yang lebih menarik, lebih baik daripada Undang-undang tahun 1969. Namun demikian suatu undang-undang yang baik tidak akan menjadi baik kalau perlaksanaannya, penguatkuasaannya tidak berjalan.

Di bawah Akta 1969, terdapat beberapa kesukaran untuk mendakwa orang-orang yang melanggar Akta tersebut, misalnya affidavit pihak yang dibuat disediakan oleh orang yang mendakwa tidak boleh diterima sebagai sesuatu keterangan di mahkamah, kalau tidak salah saya.

Dalam tahun 1975 suatu peruntukan telah dibuat dan pindaan telah dibuat yang membolehkan affidavit yang saya sebutkan tadi diterima sebagai satu keterangan di dalam percabaran mahkamah. Namun demikian, walaupun ada kemudahan untuk mendakwa pihak-pihak yang melakukan kesalahan, hasil daripada pindaan ini tetapi tidak ada siapa pun yang kita dapat dakwa kerana melanggar Akta Hakcipta ini. Ini menunjukkan kurang pelaksanaan dan enforcement daripada pihak Polis di bawah Undang-undang ini. Kalau tidak salah saya, kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang seperti ini adalah termasuk dalam kategori commercial crime yang dikendalikan oleh suatu pasukan khas di dalam Jabatan Polis yang dipanggil Unit Commercial Crime.

Saya berpendapat bahawa adalah mustahak dan memang ada keperluan yang amat besar untuk kita memperkuatkan yunit ini sesuai dengan perkembangan dalam bidang industri dan perusahaan kita. Dan bila sektor perusahaan ini berkembang maka akan banyak pulalah timbul kejadian (incidents) commercial crime yang dilakukan oleh pihak-pihak yang mahu mencari kesempatan.

Saya juga sedar bahawa kes-kes jenayah di bawah kategori ini sukar untuk dikesan oleh kerana orang yang melanggar undang-undang ini bukanlah orang biasa, mereka bijaksana, cukup sophisticated untuk menutup kesalahan yang mereka lakukan dan tidak begitu bodoh

untuk mendedahkan kegiatan mereka. Walau bagaimanapun, saya percaya kalau pihak polis kita yang menganggotai unit yang berkenaan itu dilatih dan diexposekan kepada kes-kes commercial crime yang lebih besar misalnya di luar negeri maka mereka akan dapat pengalaman untuk mengatasi masalah-masalah dalam commercial crime ini.

Saya ingin menekankan di sini bahawa pihak anggota unit Polis ini perlukan exposi yang cukup dan mereka perlulah dihantar berlatih di luar negeri dan perlulah pasukan unit ini diperkuatkan dari satu masa ke satu masa. Misalnya dalam kesalahan yang dibuat di bawah Undang-undang Hakcipta ini pihak pengeluar pita rakaman yang sah itu sendiri pun kadang-kadang melakukan kerja rompakcetak penerbitannya sendiri. Bila dia keluarkan satu rekod, katakanlah 5,000, selepas itu dikeluarkannya secara haram dengan tidak diberitahu kepada penyanyi, pemuzik dan sebagainya untuk mengelakkan bayaran royalty. Kes-kes seperti ini patutlah ada dalam pengetahuan Kementerian yang berkenaan dan juga pihak Polis. Begitu juga pihak Kastam patutlah lebih waspada pada masa akan datang untuk mengesan kemasukan buku-buku daripada luar negeri, terutama buku-buku Bahasa Malaysia dan pita-pita rakaman yang dinyanyikan oleh penyanyi-penyanyi kita.

Dalam hal buku Dewan Bahasa dan Pustaka yang saya sebutkan tadi sepatutnya pihak Kastam sudah dapat mengesan atau sudah syak bahawa Undang-undang telah dilanggar, dicabul apabila buku itu sampai di Tambak Johor misalnya, Check Point Customs di Johor kerana buku ini dicetak di Hong Kong, dibawa masuk melalui Singapura sedangkan penerbitnya ialah Dewan Bahasa dan Pustaka, sedangkan Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai percetakannya yang lengkap. Kalaupun Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mampu mencetak dalam percetakannya sendiri adalah menjadi amalan Dewan Bahasa dan Pustaka selama ini mencetak di dalam negeri ini sendiri. Sepatutnya pihak Kastam sudah syak buku ini adalah buku haram dan sebelum dibenarkan (release) dibawa masuk ke Malaysia sepatutnya ditelefonlah dahulu kepada Dewan Bahasa dan Pustaka bertanyakan apakah Dewan Bahasa dan Pustaka bermaksud

hendak membawa masuk buku ini daripada Singapura atau tidak, dengan yang demikian dapatlah dikesan segera perbuatan menyeludup buku-buku haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai penyertaan Malaysia di dalam Konvensyen Hakcipta Antarabangsa. Setakat yang saya tahu dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri membetulkan saya kalau saya silap, sampai hari ini Malaysia masih lagi belum menyertai atau menjadi anggota kepada konvensyen yang saya sebutkan tadi. Saya cadangkan supaya kita buat demikian dengan seberapa segera demi untuk melindungi hakcipta para penulis artis kita daripada dieksploitkan secara sewenang-wenang oleh penerbit-penerbit luar negeri. Saya membuat syor yang demikian oleh kerana telah berlaku satu insiden di mana beberapa buah cerita pendek karya sastrawan-sastrawan Malaysia telah diterjemah dan diterbitkan di Russia tanpa pengetahuan pengarang-pengarang berkenaan. Satu daripada cerita-cerita pendek yang diterjemah dan diterbitkan itu adalah kebetulan hasil karya saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, penerbit Russia itu tentulah sebuah agensi Kerajaan kerana kita tahu di Russia tidak ada penerbit swasta tidak pun memberitahu kita, apatah lagi meminta izin daripada kita sebelum buku itu diterjemah dan diterbitkan. Kita, pihak penulis-penulis yang berkenaan hanya tahu perkara ini selepas buku itu lama diterbitkan dan apabila beberapa orang rakan penulis menghubungi pegawai-pegawai di Kedutaan Russia di Kuala Lumpur, mereka mengatakan kami membuat begini untuk memperkenalkan pengarang-pengarang Malaysia di Russia dan mereka mengatakan kalau orang Malaysia pun mahu menterjemah hasil-hasil karya penulis-penulis Russia, "You are welcome to do it". Kita menjawab, kita tidak perlu diperkenalkan di Russia dan kita tidak berminat untuk menerbitkan buku-buku Russia di sini. Paling akhir yang saya dengar ialah beberapa orang rakan saya para penulis sedang berura-ura hendak mengadakan tunjuk perasaan di hadapan Kedutaan Russia di Jalan Ampang tidak lama lagi. Kalau ada tunjuk perasaan itu saya sendiri sudah pasti akan ikut bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sedihnya dalam hal insiden yang berlaku ini pihak penulis tidak

boleh mengadu kepada Kerajaan kita oleh kerana Malaysia tidak menjadi anggota kepada Convention Copyright yang saya sebutkan tadi, jadi Malaysia tidak boleh pula sebagai sebuah negara mengadu kepada konvensyen itu walaupun Russia itu sendiri menjadi ahli kepada konvensyen yang berkenaan. Itulah sebabnya saya katakan tadi ada keperluan yang mendesak sesuai dengan lulusnya Undang-undang Hakcipta ini untuk Malaysia mengemukakan permohonan untuk menjadi ahli kepada konvensyen yang berkenaan.

Saya kemukakan perkara insiden rompak cetak oleh Russia ini untuk membuktikan bahawa perbuatan rompak cetak ini bukan sahaja dilakukan oleh orang-orang yang mempunyai modal atau menurut istilah orang-orang sekarang kita panggil kaum kapitalis tetapi nampaknya juga telah dilakukan oleh sebuah negara yang memanggil diri mereka negara sosialis. Dalam soal menindas dan mengeksploitasi hasil-hasil karya sastrawan dan seniman, 'bapa sosialis bisa makan sepinggan dengan bapa kapitalis'.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

4.49 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Yang di-Pertua, dalam memberi sokongan kepada Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1969, saya ingin mengambil bahagian di dalam membahaskan peruntukan tambahan yang dikehendaki di dalam Akta Pindaan ini.

Adalah benar bahawa terdapat beberapa kelonggaran tentang Undang-undang Hakcipta, terutama dari segi penalti yang terlalu ringan dikenakan memandangkan kedudukan sara hidup yang begitu tinggi, maka adalah wajar penalti yang lebih dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang bijak apabila membuat sesuatu rompak hakcipta bukanlah mudah dapat dikesankan oleh pihak-pihak yang berkenaan dengan begitu cepat. Setelah begitu lama ianya berjalan dan setelah keuntungan yang berlipat ganda didapati baharulah timbulnya kesan tentang jualan hakcipta yang asal berkurangan. Misalnya, syarikat-syarikat piring hitam

ataupun lagu-lagu yang direkodkan untuk dijual seringkali kalau kita pergi ke kedai muzik sama ada kecil ataupun besar adalah sukar untuk hendak membezakan di antara ciptaan yang asal dengan ciptaan tiruan. Yang dapat dibezakan ialah jualan yang dibuat di tiap-tiap jualan itu di kedai-kedai kaki lima ini boleh didapati buktinya dari segi recording kurang memuaskan. Pada biasanya bagi orang ramai apa yang perlu bagi mereka ialah untuk membeli dengan harga yang murah dan baik, soal mutu, kualiti pada setengah-setengah orang adalah soal yang kedua kerana yang penting bagi mereka ialah mendapat benda-benda tersebut dan soal rakaman tiruan tidak menjadi masalah kepada mereka.

Penjual-penjual kecil biasanya hidup mereka bergantung kepada jualan harian, maka soal hidup adalah soal yang mesti diambil perhatian berat, tetapi di kedai besar kualiti adalah sesuatu yang dikaji untuk mendapat kepercayaan orang ramai di kedainya. Saya rasa ini bukan terdapat pada recording piring-piring hitam tetapi juga rakaman hakcipta, penggubah senikatanya. Misalnya, semenjak kematian seniman agung Allahyarham P. Ramlee kebanyakan lagu-lagu popularnya telah diubahsuaikan oleh pencipta-pencipta lagu dengan senikata yang berlainan sedangkan pada hakikatnya lagu-lagu asal beliau adalah lebih menarik dan mendapat sambutan orang ramai hingga ke hari ini. Rompakan tiruan seperti ini, saya rasa perlu diperhati dan diambil tindakan yang serius kepada penggubah-penggubah lagu tiruan tersebut.

Begitu juga dengan penulis-penulis buku yang pada lazimnya dalam ciptaan buku tersebut ada tertulis "Hakcipta Terpelihara" tetapi di zaman sains dan teknologi ini rompakan tiruan ini mudah dilakukan dengan alat-alat moden yang boleh didapati dengan mudah, photo copy atau dengan menggunakan off-set machine, pencipta dengan mudah melakukan kerja-kerja cetakan tersebut. Apabila ini dilakukan maka pada biasanya harga jualan adalah diturunkan. Ini tentu sekali mendapat jualan yang laris dari pembeli-pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, pernah pada suatu masa dahulu buku-buku sekolah keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjadi perbincangan hangat oleh ibubapa murid-murid kerana tidak dapat dibeli disebabkan

tidak ada dalam pasaran. Walaupun penggal pertama sekolah telah dibuka dan murid-murid tidak dapat menggunakan sehingga beberapa ketika yang lampau dan juga buku-buku tersebut adalah mencukupi dalam pasaran tetapi ibubapa tidak dapat membelinya. Sekiranya ini berlaku sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah menjadi tanggungjawab pihak-pihak yang tertentu khususnya Bahagian Commercial Crime untuk menyelidik sesuatu komplek orang ramai walaupun melalui akhbar hendaklah diambil tindakan segera serta membuat siasatan yang rapi selanjutnya sama ada adanya berlaku rompakan cetakan buku-buku tersebut. Bahagian Commercial Crime ini, Tuan Yang di-Pertua, hendaklah mengambil tindakan tegas tanpa ragu-ragu lagi supaya tindakan sewajarnya dapat diambil terhadap pencetak-pencetak buku-buku tiruan tersebut.

Begitu juga dengan lukisan yang bersejarah yang dipamirkan di muzium-muzium. Sebagai contoh lukisan gambar potret Mona Lisa yang sangat masyhur dipamirkan di Muzium Paris. Ianya dijaga dengan rapi sehingga camera pun tidak dibenarkan untuk mengambil gambar ini. Begitu ketat sekali jagaannya. Saya rasa adalah suatu kawalan yang sangat bagus dari segi pengambilan rompakan tiruan. Sekiranya ini dapat dilakukan di negara kita, umpamanya, gambar-gambar bersejarah yang dipamirkan di muzium-muzium kita, saya rasa ini perlu dikawal dengan rapi, kerana maklum sahajalah manusia sekarang ini pandai dengan serba tektik dan tipu helahnya. Mudah-mudahan dengan kuatkuasa Undang-undang Hakcipta ini soal rompakan tiruan tidak akan berlaku dan soal pelaksanaan adalah perlu dikuatkuasa.

Sekianlah sahaja dan saya adalah menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan), 1979.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Hilir Perak.

4.56 ptg.

**Tuan Kamaluddin bin Maamor (Hilir Perak):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Hakcipta, 1969.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan hakcipta bagi karya penulis-penulis dan artis-artis

telah menjadi satu issue di kalangan syarikat-syarikat penerbitan buku-buku, piring hitam dan persatuan-persatuan penulis beberapa tahun yang lalu. Perkara ini tidak langsung mendapat perhatian orang ramai akan kesan jangka panjang yang akan dialami akibat dari rompak-rompak hakcipta yang dilakukan oleh perompak-perompak dengan sewenang-wenangnya itu. Saya mengalu-alukan pindaan ini dan berharap dengan adanya pindaan ini akan meyakinkan penulis-penulis, artis-artis, kartunis-kartunis dan penyanyi-penyanyi kita di negara ini. Sungguhpun saya berpendapat yang Akta Hakcipta tanpa pindaan inipun sudah lengkap bagi melindungi pemegang hakcipta yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang sebenarnya ialah dari segi penguatkuasa. Tanpa penguatkuasa hukuman seberapa beratpun tidak akan menghalang perompak-perompak dari melakukan rompak-rompak hakcipta. Sungguhpun dengan pindaan ini hukuman penjara yang maksima dinaikkan daripada satu tahun kepada lima tahun dan denda daripada \$2,000 kepada \$10,000 tidak semestinya menakutkan perompak-perompak dari meneruskan rompak-rompak hakcipta kerana pendapatan dari rompak-rompak mereka itu terlalu lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara 80 hingga 90 peratus piring hitam dan pita rakaman yang dijual di negara ini adalah dirompak daripada pemegang-pemegang hakcipta yang sah. Begitu juga dengan karya-karya penulis sungguhpun pada orang ramai rompak-rompak yang dilakukan oleh perompak-perompak hakcipta itu akan mendatangkan kesan yang baik iaitu orang ramai akan dapat membeli rekod-rekod dan piring hitam dengan harga yang murah, namun mereka tidak dapat pasti yang mutu rekod-rekod dan kaset-kaset (cassettes) yang dibeli itu adalah dari mutu yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini nanti saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan akan mengambil tindakan yang segera bagi melantik pegawai-pegawai penguatkuasa dari Kementerian sambil dari Commercial Crime serta membolehkan mereka mendapat latihan yang setingginya bagi menjalankan kuatkuasa Akta ini. Tanpa

penguatkuasa pindaan ini tidak mendatangkan apa-apa kesan kepada perompak hakcipta dan Kerajaan juga yang akan mendapat kerugian oleh kerana daripada cukai-cukai jualan yang sah yang tidak boleh dikutip.

Selain daripada itu, saya juga mencadangkan kepada Kementerian ini supaya mengadakan kawalan yang ketat terhadap syarikat-syarikat penerbitan buku-buku supaya kertas yang digunakan bagi buku-buku mereka itu datang dari mutu yang baik. Begitu juga kepada syarikat-syarikat recording supaya rekod-rekod dan kaset-kaset yang dijual adalah juga dari mutu yang baik. Saya juga berharap Kementerian ini akan dapat mengadakan kawalan yang ketat terhadap harga jualan buku-buku, rekod-rekod dan kaset-kaset yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tersebut agar mereka tidak menetapkan harga jualan yang tinggi dengan sewenang-wenangnya.

**Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tindakan Kerajaan bagi mengesan dan menghapuskan rompak hakcipta ini, saya menyeru kepada syarikat-syarikat penerbitan buku dan syarikat-syarikat recording akan tidak berdiam diri bahkan berusaha memberi bantuan seboleh-bolehnya bagi mengesan tindakan perompak-perompak hakcipta ini dan melaporkan kepada pihak berkenaan untuk tindakan yang berkesan. Tanpa kerjasama daripada mereka ini tindakan oleh Kerajaan sahaja tidak akan begitu berkesan.**

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan ini, saya berharap lebih banyak lagi penulis-penulis akan tampil ke hadapan dengan karya-karya baru mereka dan pertubuhan swasta akan sanggup membelanjakan beratus ribu ringgit bagi menaja lebih banyak lagi penyanyi-penyanyi bagi dunia hiburan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, galakan daripada Kerajaan kepada penulis, artis, kartunis dan penyanyi dari segi pelepasan cukai pendapatan dari royalti yang diterima mereka setakat ini tidaklah memuaskan. Jika saya tak silap, mereka yang hanya diberi pelepasan cukai pendapatan sebanyak \$3,000 sahaja setahun. Saya mencadangkan kepada Kerajaan agar menaikkan pelepasan cukai pendapatan

mereka itu dari royalti yang diterima daripada \$3,000 setahun kepada \$6,000 setahun. Ini akan menggalakkan lagi penulis-penulis, artis, kartunis dan penyanyi-penyanyi muncul ke hadapan dan bergiat lebih gigih lagi dalam usaha mereka. Ini tidak akan mendatangkan kerugian kepada Kerajaan malah akan menguntungkan Kerajaan dari segi kutipan jualan-jualan yang sah.

Sekianlah sahaja, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

*5.02 ptg.*

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang pindaan ini untuk meminda, Akta Hakcipta, 1969.

Saya juga difahamkan bahawa tujuan pindaan ini adalah suatu tujuan baik, tetapi, saya berharap pihak manufacturers dan importers tidak akan menggunakan protection yang telah diberi kepada mereka apabila Rang Undang-undang ini telah diluluskan untuk menaikkan harga-harga records, tapes dan lain-lain consumer items. Jika ini berlaku, golongan miskin tidak dapat membeli barang-barang ini. Jadi tujuan Rang Undang-undang ini telah diselewangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, manufacturers, entrepreneurs dan importers akan memberi benefit atau pass on hasil dari Akta ini, oleh kerana selepas mendapat protection maka sales mereka mesti bertambah dan hasil dari pertambahan penjualan itu, saya harap boleh diberikan kepada artis-artis dan juga kepada pembeli-pembeli dengan harga yang rendah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun harus terima dan harus mengetahui rakyat kita mestilah diberi peluang membeli barang-barang yang murah dan mutu yang baik. Satu barang yang mustahak dalam kategori ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah buku-buku teks. Kita faham ada ramai penuntut di sekolah dan universiti adalah datang dari keluarga yang miskin dan ada ramai yang tidak boleh

membeli buku-buku teks yang mahal. Oleh yang demikian, mereka membeli buku-buku teks yang dikeluarkan dari sindiket pirate.

Tuan Yang di-Pertua, peluang pelajaran mestilah diberi kepada semua yang berkehendakkan dan kita harus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memberi peluang kepada penuntut-penuntut miskin untuk membeli buku-buku teks yang murah. Oleh yang demikian, saya harap Kerajaan mengkaji semula dari masa ke semasa harga buku teks dan apabila publishers menggunakan Akta ini untuk menaikkan harga buku teks, Kerajaan hendaklah mengambil langkah yang sesuai, control kegiatan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pun boleh berbincang dengan publishers untuk membeli copyrights buku-buku teks yang kita gunakan dan kita sendiri boleh menerbitkan buku-buku itu. Saya juga berharap pihak berkuasa dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan juga dari Commercial Crime Section mengambil perhatian supaya publishers tidak deviate dengan tujuan Akta ini dan menggunakan Akta ini menaikkan harga-harga buku teks. Saya juga berharap persatuan-persatuan consumer boleh menjadi watchdog dalam hal ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Kerajaan memberi notis dengan masa yang cukup kepada peniaga-peniaga yang sekarang ada stok barang-barang yang telah menghalang undang-undang ini. Kalau pihak Kerajaan tidak memberi peluang kepada mereka, saya ingat mereka mesti mengalami kerugian dan menghadapi satu masalah yang sangat susah dan Akta ini boleh menjadi satu Akta yang trajik kepada mereka.

Dengan cadangan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

*5.08 ptg.*

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan atas

Rang Undang-undang ini dan juga telah melafazkan beberapa teguran-teguran yang mana saya boleh kaji dan jika sesuai boleh mengambil ikhtiar untuk menjalankan apa-apa yang telah dicadangkan tadi.

Saya tidaklah bertujuan menjawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi dengan satu persatu, tetapi sukalah saya memberi jawapan di sini di bawah lima perkara yang telah dibangkitkan dalam perbahasan baru-baru ini

Terlebih dahulu suka saya beri penjelasan bahawa Akta Hakcipta yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun 1969 ialah diadakan untuk memberi perlindungan kepada karya-karya seni intelektual dan juga perindustrian yang dihasilkan oleh warga-negara Malaysia dan orang-orang yang menetap di negara ini, orang-orang ini termasuk organisasi dan juga karya-karya yang berasal dari negara ini. Jadi, kita tidak boleh mengawal atau memberi perlindungan kepada karya-karya yang datang dari Malaysia yang berasal dari luar negeri dan juga kita tidak boleh memberi perlindungan kepada karya-karya yang dirompak, diterbitkan dan disalinkan di luar daripada negeri Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu bertanya tadi berkenaan dengan Malaysia adakah benar atau tidak menjadi satu anggota Universal Copyright Convention. Di sini sukalah saya berkata berhubung dengan penyertaan Malaysia menjadi salah satu daripada badan hakcipta antarabangsa sama ada dalam Berne Convention atau Universal Copyright Convention perlu dikaji dengan mendalam sama ada Malaysia patut atau tidak menyertai satu convention terpujanglah kepada keuntungan yang mungkin di perolehi sekiranya Malaysia menyertai Convention tersebut. Ada pendapat menyatakan bahawa adalah tidak wajar pada masa ini bagi Malaysia menjadi ahli kepada salah satu convention, baik Berne Convention atau Universal Copyright Convention sebab ini akan lebih menguntungkan negara-negara maju daripada negara ini disebabkan tidak banyak karya miskipun ada karya-karya Malaysia yang sekarang tersebar di negara asing. Sungguhpun saya bersimpati dengan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu yang **mana** karya

Yang Berhormat itu diterjemah dan diterbitkan di Russia, tetapi pada keseluruhannya kita rasa pada masa ini kita tidak dapat keuntungan kalau kita menjadi anggota Berne Convention atau Universal Copyright Convention. Dan tambahan pula negara-negara jiran seperti Singapura dan Indonesia di mana karya-karya kita mungkin di eksport tidak menjadi ahli kepada mana-mana badan hakcipta yang disebutkan di atas. Oleh yang demikian, karya-karya kita tidak akan mendapat perlindungan di negara-negara luar daripada Malaysia. Dan tadi Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah berkata ada kecurian di luar negeri atau rompakan yang asal daripada Malaysia. Tetapi pada masa ini kita tidak boleh beri perlindungan kepada apa-apa rompakan yang terjadi di luar Malaysia. Ini adalah satu perkara yang mana saya suka menjelaskan.

Lagi satu misconception ialah kalau kita hendak beri perlindungan kepada karya-karya, musik dan karya-karya seniman, sastra dan lain-lain, baik buku, baik rekod, baik tapes sebab royalti dan sebagainya yang dibayar kepada pencipta-pencipta dan penulis-penulis itu mesti tinggi dan dengan ini kita tidak boleh yakin dan kita tidak boleh sanggup yang mana harga dijual itu boleh dikatakan murah. Sebaliknya rompakan atau pirated copies, rekod-rekod, tapes itu terlalu murah. Jadi, ini adalah satu percanggahan (conflict) yang mana kalau kita hendak beri perlindungan kepada pengguna-pengguna yang mana pengguna-pengguna itu boleh beli tapes yang murah itu barangkali 90 peratus salinan atau rompakan (pirated copies). Ahli Yang Berhormat telah berkata kita mesti beri satu royalti yang sesuai dan yang cukup kepada penulis dan pencipta yang mana kita boleh beri insentif atau menggalakkan kepada pencipta dan penulis itu terpulang kepada penulis dengan penerbitan yang mana badan yang ingin menyebarkan ciptaan-ciptaan itu. Kita tidak boleh buat undang-undang atau legislate mengenai had maksima royalti seperti yang dicadangkan tadi.

Mengenai tempoh hakcipta yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu, yang mana katanya menurut seksyen 5 (2) yang mana sekarang peruntukannya adalah 25 tahun selepas penulis atau

pencipta itu mati dipanjangkan kepada 50 tahun. Sukalah saya menyatakan di sini Kementerian saya telahpun mengkaji hal ini dan kita akan mengambil tindakan untuk menambah tempoh itu seperti yang dicadangkan dan disampaikan kepada Kementerian ini daripada GAPENA dan pertubuhan-pertubuhan penulis-penulis.

Satu perkara yang Ahli-ahli Yang Berhormat telah bangkitkan yang mustahak ialah mengenai bidang penguatkuasaan. Saya bersetuju dengan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat itu kalau kita hendak jaga atau memberi perlindungan secukup-cukupnya kepada pencipta dan penulis itu kita mestilah ada jentera untuk menjalankan undang-undang ini dengan lebih berkesan. Pada masa sekarang kalau ada pelanggaran atas Undang-undang Hakcipta ini, ini adalah satu ikhtiar yang mana pemilik hakcipta itu mesti buat tindakan atas civil action, ini bukan satu kesalahan jenayah, itu hanya berbangkit kelemahan untuk mengambil tindakan. Jadi, GAPENA (Gabungan Penulis-penulis Nasional) dan juga Persatuan Penerbit-penerbit Buku Malaysia telahpun berjumpa pegawai Kementerian saya dan juga Yang Berhormat Menteri sendiri yang mana pertubuhan ini telah mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan satu peruntukan penguatkuasaan dalam setiap pelanggaran hakcipta ini boleh dianggap sebagai satu kesalahan jenayah dan Jabatan Polis boleh mengambil tindakan yang lebih berkesan. Pada masa sekarang Kementerian saya telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Polis mengenai penguatkuasaan Akta ini dan sekiranya penguatkuasaan Akta ini memerlukan pindaan dibuat ke atas seperti saya katakan tadi sebagai satu kesalahan jenayah, kita boleh ambil tindakan supaya kita boleh membuat Akta ini lebih berkesan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah mengatakan dalam seksyen 15 (1) (g) yang mana diragukan kalau digunakan untuk kegunaan persendirian yang mana penuntut-penuntut atau murid-murid membuat salinan itu, ini jelas daripada perkataan di seksyen 15 (g) itu bagi apa-apa juga kegunaan melainkan bagi kegunaan persendirian dan rumahtangganya. Jadi ini saya rasa tidak timbul.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengatakan kita mesti ada peruntukan untuk merampas hakmilik atau perkakas-perkakas yang digunakan untuk membuat rompakan itu, ini pun ada dalam seksyen 15 (2) Akta Hakcipta 1969 yang mana mahkamah boleh memerintah bahawa mana-mana satu salinan pelanggar yang mana boleh digunakan untuk membuat salinan dan juga apa-apa perkakas boleh dibinasakan atau diserahkan kepada pihak yang berkenaan. Saya harap ini boleh jadi satu peruntukan yang mana kita boleh mengurangkan peluang bagi orang membuat rompakan itu.

Ini sahaja saya rasa hendak jawab dan lagi sekali sukalah saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan saya memberi jaminan atas apa-apa teguran yang telah dibuat tadi, kita boleh kaji dan jika sesuai, kita akan menjalankan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PEJABAT POS (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.27 ptg.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bagi Meminda Akta Pejabat Pos 1947 dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 iaitu memasukkan Seksyen baru 14A kepada Seksyen 14; meminda Seksyen-seksyen 60, 61, 62, 69, 70, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 80, 83, 89, 93 dan 94, dan akhir sekali meminda Seksyen 90 dan memasukkan seksyen baru 90A, 90B, dan 90C.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Pejabat Pos 1947 yang ada sekarang ini tidak ada sebarang peruntukan yang memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab terhadap Jabatan Perkhidmatan Pos untuk mengambil tindakan tertentu mengenai pelancaran perjalanan sistem perkhidmatan pos bilamana keadaan kecemasan atau darurat berlaku.

Oleh itu, Akta Pejabat Pos 1947 yang ada sekarang ini perlulah dipinda bagi membolehkan Menteri yang bertanggungjawab menggunakan kuasanya mengambil sebarang langkah yang munasabah dalam menentukan tugas penghantaran mel berjalan terus walaupun berlaku keadaan-keadaan kecemasan yang mengancam khidmat pos, seperti mogok, ataupun piket oleh mana-mana pihak secara berpanjangan. Sungguhpun sehingga hari ini perkhidmatan Pos di negeri kita tetap berjalan lancar dan memuaskan, namun peristiwa-peristiwa yang berlaku di beberapa negara lain yang menderita teruk akibat dari tindakan para pekerja, termasuk kakitangan Pos, memberi peringatan kepada kita untuk mengambil langkah berjaga-jaga terhadap kemungkinan bahaya yang serupa akan berlaku yang akibatnya rakyatlah yang akan mengalami kesusahan. Oleh yang demikian, satu seksyen baru 14A adalah dicadang bagi dimasukkan ke dalam Akta ini.

Seksyen baru ini adalah bertujuan memberikan kausa kepada Menteri berkenaan mengisytiharkan pengenehan (waiver) sementara akan keistimewaan eksklusif Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Pos, dan membolehkan Menteri berkenaan menggunakan kuasanya apabila keadaan benar-benar memerlukannya tanpa memohon kepada Parlimen untuk membuat pindaan yang sesuai. Dengan adanya seksyen baru 14A maka Jabatan Perkhidmatan Pos akan lebih bersedia menghadapi sebarang keadaan yang mungkin mengancam perkhidmatannya. Satu perkara penting yang

patut ditegaskan di dalam Dewan ini, berhubung dengan seksyen tambahan ini, iaitu mana-mana pihak tidak perlu merasa bimbang. Kuasa yang diberikan kepada Menteri di bawah seksyen baru 14A itu tidak akan digunakan sewenang-wenangnya. Kuasa tersebut hanya akan digunakan sekiranya keadaan benar-benar memaksa dan tidak ada jalan lain lagi.

Rang Undang-undang ini juga untuk meminda seksyen-seksyen yang disebutkan tadi untuk menaikkan kadar denda yang boleh dikenakan ke atas satu-satu kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Pejabat Pos 1947, sebanyak 4 kali ganda. Kadar-kadar denda yang ada sekarang adalah kadar yang ditetapkan 32 tahun yang lalu. Oleh itu, pindaan adalah diperlukan supaya kadarnya tidak ketinggalan zaman. Di samping itu ia juga akan menjadi satu penghalang yang berkesan dan mengurangkan minat mana-mana pihak, baik kakitangan Jabatan Pos atau orang-orang awam, untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta Pejabat Pos, 1947.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya nyatakan tadi bahawa Rang Undang-undang ini juga akan meminda seksyen 90 dengan memasukkan seksyen-seksyen baru 90A, 90B dan 90C.

Di bawah seksyen 90 dan 92 Akta Pejabat Pos 1947, Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah namun dalam kebanyakan kes pihak Jabatan Pos telah juga meminta kerjasama dan bantuan dari Polis di-Raja Malaysia. Pihak Polis telah memberikan kerjasama yang baik sekali. Baru-baru ini, Kementerian saya dimaklumkan bahawa oleh kerana sesuatu sebab yang tak dapat dielakkan, pihak Polis akan penglibatan mereka dalam menguatkuasakan undang-undang yang memberi kuasa tangkapan dan pendakwaan terhadap pesalah-pesalah Pos. Untuk mengatasi masalah ini pindaan perlulah dibuat kepada seksyen 90 dengan memberi kuasa kepada lebih ramai kakitangan, dari yang berpangkat Penolong Penguasa ke atas dan menambah seksyen-seksyen baru 90A, 90B dan 90C, juga dengan tujuan memberi kuasa tambahan kepada lebih ramai pegawai Jabatan Pos menjalankan tugas mereka bukan sahaja menangkap tanpa waran, mendakwa, malah

membuat penyiasatan lebih berkesan atas kes-kes jenayah yang berlaku terhadap Akta Pejabat Pos, 1947.

Kita berharap dengan pindaan-pindaan ini akan memberikan sumbangan yang berkesan mengisi hasrat Kerajaan supaya setiap kakitangan memberi perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat seluruhnya secara penuh kejujuran, disiplin, dedikasi dan bersih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soal di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.34 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi satu dua peninjauan (observation) saya terhadap Akta Pejabat Pos 1947 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Dengan adanya Rang Undang-undang (Pindaan) ini saya rasa bahawa disiplin di kalangan pekerja-pekerja Pos dapat dikekalkan demi kepentingan perkhidmatan pos di negara kita. Di samping ini saya juga berpendapat bahawa aduan-aduan daripada orang ramai mengenai perkhidmatan pos tidak memuaskan dapat dikurangkan dengan lulusnya Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya berharap bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini pihak Jabatan Pos dapat memperbaiki perkhidmatan pos di negara kita khasnya untuk menentukan bahawa penghantaran mel-mel atau surat-surat dari satu tempat ke satu tempat yang lain dapat dipercepatkan. Kami sentiasa mendengar aduan-aduan dan juga kami pernah melihat surat-surat aduan di suratkhbar-suratkhbar

tempatan yang menyarankan bahawa sentiasa berlakunya kes-kes kelewatan penghantaran mel-mel dari satu tempat ke satu tempat yang lain, misalnya, dari Kuala Lumpur ke Petaling Jaya ataupun dalam kawasan saya dari Jalan Pudu ke Jalan Ipoh.

Umpamanya, saya pernah menerima aduan bahawa mel yang dihantar dari Kuala Lumpur ke Petaling Jaya mengambil masa lebih kurang satu minggu, padahal mel yang dihantar dari Kuala Lumpur ke Singapura mengambil masa yang lebih singkat. Kes-kes seperti ini pernah berlaku di tempat kita dan memangnya timbul sebab-sebab yang kita berasa payah untuk menerimanya. Saya berasa kes ini mungkin berlaku atas sebab kurang kecekapan ataupun kecuaiian sebilangan kecil pekerja-pekerja pos.

Tuan Yang di-Pertua, di samping ini juga berlaku kes-kes di mana mel-mel telah hilang dalam proses penghantaran dari satu tempat ke satu tempat lain dan juga berlaku kes-kes pada masa lampau di mana wang tunai yang disertakan dengan surat telah didapati hilang apabila surat itu diterima oleh si penerima. Saya berharap bahawa dengan adanya Rang Undang-undang (Pindaan) ini yang bertujuan untuk meningkatkan lagi disiplin di kalangan pekerja-pekerja pos, masalah-masalah ataupun aduan-aduan yang telah disebutkan oleh saya tadi boleh diatasi atau dapat dielakkan.

Akhirnya, ada satu point lagi yang saya ingin mengatakan di sini iaitu berkenaan dengan perkhidmatan pos di dalam Wilayah Persekutuan. Di sini saya ingin mengesyorkan bahawa Jabatan Pos dapatlah mengambil tindakan yang wajar untuk memperbaiki perkhidmatan pos dalam Wilayah Persekutuan dengan mengadakan pejabat-pejabat pos kecil misalnya di tiap-tiap estet perumahan. Oleh sebab saya berasa ini adalah satu perkara yang sangat perlu untuk menentukan bahawa penduduk-penduduk dapat menikmati perkhidmatan pos yang lebih cekap dan lebih baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.40 ptg.

**Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun serta memberi

sokongan yang kuat kepada satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 yang baharu dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Saya yakin dan percaya dengan ada pindaan-pindaan tersebut maka sudah tentulah perkara-perkara yang tidak dapat disempurnakan perjalanan Pejabat Pos ini dapat dijalankan dengan lebih sempurna dan teratur apatah lagi sepertimana dikatakan Yang Berhormat Menteri tadi, Undang-undang yang kita pakai sekarang telahpun begitu lama agak lapuk dan sesuai benar dengan masa dan ketikanya bahawa Undang-undang ini patut dipinda dan perlu diberi sokongan yang kuat oleh seluruh Ahli-ahli Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ditimbulkan oleh wakil dari Kuala Lumpur Bandar tadi masalah surat-surat hilang, wang tunai hilang dan sebagainya; ini adalah cerita lama, cerita lama yang tidak perlu diungkit-ungkit atau dibangkitkan kerana masalah surat hilang, wang tunai hilang yang dianggap oleh wakil tersebut berlaku curang oleh pegawai-pegawai yang berkenaan boleh kata sangat kurang di akhir-akhir ini kerana Kementerian berkenaan telahpun menyusun satu strategi yang agak baik dan lengkap dengan mengadakan latihan-latihan tertentu kepada seluruh anggota kakitangan Pejabat Pos di segala peringkatnya yang mana boleh dikatakan tiap-tiap bulan latihan-latihan ini dijalankan oleh pihak Kementerian berkenaan dan ini perlu diberi sanjungan yang tinggi, diberi tahniah oleh seluruh rakyat kerana dengan adanya latihan-latihan ini kita yakin dan percaya seluruh kakitangan terutama sekali mereka yang berdamping dan yang bertugas untuk kepentingan rakyat akan boleh menjalankan tugas dengan lebih sempurna, lebih cekap dan lebih teratur daripada apa-apa yang telah dijalankan dahulu. Ini adalah cara yang diambil oleh Kementerian berkenaan untuk mengelakkan daripada apa yang berlaku sepertimana yang ditimbulkan oleh wakil dari Kuala Lumpur Bandar tadi yang mana itu adalah dianggap sebagai cerita-cerita dongeng dan cerita-cerita yang telahpun lapuk dan lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan, berkenaan dengan satu masalah yang ditimbulkan, yang

sedang dihadapi oleh penduduk di Alor Setar. Di Alor Setar ada satu Pejabat Pos di tengah-tengah bandar Alor Setar yang mana kedudukan Pejabat Pos ini tidak begitu sesuai pada masa sekarang oleh kerana sangat banyak rakyat bertumpu kepada perkhidmatan pos kadangkala apabila hendak beli setem terpaksa beratur sehingga ke tepi jalan yang begitu sibuk dengan lalu lintas. Maka ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak Kementerian yang berkenaan supaya satu tapak baru di Alor Setar boleh dicari dan boleh membina satu Pejabat Pos yang besar di bandar Alor Setar yang sedang pesat maju pada hari ini.

Saya mengucapkan setinggi-setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan kerana Menteri sendiri sedar dengan adanya kesesakan tersebut maka dua Pejabat Pos Kecil telah ditubuhkan di Alor Setar iaitu satu di Jalan Tunku Ibrahim dan satu lagi di Wisma Negeri. Itu pun dengan adanya tiga buah Pejabat Pos di Alor Setar masih terdapat ramai orang-orang yang hendak membeli setem 15 sen terpaksa menunggu lebih daripada 15 minit. Ini perlu dikaji dan disemak supaya kesesakan ini dapat dikurangkan oleh pihak Kementerian dengan apa cara juga, insya Allah dengan ada latihan-latihan ini saya yakin dan percaya kesesakan itu akan berkurangan apatah lagi kalau Menteri berkenaan bersetuju hendak mengadakan satu Pejabat Pos di Alor Setar yang lebih besar, yang lebih teratur dan lebih sempurna daripada apa yang kita ada pada hari ini di Alor Setar itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan, berkenaan dengan agen-agen pos di peringkat kampung. Lazimnya agen-agen ini dilantik oleh pihak perkhidmatan pos tetapi kadangkala agen-agen ini apabila orang hendak membeli setem kedai mereka masih belum dibuka. Ini juga perlu diberi pertimbangan, kalaulah ada agen-agen yang tidak memberi perkhidmatan yang memuaskan maka patut sangat agen yang lain patut diberi tugas yang serupa itu kerana dengan lalainya agen-agen yang ada itu maka kesulitan yang besar akan menimpa penduduk-penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menarik kepada satu perkara yang kalau kita tengok daripada perkhidmatan pos ini berkenaan

dengan kenderaannya. Kenderaannya berwarna merah tetapi merah yang dipakai oleh perkhidmatan pos itu tidak begitu merah seperti perkhidmatan bomba. Merahnya tidak begitu menarik, kalau boleh kenalah buat bagi merah elok sedikit daripada merah yang ada sekarang ini. Kalau kita bandingkan kedua-dua merah itu, merah perkhidmatan bomba dengan merah pejabat pos nampak malap sangat merah yang digunakan oleh perkhidmatan pos itu. Maka oleh yang demikian eloklah kalau hendak buat merah carilah merah yang elok sedikit. Jangan ada merah sepertimana yang kita ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya perhatikan kebanyakan kenderaan-kenderaan yang dimiliki oleh perkhidmatan pos ini adalah jenis daripada kenderaan yang lama, kadangkala menggendalakan perkhidmatan pos menghantarkan surat-surat kerana lazimnya kenderaan-kenderaan ini banyak masanya berada di woksop daripada menjalankan tugasnya berkhidmat untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang perlu dan mustahak diberi perhatian oleh pihak Yang Berhormat Menteri di atas pakaian yang digunakan oleh posmen-posmen. Kalau boleh pakaian itu biarlah lebih menarik, lebih sempurna, lebih elok dan lebih kemas kerana pakaian yang digunakan hari ini nampak selekeh sangat, selekeh dan tidak sempurna. Jangan pula kita membuatkan satu jenis corak pakaian yang begitu menarik sepertimana yang digunakan oleh sebuah negeri di Tenggara Asia ini yang mana pakaian itu boleh dijual oleh posmen. Dan posmen-posmen menjalankan tugas dengan tidak ada pakaian-pakaian biasa sahaja kerana uniform yang diberi kepada mereka itu terlalu cantik sehingga demandnya lebih baik kepada orangramai, orangramai lebih suka pakai pakaian posmen daripada posmen sendiri. Dan di dalam negara itu saya mendapat faham surat-suratnya tidak bubuh dalam beg, cuma dibubuh di dalam kotak sahaja. Jadi memandangkan kepada ini nampaknya kita mencupai setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan setidak-tidaknya cara-cara delivery atau menghantar surat-surat ini oleh posmen-posmen ini adalah teratur dan sempurna

hanya pakaian dia sedikit sahaja nampak kurang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya perlu maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri mungkin beliau sendiri tidak tahu. Apa yang dikatakan oleh wakil dari Kuala Lumpur Bandar tadi di tempat saya lebih dahsyat lagi kerana di kampung kadang-kadang kita hantar surat 15 hari tidak sampai kepada destinasi yang kita tujukan walhasilnya, kawasan saya itu bukanlah luas sangat, cuma dua kali besar negeri Perlis, negeri sahabat saya daripada Kangar itu tetapi kadang-kadang suratnya 15 hari baru sampai. Saya tidak tahulah di mana silap, di mana salahnya, mungkin juga posmen-posmen ini hanya meninggalkan surat-surat itu di kedai-kedai kopi di kampung-kampung, tidak sampai kepada orang berkenaan yang patut menerimanya itu. Ini mungkin juga apabila posmen ini pergi, dia pakai tanya di mana si anu, kenalkah si anu; kalau orang itu kata kenal, ditinggalkan surat di situ. Ini perlu diberi perubahan jika betul-betul kita berhajat hendak memberi perkhidmatan pos yang baik kepada rakyat. Maka ini sangat-sangat perlu apatah lagi di kampung-kampung pada hari ini penyakit masyarakat yang begitu bergelora.

Selepas pilihanraya lazimnya, surat-surat diterima oleh orang yang tidak patut terima, iaitu katakanlah surat daripada UMNO dia pergi hantar ke satu kampung dan dia tidak tahu orang ini UMNO atau PAS. Tetapi dia hanya bertanya, kenalkah Setiausaha UMNO, maka orang PAS itu kata dia kenal orang ini, maka surat itu diambil oleh orang PAS kerana dia mengaku dia kenal orang UMNO ini. Tetapi akhirnya surat itu tidak sampai. Ini patut sangat diberi perhatian supaya surat-surat yang sepatutnya dihantar di kampung mestilah sampai di tangan orang-orang yang perlu menerima surat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya perlu memberi ucapan tahniah kepada Kementerian ini kerana terlancarnya satu jenis perkhidmatan pos yang dinamakan express service. Express service ini bukanlah ada bayaran lebih, tetapi surat-surat yang dihantarkan oleh kita, misalnya kalau saya tinggal di Alor Star menggunakan express service dengan bayaran biasa sahaja dan keesokan harinya destinasi tempat saya

poskan surat itu katakanlah di Kuala Lumpur boleh menerima hari yang esok dengan tidak membayar setem yang lebih. Ini satu-satu perkhidmatan yang mana saya agak rakyat memberi sanjungan yang tinggi dan ini juga rupa corak pembaharuan yang dijalankan oleh perkhidmatan pos ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu banyaklah kita nampak dengan adanya pindaan-pindaan ini lebih banyak jenis-jenis pekerjaan kecekapan akan dijalankan oleh perkhidmatan pos ini terutama sekali mereka yang ada berdampingan rapat dengan rakyat baik di kaunternya, baik posmennya, pegawai-pegawai eksekutifnya. Maka dengan ini kita berharap perkhidmatan pos di dalam negara kita ini akan menjadi satu perkhidmatan pos yang terbaik di dalam dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong sepenuhnya supaya pindaan Rang Undang-undang ini diberi persetujuan 100% oleh Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak.

*5.54 ptg.*

**Tuan Kamaluddin bin Maamor (Hilir Perak):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-Undang meminda Akta Pejabat Pos 1947.

Saya dapati telah menjadi satu trend baru-baru ini di mana Kerajaan meminda undang-undang untuk memberi lebih kuasa kepada pegawai-pegawai yang tertentu. Saya takut kuasa yang diberi kepada pegawai yang tertentu itu akan tidak dilaksanakan mengikut undang-undang bahkan akan disalahguna. Keraguan saya ini adalah disebabkan yang pegawai-pegawai tertentu itu mungkin tidak dapat latihan yang sewajarnya sebelum mereka diberi tugas.

Saya suka merujuk kepada seksyen 90A, 90B dan 90C yang baru ini yang memberi kuasa menyalah kepada Pegawai Pos yang berpangkat Assistant Superintendent ke atas. Saya berharap supaya latihan yang cukup hendaklah diberi kepada pegawai-pegawai tersebut sebelum mereka diberi kuasa menyalah kesalahan-kesalahan di dalam Akta ini. Jika sekiranya latihan tidak

mencukupi tidak diberikan kepada mereka itu maka saya takut penyalahgunaan ini akan berlaku dan rakyat biasa yang akan menjadi mangsa dari tindak-tanduk pegawai tertentu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya Kementerian ini akan mengambil berat memberi latihan yang secukupnya kepada pegawai yang tersebut.

Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

*5.55 ptg.*

**Tuan P. Patto (Menglembu):** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada satu dua perkara sahaja yang ingin dibangkitkan.

Yang pertama, Yang Berhormat Menteri apabila mengemukakan Rang Undang-undang ini sebagai pindaan kepada Akta Pejabat Pos 1947 menyatakan banyak peruntukan adalah dalam bentuk menambakan hukuman denda dan penjara. Ini dengan sendirinya sudah bererti bahawa undang-undang yang ada sehingga kini adalah terlalu longgar dan juga mungkin Rang Undang-undang ini dibawa selepas disedari bahawa kecurangan-kecurangan tambah berlaku di kalangan pentadbiran pos. Maka perlulah pindaan ini untuk menambah berlipatganda hukuman denda dan penjara. Di samping itu juga saya hendak menyentuh satu dua perkara lagi.

Tadi Yang Berhormat dari Ulu Muda berkata bahawa rakan saya dari Kuala Lumpur Bandar yang membawa perkara tentang kehilangan surat-surat dan wang tunai yang ada dalam sampul surat adalah cerita dongeng dan lama. Tetapi beliau lupa apabila beliau sendiri membawa perkara surat tidak sampai dalam tempoh 15 hari di kampung-kampung. Jadi yang mana satu dongeng, saya tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin beliau sendiri sudah tidak sedar diri semasa mengatakan perkara hilang surat yang dibawa oleh rakan saya itu cerita dongeng, tetapi perkara surat tidak sampai sepanjang tempoh 15 hari bukan dongeng, benar, saya

tidak tahu mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah tentang keselamatan posmen-posmen. Saya mendapat tahu di kawasan saya sendiri beberapa kali posmen digigit oleh anjing. Daripada apa yang saya difahamkan setiap orang posmen itu dikehendaki memberi surat yang dialamatkan kepada orang itu direct, sekiranya orang itu tidak ada di alamat tersebut maka surat itu hendaklah dipulung balik ke Pejabat Pos dan dibawa sekali lagi keesokan harinya. Jadi dalam hal ini banyak kali berlaku, mereka diserang oleh anjing, sama ada yang berlesen atau tidak berlesen. Kalau yang berlesen dapatlah dicari tuan punya, yang tidak berlesen itu—entah apa hendak buat. Saya berharap supaya Kementerian boleh mencari satu jalan di mana satu compensation boleh diberi. Saya tahu masalah keselamatan susah sedikit bagi posmen supaya dilindungi daripada digigit oleh anjing ataupun lain-lain binatang, tetapi mungkin compensation boleh ditimbang oleh pihak pos.

Itulah sahaja pandangan saya, terima kasih.

5.57 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan saya berpendapat cara penyampaian pos ini adalah sangat perlu kepada kita semua.

Saya anggap Pejabat Pos ini adalah satu pejabat perhubungan ataupun penyampaian, pendek kata kalau satu-satu benda yang baik sekalipun kita akan tuju kepada seseorang, kalau orang yang kita akan tuju itu tidak sampai maka ini adalah satu mala petaka yang amat besar. Kerana dalam segi penyampaian cara surat ini untuk memberitahu sesuatu perkara itu sama ada berita baik atau tidak baik untuk menghubungi di antara kedua belah pihak iaitu pihak yang memberi dan pihak yang menerima. Dalam segi inilah juga macam kita kata kalau di segi lain boleh diibaratkan sebagai dakwah, kerana penyampaian ini adalah satu perkara yang amat mustahak. Rang Undang-undang yang telah dikemukakan ini ialah untuk menyampaikan

dengan selamat dan terjamin dan seberapa cepat yang boleh.

Saya amatlah bersetuju dengan sesungguhnya, kerana ini sebagaimana saya katakan tadi bagaimana baik perkara itu sekalipun kalau tidak sampai kepada matlamatnya yang dituju baik disegi pengajaran, di segi apapun kalau tidak sampai kepada dua belah pihak adalah dianggap sebagai mala petaka.

Sebagaimana kita tahu di zaman sains dan teknologi hari ini satu-satu berita kita hendak seberapa cepat yang boleh. Tetapi tidaklah seperti berita di talivesyen dan radio hendak menghubungkan kepada satu-satu orang yang tertentu melainkan pengumuman dalam TV atau radio adalah dengan cara umum. Ini kita dapat tahu. Begitu juga melalui telefon. Surat ini adalah sebagai pengganti yang kedua yang secara rasmi khasnya kepada orang-orang yang tidak ada kemudahan. Saya maksudkan tadi telefon dan sebagainya. Surat adalah sebagai pengganti untuk menyampaikan kepada satu pihak kepada satu pihak yang dituju. Alangkah sedih kalau surat yang dihantar berlaku sesuatu perkara yang kadang-kadang tidak sampai dan kadang-kadang kalau sampai pun masa yang dituju yang dikehendaki misalnya temuduga. Biasa berlaku seseorang dipanggil untuk temuduga misalnya pada 14hb tetapi apalah hamba Allah hendak buat suratnya sampai pada 16hb. Ini biasa berlaku Tuan Yang di-Pertua.

Dengan sebab itu sebagaimana saya kata tadi penyampaian ini mengakibatkan orang yang terima itu boleh jadi nasib dia bagus dengan kerana tak sampai surat ataupun sampai lewat dari masa yang ditentukan menyebabkan surat yang diterima itu sia-sia. Begitu juga kadang-kadang dalam segi-segi perniagaan misalnya satu-satu benda yang diposkan dengan surat, maaf, Tuan Yang di-Pertua, biasa saya dengar daripada pemborong-pemborong, baik ceknya jauh daripada satu negeri ke satu negeri, misalnya, Kuala Lumpur kalau hendak pos cek ke Kangar kadang-kadang memakan masa sampai 4-5 hari lebih. Dengan sebab itu, dengan pindaan Undang-undang yang dibuat baru ini, saya berharap seberapa cepat yang boleh dan terjamin kepada apa-apa yang diperlukan dalam surat yang dikandungkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu pada pendapat saya dan saya menganggap posmen atau pejabat pos serta pembawa surat ini adalah orang, kalau hendak kata nabi tak boleh, ini bukan nabi, nabi tetap Nabi Muhammad, tetapi orang menyampai. Penyampai adalah mustahak, orang perantaraan adalah amat mustahak. Kalau orang perantaraan itu buat silap maka akibatnya tak baik. Saya anggap pejabat pos ini walaupun dia duduk dalam Kementerian yang sudah ada ini tetapi adalah satu kerja yang membuat perhubungan, penyampaian, itu pada pendapat saya. Jadi biarlah ada perasan kepada orang ini bila ditugaskan kepadanya biar ada penuh amanah dengan tidak memandang sahsiah atau peribadi. Maksud saya macam dikatakan oleh Wakil dari Ulu Muda tadi, pertama kalau kita tahu sedikit-sebanyak tempat yang ada perselisihan parti kita kena yakin yang surat kita itu sampai.

Kedua, kadang-kadang pihak pembawa surat itu sendiri, ini biasa berlaku di Perlis, seorang budak yang cukup bagus tetapi kerana peribadi bukan peribadi tak baik, tetapi sahsiah kepada orang yang hendak dituju, dia marah kepada satu orang yang dia hendak tujuan surat itu, bila dia tengok surat itu dia tahu kepada siapa dia hendak tuju, surat orang yang hendak dituju itu musuh dia dengan cara peribadi maka sampai berhari-hari, kadang-kadang surat itu dia tak hantar langsung. Ini biasa berlaku. Apakah akan jadi kepada keluarga yang hantar surat kepada anaknya itu melalui seorang pembawa surat yang dibawa itu dikhianatkan, apa perasaannya. Kita tahulah kalau kita sendiri sebagai bapa ataupun surat-surat lain termasuklah surat-surat macam zaman anak muda hari ini, surat-surat yang berwarna hijau dan sebagainya itu kita tolak sebelah kerana surat warna hijau itu kadang-kadang tak begitu mustahak, sungguhpun begitu pihak anak muda tentulah berasa sedih, apatah lagi surat-surat yang paling mustahak. Ini patutlah diawasi betul-betul kerana kerap kali berlaku.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan setengah pendapat kawan saya dari Ulu Muda tadi mengatakan surat express register itu terlampau cepat—bagus tetapi saya pun hairan kadang-kadang biasa dibuat dengan express register, diharapkan express ini kita tahu cepat tetapi biasa berlaku sampai

4—5 hari. Jadi kalaulah express sampai 5 hari express apa? Express ini maksud saya deras tetapi biasa berlaku cukup lambat. Saya berharap perkara ini diambil tindakan juga.

Saya bersetuju dengan pendapat kawan saya kata tadi, barangkali beliau melawak atau berkelakar mengatakan kawasan dia dua kali Perlis, tak tahulah saya. Walau macam, manapun Perlis tetap satu negeri tetapi lambat sungguh hantar surat, biasa berlaku sampai 4—5 hari di antara Perlis dengan Perlis baru sampai. Saya tak tahu di mana kesalahannya sedangkan Perlis, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya mengakui apa yang dikatakan oleh saudara saya dari Ulu Muda tadi memang satu negeri yang kecil, daripada Sanglang sampai ke Padang Besar 35 batu. Jadi pendek kata kalau hendak pusing dalam Perlis itu oleh pembawa surat itu, saya ingat tak boleh lebih daripada sehari, tetapi malangnya saya tak tahu sampai 4 hari, kadang-kadang dalam pekan Kangar sendiri biasa jadi sampai 3 hari. Ini boleh jadi ada daripada pembawa surat itu khasnya posmen yang tidak bertanggungjawab. Walaupun latihan itu sudah diadakan dengan berbagai-bagai cara, saya berharaplah kepada Menteri yang berkenaan panggil lagi, panggil beri kursus lagi, beri erti lagi, beri faham betul-betul: Tuan-tuan adalah amanah Kerajaan. Kalau tuan-tuan tak beritahu dengan cepat ini membawa akibat orang yang terima, ini tak baik dan tuan-tuan akan berdosa kepada Tuhan. Kalau yang faham cara agama, agama apa pun takut kepada Tuhan melainkan komunis tak percaya kata adanya Tuhan, biar dia faham betul-betul macam itu. Ini bukan setakat makan gaji, ini tanggungjawab kita amanah dengan Tuhan kerana terlibat surat ini lambat atau cepat, tak sampai terus kepada orang yang dituju akibatnya tak baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kononnya cakap Menteri?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ya, kononnya cakap Menteri kepada orangnya, pegawainya, Begitulah, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap patut latihan ini diadakan. Saya tak salahkan pihak atasan atau pihak Menteri kerana pihak Menteri ini untuk menyampaikan sahaja perkara ini. Saya harap sangat-sangat perkara ini patut diadakan.

Satu lagi apa yang dikatakan oleh Wakil dari Ulu Muda tadi saya bersetuju sungguh tentang pakaian itu betul sebab saya dapati sendiri posmen ini kita tengok pakaiannya pelik sangat. Ada setengahnya bila dia hendak pergi ke Kangar dia dengan sertamerta tukar kerana saya dapati banyak budak-budak posmen, saya pun berkawan dengan mereka, bila dia hendak pergi ke tempat lain cepat-cepat dia tukar pakaian, dia berasa malu, saya pun tak erti walhal saya tengok molek juga pakaian itu. Saya fikir patutlah disesuaikan. Kalau Menteri kata tadi Undang-undang ini sudah banyak kali dipinda, pakaian pun dipinda juga pinda agak sesuai.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, kerana Menteri dan Timbalan Menteri Telekom ini orangnya handsome, pakaiannya selalu baik, Jadi cara dia itu dia sendirilah tahu mengikut keadaan yang sesuai dengan keadaan masa kerana macam saya kata tadi saya tak payahlah hendak kata macam mana, saya yakin Menteri dan Timbalan Menteri yang handsome, yang saya kata cantik tadi dari segi cara orang dan pakaian taulah cara-cara mengikut keadaan yang sesuai. Saya harap ubahlah mengikut keadaan yang sesuai, jangan lebih sangat dan macam mana kata Wakil dari Ulu Muda tadi saya bersetuju.

Tetapi tentang apa yang dikatakan oleh Wakil dari Menglembu tadi saya bukanlah hendak bangkang sebab parti lawan, kalau semua parti lawan kita hendak bangkang tak elok tetapi kalaulah hendak beri satu-satu surat kalau tak ada tuan rumah bawa balik ke pejabat banyak surat tak sampai, tak taulah saya di bandar tetapi bagi luar bandar manusia ada di rumah masanya terhad, kadang-kadang kerap kali dia ada sebelum pukul 7.00 pagi, selepas pukul 7.00 pagi berkeliaranlah manusia ini keluar cari makan; anak-anaknya ke sekolah, yang ibu-bapanya ke sawah dan ke ladang potong getah dan sebagainya, maka pukul 12.30 tengahari barulah bersama-sama ada di rumah, di masa itulah pembawa surat atau posmen itu datang ke rumah. Kalau tak ada orang hendak bawa balik, saya ingat sampai sebulan. Jarang hendak cari masa yang kita hendak tuju itu pihak yang kita hendak beri surat itu ada di rumah. Dengan sebab itu tak payah ikutlah, saya bukanlah suruh Menteri

tak beri ikut tetapi pendapat saya berlainan sedikit, kecuali kalau surat-surat yang ditentukan macam register dan sebagainya ini surat penting atau surat yang mesti ditandatangani mesti berjumpa dengan tuannya dan saya yakin pihak pejabat pos pun bersetuju dengan apa yang saya katakan tadi.

Tentang beri surat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ada setengah kampung banyak dan kita tidak boleh hendak tuju kepada tiap-tiap rumah, jadi ada juga yang dipesan dan yang beri. Saya yakin boleh pihak posmen itu beri kepada orang lain daripada tuannya sendiri kalau dia kenal baik dengan orang yang dia hendak beri itu selepas dia dapat pengakuan mengatakan: saya sanggup hendak tolong menyampaikan kalaulah pihak yang hendak diberi itu tak ada ditempatnya, tak ada di rumah dan sebagainya. Ini pendapat saya. Janganlah dibawa balik, kalau bawa balik sebulan surat itu takkan sampai, ini saya yakin sangat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman sains dan teknologi ini kata orang terlampau deras walaupun ada motosikal. Motosikal itu sebagaimana dikatakan oleh Wakil dari Ulu Muda itu terpulanglah kepada Menteri asalkan ada kenderaan sangat mustahak tetapi masih ada lagi posmen hari ini yang tidak ada kenderaan khas. Walaupun ada tetapi setengahnya menggunakan kenderaan sendiri dan setengahnya terpaksa menggunakan basikal lagi. Dengan sebab itu terpaksa surat-surat itu lambat sampai. Saya harap sangat kepada tempat-tempat yang masih tak ada lagi kenderaan kepada pembawa-pembawa surat ini patutlah diadakan seberapa segera kerana kalaulah mereka ini terpaksa menggunakan basikal dan sebagainya tentulah memakan masa yang lama dan tak boleh hendak sampai seberapa cepat yang boleh.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Wakil dari Ulu Muda tadi kereta pejabat pos ini yang ada di belakang Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur banyak sangat yang jahanam dan bila hendak diperbaiki dan kalau tak boleh diperbaiki saya fikir masukkanlah dalam mana-mana tender, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, macam kata orang 'keling botol' atau siapa-siapa patut ambil, sebab terlampau banyak sangat yang rosak. Sama ada benar atau tidak saya tidak taulah sebab saya pun dengar cerita hal pejabat pos ini. Jadi saya

harap kalau yang mana yang tidak berguna itu, kita buang-buang, kita ambil seberapa banyak yang boleh, baik keretanya ataupun kenderaannya tadi sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Pos ini, seperti saya katakan tadi pejabat penyampaian di segenap segi, di segi perkara-perkara lain yang kita hendak buat seperti kita hendak meminta satu-satu perkara yang ada bersangkutan dengan Pejabat Pos, beli setem dan sebagainya. Saya berpendapat hari ini banyak perkara-perkara yang kita hendak kena buat grant dan sebagainya, kadang-kadang saya-pun biasa nampak, katanya mesti dibeli setem, mesti ada setem, untuk memfati setem ia memakan masa yang amat rumit, terutama di Pejabat Tanah.

Pejabat Tanah Perlis itu baiklah, walaupun negeri Perlis itu kecil dan perantaraan Pejabat Tanah dengan Pejabat Pos itu tidak begitu jauh dan orang pun tidak begitu sesak sebagaimana yang ada di bandar Kuala Lumpur. Apakah akan berlaku kepada tempat-tempat yang manusianya sesak dan perantaraan di antara satu pejabat ke satu pejabat itu amat jauh.

Walaupun Pejabat Tanah Perlis dan Pejabat Pos itu boleh dikatakan dekat, itupun terpaksa memakan masa secepat-cepatnya setengah jam pergi dan balik membeli setem dan sebagainya. Apatah lagi kalau masa kita hendak membeli pula orang lebih banyak. Dengan sebab itu, oleh kerana setem-setem Pejabat Pos ini untuk berbagai kegunaan seperti pemati setem, buat perjanjian dan sebagainya, maka saya berpendapat patutlah dikhaskan oleh Pejabat Pos ini satu setem seperti pemati setem dan sebagainya dibuat chop macam setengahnya yang saya biasa tengok seperti yang dibuat oleh kompeni Syarikat swasta yang besar-besar mereka tidak pakai setem, tetapi mereka pakai satu chop. Apa cara mereka buat pun—Wallahualam saya pun tidak tahu. Ikhtiarkan seperti ini, jangan bila hendak mati setem seseorang terpaksa pergi ke Pejabat Pos, datang semula ke Pejabat Tanah ataupun mahkamah dan sebagainya. Perkara ini kerap kali berlaku.

Saya berharap kalau tidak boleh buat cara yang seperti itu ikhtiarkanlah di Pejabat-pejabat Pos sendiri, adakah agen atau wakilnya di Pejabat Tanah misalnya patut diberi setem

sekian-sekian banyak, pada sekian-sekian masa; ini dia setemnya. Kalau sesuatu perkara berlaku, Pejabat Pos mewakili Pejabat Tanah untuk menjualkan setem.

Begitu juga kepada mahkamah ataupun lain-lain pejabat yang selalu bersangkutan yang terpaksa beli setem, barulah satu-satu perjanjian itu dapat dilakukan. Ini secara tidak langsung sebagai satu jalan macam mana kita katakan hendak memudahkan penyampaian surat. Ini juga hendak memudahkan kerja, mana-mana kerja yang memakan masa sehari boleh dibuat tidak sampai sehari; kadang-kadang boleh jadi dua hari kerana hendak membeli setem dan kadang-kadang boleh jadi had 15 minit terpaksa lebih daripada sejam kerana Pejabat Pos ini di tempat lain dan pejabat yang berkenaan inipun di tempat lain. Maka dengan sebab itu, saya berharap kalau boleh, tolonglah pinda untuk kepentingan umum.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

*6.13 ptg.*

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan), 1971 ini, saya suka memberi beberapa pendapat yang mungkin dapat menolong kepada pihak berkenaan bagi menentukan di dalam perkhidmatan pos ini. Tetapi sebelum itu biarlah saya menyebutkan sedikit bahawa di dalam ucapan wakil dari Kuala Lumpur Bandar dan juga wakil dari Menglembu tadi saya tidak faham sama ada beliau itu menyokong ataupun tidak Rang Undang-undang ini, tetapi walau bagaimanapun daripada percakapannya beliau tidak menyebut sama ada dia menyokong atau tidak, tetapi saya menganggapkan beliau itu menyokong Rang Undang-undang ini.

Walau bagaimanapun daripada apa yang saya katakan tadi wakil dari Menglembu ini sedar kemudian daripada yang telah disedarkan oleh pihak Kerajaan tentang kelonggaran yang ada dalam Akta Pejabat Pos

ini dari segi untuk memperbetulkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ada dalam Pejabat Pos.

Selain daripada itu juga, wakil Menglembu ini menimbulkan soal keselamatan posmen. Saya rasa kalau hendak memberi keselamatan atau kebajikan kepada posmen oleh sebab anjing, ini saya rasa tidak terkena kepada orang-orang Melayu atau kepada rumah-rumah bumiputra ataupun di luar bandar. Tetapi walau bagaimanapun saya memberi cadangan kepada pihak Kementerian berkenaan kalau surat-surat yang dialamatkan kepada rumah yang ada memelihara anjing yang garang, jadi di rumah yang ada anjing garang ini surat itu jangan dihantar supaya mereka itu menjaga anjing ataupun anjing itu ditambat. Jadi kalau sekiranya hendak menyalahkan kepada pihak Kementerian saya rasa ini juga tidak kena.

Begitu juga daripada cerita dongeng atau cerita lama yang dibangkitkan oleh saudara saya dari Kuala Muda tadi. Sebenarnya cerita-cerita dongeng seperti ini memang sebenarnya dongeng kerana kita tidak perlu timbulkan dalam Dewan ini kerana kalau untuk kawasan Kuala Lumpur ini sahaja mungkin dapat ditimbulkan di dalam Majlis Tindakan Daerah supaya pihak pejabat yang berkenaan dapat mengambil tindakan dengan sendirinya kerana sebagaimana yang disebutkan tadi di kampung 15 hari surat baru sampai disebabkan oleh pihak Kuala Lumpur Bandar menyebutkan seminggu surat dalam bandar baru sampai. Kalau itu tidak ditimbulkan mungkin wakil dari Kuala Muda tidak akan menimbulkan soal cerita dongeng yang disebutkan oleh pihak yang berkenaan.

Di dalam menyokong Rang Undang-undang ini saya rasa kuasa yang diberi kepada pihak Menteri adalah sewajarnya bagi mengawasi sekiranya berlaku apa-apa di dalam perkhidmatan pos, misalnya pemogokan sebagaimana yang disebutkan tadi kerana perkhidmatan pos ini adalah memberi manfaat yang paling baik kepada masyarakat supaya tidak menyusahkan kuasa-kuasa itu diberi kepada Menteri bagi melaksanakannya. Tetapi walau bagaimanapun, saya suka di dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya suka menyebutkan beberapa perkara misalnya kekurangan pegawai. Kekurangan pegawai ini juga mungkin dianggapkan oleh

pihak parti lawan sebagai cerita lama, tetapi bagi saya sebenarnya walaupun cerita lama ataupun cerita baru, kalau sekiranya Pejabat Pos ini tidak dapat menambahkan pegawai yang lebih ramai maka hendaklah mengurangkan beban Pejabat-pejabat Pos.

Misalnya di Pejabat Pos selain daripada urusan menghantar surat dan kiriman surat dan sebagainya, Pejabat Pos juga bertanggungjawab untuk menerima bayaran bil api elektrik, juga akan menerima bayaran lesen-lesen radio dan TV dan Pejabat Pos juga akan menyelenggarakan bayaran-bayaran pencen dan juga menjalankan urusan Bank Simpanan Nasional dan beban ini dibebankan kepada Pejabat Pos, walau pun perkara ini dapat diberi kepada Jabatan lain meringankan beban-beban yang dialami oleh Pejabat-pejabat Pos di peringkat daerah ataupun di peringkat-peringkat tempatan. Itulah sebagai satu pilihan (alternative), kalau tidak dapat menambahkan pegawai maka mengurangkan beban yang dijalankan oleh Pejabat-pejabat Pos.

Selain daripada itu, saya tidak tahu bagaimanakah caranya penempatan pegawai dalam satu-satu daerah kerana adakah penempatan pegawai kerani di pejabat-pejabat Pos itu diadakan di tiap-tiap daerah itu berdasarkan daerah ataupun berdasarkan keramaian penduduknya. Saya tidak tahu tetapi walau macam manapun saya mencadangkan supaya pihak Kementerian ini menetapkan pegawai-pegawainya berdasarkan keramaian penduduk kerana saya dapati di tempat-tempat tertentu yang mempunyai pegawai yang sama banyak walaupun satu daerah itu lebih besar daripada daerah yang lain. Jadi, saya tidak tahulah cara bagaimana penempatan pembahagian quota untuk pegawai-pegawai itu tetapi sebagaimana saya sebut tadi saya mencadangkan supaya pegawai pejabat pos itu diperuntukkan berdasarkan keramaian penduduk dalam satu-satu kawasan supaya dapat benar-benar memberikan perkhidmatan kepada rakyat yang benar-benar berkehendakkan pertolongan dan perkhidmatan pejabat pos itu.

Selain daripada itu, bagi mengawasi beberapa perkara misalnya tentang yang dikatakan cerita dongeng tadi iaitu surat-surat tidak sampai saya rasa patut juga pihak pejabat pos satu-satu kawasan itu

mengadakan inspector untuk mengawasi ataupun mengadakan satu pasukan petugas yang mengesahkan, sama ada surat-surat yang dihantar itu sampai. Jadi supaya ada check ataupun supaya ada pengawasan di peringkat-peringkat kampung, jadi kadang-kadang surat itu hanya tergantung kepada posmen. Jadi pasukan petugas ataupun mungkin juga Assistant Superintendent ataupun Ketua Pos dapat membuat lawatan. Tetapi satu perkara lagi seperti saya kata tadi oleh kerana beban terlampau berat diberi kepada Ketua Pos Daerah kadang-kadang itu menyebabkan masa untuk membuat lawatan ke kampung-kampung tidak ada. Jadi kembalilah apa yang disebutkan tadi iaitu mengurangkan beban yang ada kepada pejabat pos daerah, tugas lain daripada berkenaan dengan perhubungan surat dan kiriman-kiriman dan sebagaimana perkhidmatan yang wajib dilakukan oleh pejabat pos.

Selain dari itu, saya suka menyebutkan tentang pos bergerak. Saya rasa pos bergerak ini lebih berkesan atau lebih tepat kalau disampaikan ke kampung-kampung dan saya rasa banyak rakyat di kampung, di daerah pedalaman berkehendakkan pos bergerak ini supaya perkhidmatan pos ini dapat sampai ke kampung-kampung, di tempat-tempat pedalaman tambahan lagi di luar bandar yang rakyatnya tidak sampai ke bandar. Oleh itu, saya mintalah supaya pejabat pos ini menambahkan lagi pos bergerak itu di luar bandar supaya perkhidmatan yang diberikan oleh pos bergerak ini sampai kepada rakyat kerana yang ada sekarang ini saya rasa jauh daripada mencukupi, kadang-kadang satu minggu sekali ataupun dua minggu sekali sampai ke kampung-kampung yang mungkin tidak mencukupi kepada rakyat yang inginkan perkhidmatan pos itu.

Saya juga suka menyebut tentang kuasa yang diberi kepada wakil pos, sebagaimana yang saya tahu kuasa yang diberi hanya untuk menjual setem dan menerima surat ataupun surat register, tetapi wakil pos itu tidak diberi kuasa untuk menyampaikan surat-surat. Jadi, saya minta supaya pihak Kementerian berkenaan memberi kuasa kepada wakil pos itu juga boleh menyampaikan surat-surat ke kawasan yang berdekatan dengan pusat posnya itu. Kalau surat yang tidak dapat disampaikan oleh posmen itu dapat dihantar

oleh wakil pos kerana dengan kuasa yang diberikan ini saya rasa lebih baik perkhidmatan surat itu ke kampung-kampung. Satu perkara lagi surat yang tidak sampai. Saya mencadangkan supaya diadakan satu borang atau daftar surat yang tidak sampai itu yang diserahkan kepada wakil pos, jangan macam yang disebut oleh rakan saya tadi surat itu diletakkan di kedai kopi, simpang tiga dan di rumah-rumah orang yang tidak berkenaan yang tidak bertanggungjawab atas surat itu. Saya lebih suka kalau surat itu diletakkan di tempat wakil pos dan disediakan satu borang surat-surat yang tidak sampai itu kepada wakil pos itu dan menentukan surat itu disampaikan oleh wakil pos tersebut atau orang akan mengambil surat itu di wakil pos itu, dan surat-surat itu dapatlah ketua-ketua pos itu menentukan bahawa berapakah surat yang tidak sampai. Jadi dapatlah mengurangkan ketidakpuasan hati pihak penduduk kampung kerana surat ini tidak sampai sebagaimana yang dikatakan cerita dongeng tadi.

Selain daripada itu, saya suka menyebut sebagaimana yang disebutkan oleh wakil Ulu Muda tadi tentang pengangkutan. Ini betul-betul saya sokong kerana sebenarnya di tempat saya juga ataupun di kampung-kampung banyak van-van digunakan untuk pengangkutan surat itu lebih banyak disimpan di woksyp daripada menjalankan tugas dan juga warnanya dikatakan merah tadi kerana lama tidak dicat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sama cerita Ulu Muda dengan Pasir Puteh?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Ya, ceritanya sama. Jadi, warna itu tidak merah dengan kereta bomba. Selain daripada itu sekarang zaman moden terutama di luar bandar banyak posmen masih lagi menggunakan basikal. Jadi basikal itu layak kalau di bandar di tempat yang dekat-dekat tetapi kalau di luar bandar saya rasa sudah tidak sesuai lagi. Saya rasa patut benarlah posmen-posmen itu dibekalkan dengan motosikal yang baru, bukan yang buruk, kerana bagaimana kita tahu motosikal yang ada itu pun yang tidak habis digunakan di Kuala Lumpur, sudah digunakan selama 10—15 tahun maka dihantar ke Kelantan, terutama ke Pasir Puteh kerana motosikal itu macam saya kata

tadi lebih banyak disimpan di woksyp daripada digunakan. Benda seperti ini patutlah diawasi supaya pihak Pembekal berkenaan kenderaan ini dapat ditambah.

Selain dari itu saya menyebut tentang apa yang disebutkan oleh wakil tadi posmen merupakan kalau dalam Islam orang yang akan menyampaikan salam. Saya dapati bukanlah ini satu tuduhan, tetapi saya dengar satu cerita mengatakan surat-surat itu tidak dihantarkan kepada yang berkenaan terutama sekali selamat hari raya oleh kerana selamat hari raya terlampau banyak. Jadi tidak mampu lagi posmen itu hendak menghantarkan, maka dihantarkan yang mana dapat dan yang tak dapat dia bakar. Ini satu penganiayaan atau satu dosa yang paling besar kerana untuk menghantar selamat hari raya itu adalah seolah-olah macam menyampaikan salam di dalam Islam.

Saya rasa Allah akan mengutuk orang yang membuat kerja seperti itu kerana tidak menyampaikan salam seseorang seperti ucapan selamat hari raya dan salam daripada kaum keluarganya. Jadi perkara ini saya rasa tidak harus berlaku terutama perkara ini timbul di bandar-bandar besar. Ini bukan saya menuduh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab tetapi benda ini pernah

berlaku dan saya rasa pihak Menteri mungkin akan meminta laporan supaya perkara yang berlaku ini dapat diambil tindakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perbincangan atas Undang-undang ini akan disambung esok.

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Dato Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Tan Sri Syed Ahmad Shahbuddin Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Speaker, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga hari esok jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.*